



**[Sidang Dewan pada 20 Ogos 2025 - Hari Pertama Persidangan]**

**YB. TUAN SPEAKER**

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi. Ahli-ahli yang berhormat sekalian, Dewan disambung semula. Bacaan doa.

**TUAN SETIAUSAHA DEWAN - BACAAN DOA**

**YB TUAN SPEAKER**

Urusan seterusnya. Tuan Setiausaha Dewan.

**TUAN SETIAUSAHA DEWAN**

Pembentangan Kertas-Kertas Dewan oleh YAB. Dato' Seri Menteri Besar Kedah.

**I. PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS DEWAN OLEH YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR KEDAH.**

**YB. TUAN SPEAKER**

Dengan segala hormatnya dipersilakan YAB Dato' Seri Menteri Besar untuk membentangkannya.

**YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR**

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wbarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, dengan ini saya pohon membentangkan Kertas – Kertas Dewan yang berikut seperti di meja Ahli-ahli Yang Berhormat:



- Kertas Dewan Bil. 7 Tahun 2025** - **Penyata Kewangan Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023.**
- Kertas Dewan Bil. 8 Tahun 2025** - **Penyata Kewangan Lembaga Muzium Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023.**
- Kertas Dewan Bil. 9 Tahun 2025** - **Penyata Kewangan Lembaga Maktab Mahmud Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023.**
- Kertas Dewan Bil. 10 Tahun 2025** - **Penyata Kewangan Majlis Sukan Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023.**

Sekian, terima kasih.

#### **YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih YAB. Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli – ahli Yang Berhormat sekalian. Pada pagi ini kita ada menerima pemerhati daripada Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) seramai 30 orang dan Majlis Ikatan Mahasiswa Darul Aman (MINDA) seramai 9 orang.

Urusan seterusnya, Tuan Setiausaha

#### **TUAN SETIAUSAHA DEWAN**

Sesi pertanyaan – pertanyaan mulut.



## II. SESI PERTANYAAN – PERTANYAAN MULUT

**YB. TUAN SPEAKER**

Dipersilakan YB. ADUN Sidam.

**YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK**

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Pantun sikit boleh?

**YB. TUAN SPEAKER**

Boleh! Boleh!

**YB. TUAN SPEAKER**

Pagi-pagi dari Olak Madu, mohon jawapan soalan nombor 1. Terima kasih.

**1. YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK  
[ADUN SIDAM]**

Penambahan penduduk dan keperluan tempat tinggal begitu penting dan akhir-akhir ini ramai mencari rumah rumah untuk disewa.

Pohon dinyatakan apakah langkah dan usaha kerajaan bagi menampung keperluan penduduk yang kurang mampu agar dapat membeli rumah sendiri?

**YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih YB. Sidam. Dipersilakan YB. Kuala Ketil.

**YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA**

Yang pertama ni dia gelabah sikit.

**YB. TUAN SPEAKER**

Silakan Yang Berhormat.



## YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah robbil 'alamin wassola tuwassala muala asyrofil anbiya iwal mursalin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in. Terima kasih YB. Speaker, terima kasih YB. Sidam, YAB. Jeneri dan kepada seluruh Ahli-ahli Sidang Dewan yang saya hormati pada pagi ini, dan terima kasih kehadiran daripada MBAS dan MINDA pada pagi ini. Saya jawab sikit pantun boleh ya?

*Tepuk amai-amai,  
Belalang kupu-kupu,  
Tepuk biar rama,i  
Saya jawab soalan nombor satu.*

Hat tu yang boleh ingat pun YB. Sidam. Soalan daripada YB. Sidam ni adalah berbunyi begini, penambahan penduduk dan keperluan tempat tinggal begitu penting dan akhir-akhir ini ramai mencari rumah-rumah untuk disewa. Pohon dinyatakan apakah langkah dan usaha kerajaan bagi menampung keperluan penduduk yang kurang mampu agar dapat membeli rumah sendiri. Soalan daripada YB. Sidam ini adalah lebih kepada *general statement* sebab yang pertama adalah mencari rumah sewa, yang kedua membeli rumah sendiri. Tak tau berapa ramai, kawasan mana, jadi jawapan saya pun agak panjang, mencakupi semua perkara, dan akhir perbincangan nanti saya akan bagitahu apakah pakej-pakej yang kerajaan buat. Baik YB. Sidam na?

Langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut; Pertamanya, kita telah membuat pemutihan di Unit Perumahan PPR Paya Nahu 1 dan Paya Nahu 2. Paya Nahu 1 ini ada lebih kurang 590 unit rumah tersebut yang telah diduduki sejak 1998 lagi. Kos sewa transit di situ adalah RM90 sahaja. Kita telah buat pemutihan dan ada lebih kurang 30 unit kosong yang kita dapati ada di situ. Bagi PPR Paya Nahu 2, ada lebih kurang 1,472 unit perumahan di situ yang telah diduduki sejak 2004 dengan kadar sewaan transit sebanyak RM124. Murah, kalau ikutkan kedua-dua itu agak murah. Pemutihan ini dibuat sejak tahun ini kita buat pemutihan dan lot-lot yang akan kosong setelah kita buat pemutihan tersebut dibuat oleh Bahagian Perumahan. Kita akan *offer*, kita akan tawarkan kepada rakyat lah kepada golongan yang mungkin baru berkahwin dan sebagainya yang tidak mampu nak beli rumah, boleh dapatkan di rumah transit sebut. Kita akan iklankan dalam iHome nanti. Secara ringkas dia macam tu YB. Sidam.



Selain daripada PPR Paya Nahu di Sungai Petani, kita ada juga beberapa PPR termasuk di PPR Kota Setar. Masih ada kosong dalam 58 unit di PPR Kota Setar. PPR Jerlun, kita masih ada kosong dalam 176 unit dan PPR Aman Jaya masih ada 35 unit. Ini antara tiga PPR yang ada kekosongan yang banyaklah. Cuma PPR Jerlun ni adalah PPR yang dimiliki.

Proses permohonan kepada PPR-PPR ni adalah melalui KPKT ataupun dalam bahasa mudahnya adalah TEDUH, buat permohonan di situ. Cuma SPNB (Syarikat Perumahan Negara Berhad) membantu kepada calon-calon yang membuat permohonan untuk memudahkan mereka dapat memiliki lot-lot yang kosong tersebut.

Seterusnya, kita ada juga projek Perumahan Residensi Rakyat tahun 2025. Yang pertamanya kita ada di Junjong. Junjong lebih kurang 580 unit yang telah ditawarkan, telah pun dapat CEC dengan bantuan pihak perumahan dan juga PBT Kulim, telah berjaya mendapatkan CEC dan telah pun dimasuki oleh pemohon-pemohon tersebut. Dan mereka juga tawarkan rumah PPR Junjong ni harga RM180,000. Ada 271 unit dan RM270,000 dengan jumlah 309 unit. Itu antara beberapa rumah yang ditawarkan oleh Residensi ataupun PRIMA. Bermakna kategori RM180,000 itu termasuk rumah mampu milik. Ini masuk dalam kita punya untuk capai 2070 nantilah.

Selain daripada projek Prima di Junjong, kita juga ada projek Prima di Simpang Empat, Pengkalan Kundor. Iaitu fasa 1 sebanyak 430 unit akan siap pada September 2025. Dan projek Prima Simpang Empat Pengkalan Kundor Fasa Kedua sebanyak 200 unit, juga dijangka mula pada 2026, Suku Tahun 2026 akan bermula. Dan Prima Junjong di Fasa Kedua, yang tadi adalah Fasa 1, yang Fasa 2 juga 200 unit akan dimulakan pada Suku 2026. Ini juga adalah tawaran-tawaran, Projek Prima juga akan membuka tawaran kepada rakyat untuk rumah mampu milik untuk dimiliki.

Yang seterusnya, yang kelima adalah program Pembinaan Desa Sejahtera di setiap daerah dalam Negeri Kedah. Kerajaan telah meluluskan sebanyak 1,200 lot untuk disiapkan di setiap daerah. Bukan setiap daerah 1,200 lot, bergantung kepada daerah tersebut tetapi keseluruhannya adalah 1,200 lot. Perintis pemulaan kepada Desa Sejahtera ini adalah di Padang Terap, iaitu untuk 101 unit atau 101 lot telah dibuka dan telah dirasmikan oleh YAB. Menteri Besar. Namun, hari ini masih dalam 50 lot yang telah siap untuk proses tawaran yang pertama. Yang baki itu dalam kemajuan. Untuk progres setakat hari ini, pemohon-pemohon yang telah berjaya, 7 pemohon telah berjaya. Daripada 50 lot itu, 7 pemohon telah berjaya dan akan dilaksanakan program bersama dengan CSR TNB ini dengan nilai RM89,000 anggaran kos 1 lot tersebut. Program dengan TNB ya. Itu 7 orang yang pertama tadi lah, yang lain itu akan proses yang seterusnya.



Jadi, permohonan-permohonan untuk Desa Sejahtera ini ada pelbagai syaratnya. Syarat yang akan ditapis secara ketat oleh *focus group* daerah itu sendiri. Permohonan-permohonan yang masuk daripada daerah tersebut akan ditapis melalui mesyuarat *focus group* dan pemohon-pemohon yang layak sahaja yang akan dapat. Yang ini adalah untuk sekiranya yang mungkin YB. Sidam maksudkan orang yang tak mampu dan sebagainya, yang mengikut syarat-syarat asas itu, tidak ada tanah, bekerja, tidak ada tanah, tidak ada rumah lagi. Jadi inilah syarat, termasuk tapisan pihak polis. Dia tidak ada terlibat dengan jenayah ataupun kes-kes dadah dan sebagainya. Itu syarat-syarat asas kita.

Jadi, kita harap dengan berbaki banyak ribu lot lagi ini, kita harap di setiap daerah akan mempercepatkan proses ini supaya tawaran ini boleh sampai kepada rakyat. Sampai kepada rakyat yang berkehendakkan. Lot ini lot kosong ya YB. Sidam, bukan ada rumah lagi, lot kosong saja. Jadi, kita dengan bantuan Jabatan Kerja Raya dan sebagainya, kita sediakan infra; jalan, longkang, air, elektrik. Tapi lot itu kosong. Bermakna, pemohon ni akan masuk, ambil lot itu, dia akan bayar premium RM1,000 dan dia akan duduki lot tersebut. Dan dia diperlukan buat rumah dalam tempoh 3 tahun. Kalau dia tak mahu buat, dia kena *surrender* balik lah.

Seterusnya, kerajaan negeri juga telah pun merangka satu dasar perumahan baru, Dasar Perumahan Mampu Milik. Sebelum ini, dengan dasar yang sebelum ini, rumah yang terlampau, kos terlampau rendah, sebahagian tidak mampu dibuat oleh pemaju-pemaju. Dan akhirnya, lot-lot tersebut dibiarkan kosong. Jadi, kita telah putus pada tahun ini adalah dasar perumahan yang baru. Dasar perumahan baru yang lebih kompetitif yang boleh ditawarkan oleh pemaju untuk rakyat dapat memiliki rumah tersebut. Secara kasarnya saya menyatakan begini, dasar perumahan ini, dia ada kategori A dan B. Dulu, kita ada Rumah Kasih Rakyat, Rumah Aman Makmur dan sebagainya. Kita nak hafal pun payah juga. Sekarang kita beri kategori dua, A dan B. Bagi kategori A, rumahnya bernilai RM90,000 sampai RM220,000. *Range* rumah itulah, dia ada flat dan ada *landed*. Ada flat, kalau flat ni adalah kos dalam anggaran tersebut juga iaitu RM90,000 sampai RM220,000. Jadi, rumah kategori B ni, untuk kategori B, nilai dia RM60,000 sampai RM190,000. Ni antara *range* ataupun antara pemaju boleh buat dan pilih dalam *range* yang mana yang dia nak buat. Termasuk flat ataupun rumah yang *landed*.

Itu untuk pembinaan bagi rumah yang rezab Melayu, melebihi 100 unit, kita juga masih kekalkan syarat kita adalah pemaju kena serahkan untuk lot bumiputera adalah 10%. 10% bagi kategori B, dan kategori A adalah 30%. Ini adalah yang kita rangka supaya pemaju boleh buat rumah tersebut, tidak dibiarkan kosong dan rakyat kalau dengan gaji minima hari ini, RM1,700 boleh buat *loan* dan boleh membeli rumah sebut.



Seterusnya, dalam keadaan begini juga, kita di setiap PBT bekerjasama dengan pemaju-pemaju perumahan untuk membina rumah-rumah, termasuk rumah pemilik di setiap PBT kita dan angka terkini yang saya perolehi sejak 2020 sampai 2025 ni, kita dah memiliki 9,157 unit yang telah masuk KM untuk disegerakan pembinaan. Ini KM, bila masuk KM, mana dia akan buat rumah lah. Dan kita minta setiap PBT juga untuk terus mengadakan libat urus dengan pemaju supaya setiap KM ni disegerakan buat pembinaan, jangan masuk KM kosong. Sebab kita nak capai sasaran kita pada 2030 adalah 15,000 unit rumah mampu milik kepada rakyat Negeri Kedah, itu sasaran kita. Maknanya bermula tahun ni sampai 2030, sekurang-kurangnya setahun 1,200 unit lah kita kena buat YB. Sidam ya. Yang ni kita fokus kepada YB. Sidam kata tadi, mungkin orang yang tak mampu tadi yang berpendapatan rendah, dia boleh fokus kepada rumah mampu milik.

Seterusnya perkara yang nombor 9, dia ada 16 perkara ni. YB. Sidam ya, ini baru nombor 9. Boleh?

**YB. TUAN SPEAKER**

Panjang lagi YB.?

**YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA**

Ya, panjang lagi. Depa suruh kita rendang, kita rendang macam ni.

**YB. TUAN SPEAKER**

Ringkaskan!

**YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA**

Ringkas! Ringkas. Perkara nombor 9 adalah kita masih ada program bersama SPNB (Syarikat Perumahan Negara Berhad). Dengan SPNB ni masih ada Rumah Mesra Rakyat, PMR ataupun Perumahan Mesra Rakyat. Dengan pendapatan minima bawah RM5,000, boleh mohon melalui SPNB. Syaratnya adalah warganegara Malaysia, umur 18 tahun ke atas, memiliki tanah lah, dia ada memiliki tanah. Kalau tak dak tanah, nak buat rumah kat mana kan? P. Ramlee buat rumah atas pokok. Tapi bila orang tebang pokok tu, dia marah kawan tu kan. Jadi, hat ni kita nak mesti ada tanah buat rumah. Kalau tanah tu bukan milik dia, milik saudara dan sebagainya, mesti ada satu surat yang mengizinkan untuk buat rumah. Ni pakej yang ada dengan SPNB. Hat ni orang kampung banyak buat Rumah Mesra Rakyat.



Perkara ke 10 adalah kita juga membuat pameran MAPEX ataupun pameran-pameran perumahan. Sebab untuk memberitahu kepada rakyat supaya bila dia datang, dia boleh lihat dengan pameran sebut, mendapatkan kawasan mana yang dia boleh ada rumah, tempat mana, harga rumah mana yang dia mampu.

Perkara ke 11 adalah jaminan kredit. Skim jaminan kredit perumahan SJKP ataupun Skim Jaminan Kredit Perumahan. Ini juga ditawarkan kepada rakyat yang ada pendapatan tetapi tak mampu nak buat pinjaman dan sebagainya. Skim Jaminan Kredit ni adalah membantu kepada individu ataupun rakyat untuk membuat *loan* dan sebagainya untuk memiliki rumah.

Seterusnya perkara yang ke 12, Zakat Kedah. Ini paket juga yang Zakat Kedah tengah buat ni. Zakat Kedah pada tahun 2023 sampai 2024 telah berjaya membina 350 buah rumah. Kedah ni, Baling yang paling tinggi, 350 buah rumah dengan kos bernilai RM22.3 juta. Ini bina rumah baru. Manakala untuk baik pulih YB. Speaker, 273 buah rumah telah dibaik pulih oleh Zakat dengan nilai RM9.4 juta. Ini pada tahun 2023 - 2024.

Bagi 2025, untuk tahun ni sampai ke bulan Ogos ni, 16 buah rumah untuk baik pulih rumah ni, Zakat telah berjaya membuat pembaikan 16 buah rumah dengan nilai RM566,400. Itu baik pulih. Untuk membina rumah pula, jumlah 51 buah rumah telah berjaya dibina oleh Zakat dengan nilai RM3.3 juta dan menunggu untuk bina rumah pula, menunggu ya, tadi bina dah YB. Sidam, ini menunggu. 87 buah rumah sedang dalam *listing* tunggu untuk kelulusan bina rumah dengan nilai RM5.5 juta. Ini pakej yang ditawarkan oleh Zakat. Bermakna, tadi mungkin dia ada slip gaji, yang ni tak dak langsung, susah. Menjadi asnaf ini adalah satu-satu pakej yang ditawarkan oleh kerajaan. Maksudnya asnaf ni orang yang tiada pendapatan lah, fakir miskin dan sebagainya.

**YB. TUAN SPEAKER**

Tak dak slip gaji pun boleh?

**YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA**

Boleh!

**YB. TUAN SPEAKER**

Boleh na? 3 minit lagi.



**YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA**

Dan yang terakhir (saja duk melawak ni). Yang terakhir adalah kita juga sedang berusaha mengadakan perbincangan dengan REDA untuk mencari kaedah yang terbaik bagi membina rumah-rumah yang harga lebih baik, lebih murah dengan menggunakan tanah-tanah kerajaan. Kalau tanah-tanah persendirian ni, tanah-tanah swasta ni, tanah-tanah pemaju dia jadi mahal. Jadi, kita kena cari satu kaedah bagaimana nak membantu. Termasuk yang kita kata tadi, termasuk di Desa Sejahtera. Andai kata diberi ruang dan peluang, mereka juga mampu nak bantu untuk nak bina rumah yang lebih seragam, lebih tersusun supaya rakyat dapat memiliki rumah tersebut.

Ini adalah sebahagian perkara-perkara yang menjadi keutamaan kerajaan negeri bagi membantu rakyat-rakyat yang kurang berpendapatan. Dan sebaik-baiknya, hari ni dengan keadaan gaji RM1,700 yang paling minima saya rasa rakyat boleh untuk membuat pinjaman bank dan sebagainya. Itu sahaja, terima kasih Yang Berhormat Speaker.

**YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih YB. Exco.

**YB. ENCIK BAU WONG A/L BAUK EK**

Soalan tambahan.

**YB. TUAN SPEAKER**

Soalan tambahan YB. Sidam.

**YB. ENCIK BAU WONG A/L BAUK EK**

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya balik kepada pemutihan tadi ni, pemutihan di Flat Paya Nahu di kawasan Sidam tu. Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk memberi kelebihan sikit kepada mereka yang bayar tak culas, yang bayar cantik-cantik ni. Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk memberi mereka memiliki rumah tersebut? Sebagai contoh, kalau dah bayar sampai 10 tahun mungkin mereka berpeluang untuk memiliki rumah tersebut. Terima kasih.



## **YB. TUAN SPEAKER**

Silakan, Yang Berhormat Exco.

## **YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA**

Yang Berhormat Speaker dan YB. Sidam. Saya bersetuju dengan pandangan YB. Sidam tadi sebab saya pun kerap turun di Paya Nahu tu. Bukan ADUN situ la na, tapi kerap turun. Dengan pemutihan yang dibuat oleh Bahagian Perumahan, 1,472 unit yang ada di Paya Nahu 1 tu pun, barulah yang datang buat pemutihan adalah 400 ke 500 orang. Maknanya lagi ramai lagi yang belum buat pemutihan. Mereka masuk dah lama. Sebahagiannya tak bayar sewa transit ni, Yang Berhormat Speaker. Sebahagian besar di Paya Nahu ni. Sebahagian kecil sahaja yang berani turun buat pemutihan tu yang berani tu.

Bila tak bayar sewa transit, Bahagian Perumahan tidak mendapat satu jumlah duit yang boleh nak buat selenggaraan dan sebagainya. Sebab tu bila turun di Paya Nahu 1 dan 2 ni, kita lihat banyak masalah-masalah selenggaraan yang terpaksa ditanggung oleh Bahagian Perumahan, menggunakan dana kerajaan negeri sendiri untuk baiki. Yang terbaru saya pergi, paip air bocor, air *overflow* dah turun macam air hujan, dalam padang bola tu pula, ular sawa 60kilo dapat tangkap. So, banyaklah dengan semak lagi kan, dah turun sini, banyak kali saya turun.

Saya bersetuju dengan YB. Sidam tu kalau mungkin suatu ketika nanti, kita mencadangkan supaya penyewa yang dah bayar lama, mungkin dah 10 tahun. Kalau masuk 2004 tu pun dah lama kan? Kalau 1998 lagi lama. Sekarang dah berpuluh-puluh tahun dah. Jadi, kalau boleh kita bagi untuk milikan terus, itu cadangan yang baik.

Walau bagaimanapun, bukanlah saya mengatakan yang hari ini kita setuju. Tapi kita akan adakan perbincangan dengan KPKT dan juga Bahagian Perumahan dan Pejabat SUK untuk mencadangkan satu kaedah yang terbaik untuk bantu supaya penyewa- penyewa ni, berani nak bayar, sanggup nak bayar. Kalau tidak dia kata, "mungkin nak bayar buat apa, tak jadi hak milik dia". Jadi, saya rasa dengan kaedah tu, dia akan lebih membantu lah nak bayar, Yang Berhormat Speaker.

## **YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih YB. Exco. Soalan seterusnya. Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Ayer Hitam.



**YB. ENCIK MUHAMAD AMRI BIN WAHAB**

YB. Speaker, soalan tambahan satu!

**YB TUAN SPEAKER**

Ada sikit lagi? Ya, silakan.

**YB. ENCIK MUHAMAD AMRI BIN WAHAB**

Adakah tindakan atau usaha yang diambil oleh kerajaan negeri dalam mengatasi masalah Flat Setia Jaya yang kosong dan terbiar sejak sekian lama? Ramai penduduk di sekitar berpendapat keadaan flat yang terbiar kosong mengundang pelbagai risiko keselamatan seperti gejala sosial dan tempat penagihan dadah.

Soalan saya, adakah terdapat usaha untuk melakukan baik pulih atau mengubah suai bagi mendapatkan penyewa baru daripada terbiar begitu saja? Terima kasih.

**YB. TUAN SPEAKER**

Silakan Yang Berhormat Kuala Ketil. Ringkaskan.

**YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA**

Cara tanya tu macam kontaktor perumahan ooo... Terima kasih Yang Berhormat Derga. Flat Setia Jaya ni tepi lebuh raya tu Yang Berhormat Speaker. Kita nak keluar Tol Alor Setar Utara tepi jalan tu, kalau tengok tu nampak warna pun macam-macam cara warna tu, kan? Ha, tu dia flat tu lah. Flat ni ada sepuluh blok flat ni. Ada sepuluh blok. Satu blok lebih kurang tujuh ke lapan puluh unit rumah. Betol Yang Berhormat Derga na? Dia rajin, kerap pergi situ. Saya anggaran ni lah, kan? Lebih kurang tujuh puluh ke lapan puluh unit lah dalam satu blok. Kita ada satu blok tu, blok hat bawah perumahan punya. Blok, dipanggil blok J ya. A sampai I tu sembilan blok yang KPKT punya. Kita ada JV dulu ni, buat JV dengan kerajaan negeri.

Memang masalah banyak berlaku di situ. Nilai pada masa tu dalam RM33,000 saja rumah flat tu. Sekarang ni banyak yang kosong. Sebenarnya Bahagian Perumahan pun faham isu ni dan kita pun sedang buat pemutihan sebenarnya. Buat pemutihan. Mana lot - lot yang kosong terbiar tu, kita sama ada nak buat selenggaraan semula ataupun nak tawar kepada orang baru.



Bila lot-lot kosong ni, tanpa penghuni, dia akan rosak lah. Dia akan rosak dan akan salah guna oleh individu tentu. Seperti maksud YB. Derga tadi dengan dadah dan sebagainya. Memang isu itu berlaku. insyaAllah di Bahagian Perumahan kita akan ambil maklum isu ni. Itulah kita sedang buat pemutihan.

Dan saya bersetuju jika andainya bangunan-bangunan seperti ni kita serahkan kepada swasta untuk uruskan. Saya pernah melawat di CLQ di KTPC di Hi-Tech. Di mana melantik Syarikat Akujaya sebagai syarikat yang mengendalikan CLQ tersebut.

Bermakna JV dengan KTPC, orang yang masuk menginap tersebut akan diuruskan oleh Syarikat Akujaya ni. Mereka ada sistem keselamatan sendiri, sistem pembersihan sendiri dan blok tu ada surau, ada mini market dalam tu, juga bilik yang lebih selesa dan sebagainya. Jadi, kemungkinan saya bersetuju kalau andai kata selepas ini kita lantik syarikat yang mengendalikan dia menjaga tu. Kalau Bahagian Perumahan dengan staf tak seberapa orang ni tak mampu nak *handle* 10 blok tersebut dengan keadaan penduduk yang padat, ramai peniaga yang ikut dan saja walaupun macam-macam kes dan sebagainya. Jadi, andai kata ada pemaju – pemaju yang selepas ini mampu nak uruskan tu, dia akan lebih baik lah.

Sepertimana kita buat kutipan hutang. Dulu, kutipan hutang juga diuruskan oleh Bahagian Perumahan. Kita pun tak mampu nak kutip hutang, nak pergi ke pintu-pintu nak kutip. Tapi sekarang ini kita lantik syarikat yang mengutip hutang. Syarikat tu kutip hutang, kita dapat sikit pendapatan lah. Kalau nak harap kita kutip ni memang orang tak akan mai bayar, payah. Saya harap YB. Derga bersabar sekejap. Sempatlah PRU Ke 16 ni sempat selesai insyaAllah. Sabaq sat.

#### **YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih YB. Kuala Ketil. Seterusnya, Yang Berhormat Ayer Hitam.

#### **YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM**

Terima kasih YB. Speaker. Mohon jawapan untuk soalan nombor 2.



## 2. YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM [ADUN AYER HITAM]

Berdasarkan siaran media pada 6 Mei 2025, syarikat RANHILL telah mengadakan pertemuan dengan kerajaan negeri bagi membincangkan kerjasama strategik dalam pelbagai aspek pembangunan, khususnya berkaitan perkhidmatan utiliti dan infrastruktur.

Pohon dinyatakan:-

Adakah kerajaan negeri berhasrat memberi ruang kepada syarikat ini untuk mengambil alih tugas SADA sebagai operator air tunggal negeri?

### YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YAB. Menteri Besar.

### YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Speaker, YB. Ayer Hitam, terima kasih. Soalan ni jawapannya panjang boleh, pendek pun boleh. Nak pendek ka nak panjang?

Soalan dia, tentang satu siaran media pada 6 Mei tahun ini. Ada syarikat yang datang untuk mencadangkan lah. Saya pun tak pasti di mana datangnya yang berita itu, tetapi telah ditulis lah dan disiarkan. Jadi, soalan bersabit dengan kenyataan tu, adakah kerajaan negeri berhasrat memberi ruang kepada syarikat ini untuk mengambil alih tugas SADA sebagai operator air tunggal?

Pada pengamatan saya sejak 2008 sampai 2025 ni, dekat-dekat 20 tahun dah. Skop ataupun sektor bekalan air, dia mencakupi hampir 1 per 3 daripada isu-isu negeri, bidang kuasa negeri, tugas kita di pihak negeri kerana air akan jadi begitu mustahak untuk diambil berat oleh kerajaan. Ia akan memberi kesan yang sangat besar kepada kehidupan rakyat. Maka saban tahun kita akan menghadapi isu air, walaupun tak dak isu, ia akan jadi isu juga. Menjelang hari-hari raya, hari-hari keramaian di mana peningkatan bekalan air meningkat maka isu ini akan ditimbulkan. Di Kedah ni, kalau dulu, dulu, sebelum tahun 2005 isu besar yang akan dimainkan untuk modal politik ialah pembalakan, berlarutan lah sampai 2010, 2013. Selain daripada pembalakan, yang kedua isu air lah. Jadi, kedua-dua isu tu kena cermat kerana mudah di *spin* mudah dieksploit untuk memberi gambaran yang salah.



Yang Berhormat Speaker, kita ambil alih kerajaan ni kali pertama 2008. 2008 pakat dengan ni lah, YB. Sidam masa tu ada kan? Ngam lah (sambil ketawa) macam ni lah (*hand gesture*) tahun 2008. Tapi dia ada lima kerusi. Lima kerusi pun goyang, hari-hari kena tengok, hilang tak hilang, kena *follow*. Saya ada pengalaman yang ngeri lah berpakat dengan YB. Sidam ni (sambil ketawa). Bukanlah YB. Sidam, tapi rejim dia. Hari-hari kena *follow*, kena lantik *team* khas *follow* tengok dia pi mana. Dia pi Putrajaya ka? (sambil ketawa) Ada lompat daripada lima tu lompat dua. Akhirnya tak jatuh lah, Alhamdulillah tak jatuh. tapi hampir-hampir jatuh lah. Seinggalah jadi kudis yang tidak dapat ditampal lagi, pengalaman berkawan dengan rejim Sidam ni.

Saya ada pengalaman khusus dan saya boleh menulis buku khusus tentang pengalaman bersahabat dengan rejim Sidam ni. "Yang Manis Ambil Kat Depa, Hat Hodoh Kita Tanggung". Tajuk buku tu, tajuk dia. Jawapan pendek saya kepada soalan ni ialah, tidak mungkin perkara ni dapat dibenarkan berlaku. Selagi saya dan rakan-rakan ada di sini, tidak mungkin SADA diserahkan kepada pihak lain. SADA adalah syarikat yang ditubuh di bawah Perbadanan Menteri Besar (MBI) bagi menjalankan fungsi dan tanggungjawab perkhidmatan bekalan melalui Perjanjian Pengkoperatan 2010. SADA merupakan operator air yang telah dilesenkan di bawah Seksyen 9 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 WSIA 2006, Akta 655.

Pengambilalihan peranan SADA sebagai operator air di Kedah adalah tidak realistik serta tertakluk kepada syarat-syarat perlesenan dan klausa-klausa perjanjian yang telah dimasuki oleh SADA. SADA terikat dengan syarat-syarat *standard* lesen di bawah Peraturan 12, Peraturan-peraturan Industri Perkhidmatan Air Perlesenan 2007, iaitu sekiranya terdapat perubahan dalam pegangan syer dalam pemegang lesen atau syarikat induknya yang mengakibatkan perubahan dalam kawalan pemegang lesen atau syarikat induk, kelulusan secara bertulis daripada menteri hendaklah diperolehi terlebih dahulu. Sekarang ini Menteri Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) lah - TPM2. Syarat perlesenan di atas bermaksud apa-apa perubahan dalam pegangan atau pemilikan ekuiti SADA 100% yang dipegang oleh Menteri Besar Kedah Incorporated (MBI) tidak boleh dipindah milik tanpa kelulusan menteri terlebih dahulu.

(b) Perjanjian Utama Migrasi Klausa 5.1 (d) Restriction in Shareholding, memperuntukkan bahawa Kerajaan Negeri Kedah hendaklah memegang pemilikan ekuiti SADA 100% melalui Menteri Besar Kedah Incorporated (MBI) sepanjang tempoh perjanjian kemudahan dan perjanjian pajakan iaitu selama 45 tahun melibatkan inovasi hutang pinjaman bekalan air Kegeri Kedah kepada PAAB (Pengurusan Aset Air Berhad) berjumlah RM1.122 bilion.



(c) Klausula 9(2) Perlembagaan SADA memperuntukkan bahawa Kerajaan Negeri Kedah hendaklah memegang pemilikan ekuiti SADA 100% melalui Menteri Besar Kedah Incorporated (MBI) dan tidak boleh dipindah milik sama ada keseluruhan atau sebahagian kepada mana-mana individu, syarikat, badan korporat atau pihak ketiga sepanjang tempoh berkuatkuasanya perjanjian kemudahan dan perjanjian pajakan di antara PAAB dan SADA yang ditandatangani pada 4 Mac 2021. Saya faham perorang orang berniaga, dia akan pergi cari tang mana ada untung dia pi nak masuk situ lah. Saya tak boleh salahkan orang berniaga, tang mana untung. YB. Kubang Rotan? Mana ada orang berniaga pi tang rugi. Tang mana ada orang mai dia pi buka gerai tang tu lah, di situ lebih mudah untung. Sama dengan SADA, masa SADA duk tengah tenat, tenat ni dia ada rekod. SADA pernah rugi RM36 juta semasa rejim sana duduk di sini. 2019 rugi RM36 juta, berhutang RM158 juta, 2018 – 2019. Masa tu tak dak siapa *steam* lah, tengok pun tak mau, kurap penuh kan noh? Bedak tak buh, rambut tak sikat, tak dak siapa lalu. Tapi bila kita mula memulihkan SADA, bermula tahun 2020 bila kita masuk jadi kerajaan, mai saya baca rekod supaya kita dapat buat perbandingan yang adil. Kalau nak baca semua ni 24 buka surat, jenuh dengar.

SADA ditubuh sebagai syarikat pengganti kepada Jabatan Bekalan Air Negeri Kedah (JBAK) tahun 2010. JBAK ni ditubuh di bawah Enakmen Syarikat Pengganti yang telah diluluskan di Dewan yang mulia ni tahun 2008. Berselari dengan kehendak WSIA maka kita kena korporatkan Jabatan Bekalan Air Negeri dan Enakmen Syarikat Pengganti ni telah diluluskan pada tahun 2008. Kita ada pengalaman, sepanjang diuruskan oleh JBAK dan juga JKR Air, kita pernah beri konsesi kepada dua syarikat. Syarikat yang pertama adalah, saya kena baca juga nama syarikat tu kan, tak dak pilihan lah nak sembunyi buat apa kan? Konsesi Taliworks Langkawi Sdn. Bhd. 25 tahun diberi kepada Taliworks ni awal lagi lah, tapi yang dapat kita kesan, berapa rugi?

Bermula tahun 2010 bila SADA ditubuhkan, kita telah kerugian lebih kurang RM28 sehingga RM30 juta setahun mulai tahun 2010 hingga tahun 2020 di mana berakhirnya perjanjian konsesi tu. Kita *collect* RM22 juta hingga RM23 juta setahun, tapi kita bayar kat Taliworks RM50 hingga RM54 juta setahun, selama 25 tahun. Konsesi Air Utara Indah (AUI). AUISB, (sambil ketawa) yang ni 30 tahun. Perbandingan kos pengeluaran air bersih yang dibuat bagi tahun 2012 menunjukkan SADA perlu membayar lebih kurang RM60 juta setahun ataupun 25 sen untuk per meter padu bagi pengeluaran air bersih oleh AUI. Jika SADA mengurus sendiri kos operasi adalah sekitar 15 sen. Perbezaan lebih kurang RM22 juta setahun yang ditanggung oleh SADA mulai 2010 hingga 2020. Hat ni berlangsung selama 30 tahun, 25 tahun di Langkawi, 30 tahun untuk AUI operasi lima loji utama yang mengawal 63% bekalan air bersih, air terawat di seluruh negeri, mengakibatkan kita tanggung RM22 juta setahun. Bila perjanjian konsesi tamat, memang pada masa itu depa mai lah nak sambung. Mungkinlah depa ada *connection* masa itu di



Peringkat Persekutuan, maka mai ke pihak negeri lah untuk minta sambung. Dengan beraninya, walaupun tak tau kita 'tega' mana, (sambil ketawa) bertekad bersungguh-sungguh, pejam mata tauhid, serah kepada Allah Ta'ala, apa jadi pun dua konsesi ini tidak akan disambung lagi walaupun kita terpaksa merangkak.

Semangat ini dikongsi bersama dengan rakan-rakan di SADA yang menjadi tulang belakang kepada bekalan air bersih dan kita mula uruskan sendiri 10 loji yang diberi kepada dua konsesi ni, tiap-tiap bulan bermula tahun 2020 setelah tamat perjanjian pada Ogos dan Oktober, kita telah buat penjimatan sebulan RM4 juta. Tuan-tuan sekalian, kalau tak dak sikit *political will* dan keberanian untuk berjalan sendiri selepas kita direndam begitu lama, (sambil ketawa) 25 tahun, 30 tahun. Manisnya orang ambil, deritanya kita tanggung, selama puluhan tahun. Jadi, dia nak berulang lagi pada tahun ni, mungkinlah kerana perundingan di peringkat Pusat, kuasa menteri boleh diperolehi, saya tak pasti yang itu. Maka depa mai lah di negeri, pi tanya negeri dulu boleh ka tak boleh. Kalau boleh, mungkinlah macam tu pada pemikiran saya. Mudahkah menteri nak lepas benda ni kan? Pasai apa depa duk mai? Bukan satu syarikat YB. Ayer Hitam, banyak. Yang keluar berita syarikat ni lah, lepas syarikat ni keluar berita, ada 4 lagi hantar surat mai nak ambil fungsi SADA. Saya kata, sesuai lah dengan soalan YB. Ayer Hitam ni, sesuatu penjelasan dan pendirian muktamad tentang dasar kerjaan negeri berkenaan dengan bekalan air ni kena dibuat di Dewan yang muda ini bahawa kita *by hook or by crook*, kita tidak akan menyerahkan SADA kepada mana-mana pihak.

## **YB. TUAN SPEAKER**

Menarik cerita ni YAB. Menteri Besar. Seminit lagi.

## **YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR**

Seminit lagi? Kita dah buat Pelan Pembangunan, saya fikir setengah-setengah orang fikir kita ni tak tahu buat kerja apa. Mungkin depa anggap kita di Kedah dan di agensi-agensi kerajaan negeri ni tidak merancang untuk kelestarian bekalan air negeri ni. Kita ada rancangan sampai 2045, kita ada 32 projek LRA. Sampai 2045, kita ada projek sampai 2050 untuk pastikan bekalan air negeri ni sentiasa berada pada tahap yang munasabah. Untuk sekilas, pada tahun 2010 bila SADA mula ditubuhkan daripada rejim JBA, SADA catat keuntungan selepas cukai RM12.1 juta. SADA terus mencatat pertumbuhan positif memperolehi keuntungan RM18.8 juta 2011, RM23.1 juta 2012, RM22.9 juta 2013 dan menurun balik pada 2014, RM21.2 juta. Lepas tu rejim pun berubah, kerana pilihan raya 2013, 2014 orang lain masuk balik.



Keuntungan SADA menyusut selepas daripada itu RM13.1 juta pada tahun 2015, RM6.1 juta pada tahun 2016, RM420 ribu pada tahun 2017. Koi duk menjunam. Ada orang kata, “masa ni kerajaan terbaik pernah memerintah di dunia”, tapi dari segi prestasi SADA menjunam. Sekarang ni depa ada di Persekutuan, sekarang ni duk berkawan dengan YB. Sidam. Jadi menyusut. Mai pula rejim Sidam 2018. Pada tahun 2018 keuntungan SADA menurun kepada RM31 ribu 2018, seterusnya mencatat kerugian pada 2019 RM36 juta. Ada orang cakap pandai dalam Tiktok saya duk tengok, dia jaga air pada masa tu, dia duduk sebelah sini lah. Dia cakap, “hoh heh, hoh heh”, rugi RM36 juta. La ni duk *comment* lagi pasal air. Masa tu saya duduk sebelah sana, tiga kali Sidang DUN saya tanya dia, “macam mana langkah untuk mengatasi krisis bekalan air di Kedah?” Dia kata, “kita akan pesan kepada anak-anak kita, masa berus gigi, tutup paip”. Tiga kali jawapan yang sama. Kata, “hang reti jawab takat berus gigi sahaja”, tapi jadi EXCO. Selepas itu sembang pandai, sampai la sembang pandai. Masa dia rugi RM36 juta, hutang RM158 juta. Itu hat jadi MADANI sekarang tu, angkat lagu tu (sambil mengangkat tangan). Hat tu baru saya sembang pasal air. Saya tak suka bongkar cerita orang, tapi bila depa duk cakap pandai kan, mai aku cerita pasal hang semasa hang duduk sini. RM36 juta terekod. Semasa hutang RM158 juta iaitu 44% daripada keseluruhan perbelanjaan SADA terhutang kepada pembekal-pembekal.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bermula tahun 2020 kita ambil alih, saya bawa masuk balik orang yang menubuhkan SADA, dengan segala susah payah dia pun naik *wheelchair* datang. Dia kata, “kalau orang lain panggil, aku tak mai dah, hang panggil aku mai juga sebab kita ni adik-beradik, macam adik-beradik”. Walaupun tak ada pertalian darah tapi ada sikap sayangkan negeri dan untuk berjuang pastikan semua kepentingan negeri ni dapat dipelihara. Dia kata, “hang tak usah bayar gaji aku, sehingga SADA untung balik baru aku ambil gaji”. Naik *wheelchair*, terpaksa buat pejabat di bawah sebab dia tak boleh naik atas, tapi dia nak kerja. Saya nak pakai kepala dia sahaja, bukan nak pakai kaki. Dia pun mai kerja.

Tahun 2020 selepas ambil alih bulan lima, kita *challenge* dia tahun 2020 tu daripada rugi RM36 juta, kita catat untung yang pertama RM149 ribu pada tahun 2020. Tahun 2021 keuntungan meningkat kepada RM29.5 juta, tahun 2022 keuntungan RM29.4 juta, tahun 2023 RM25.2 juta, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tahun 2024, kita telah catat untung tertinggi dalam sejarah penubuhan SADA, RM41.5 juta. Tahun 2025 ni, rupanya tak dak orang nak kacau sangat kan, depa nak cakap kita zip mulut, hang cakap pandai sahaja, hutang banyak pasal hang. Tahun 2025 ini, kita buat unjuran sebelum ditolak bayaran bonus dan cukai, kita akan catat keuntungan RM80 juta. Semua keuntungan ini dijana untuk membayar hutang, kita ada hutang RM1.12 bilion tentang bekalan air di negeri ini.



Kecenderungan pada waktu dulu ialah kita buat hutang walaupun hutang lama-lama sebelum tahun 2008. Kita ada kecenderungan ambil pinjaman daripada kita ambil geran kerana kalau dapat pinjaman boleh lantik kontraktor sendiri. Dulu-dulu, zaman dululah masa YB. Sidam menyanyi “hoi ya hoi, hoi ya hoi”. Lepas tu dia pakat “hoi ya hoi, hoi ya hoi”, buat kerajaan. “Hoi ya hoi” tu tinggal hutang kat kita. Ada nak geram ka? Tu nak tekan tu. Sat lagi la, dah nak habis dah (sambil ketawa). Kita catat keuntungan ni bukan kerana nak *enjoy* tak, pasal kita ada beban yang telah kita gelas sekian lama. Beban RM1.12 bilion tu lah, campur lagi pinjaman-pinjaman akan datang sehingga 2045 tu. Kita akan kena mula bayar kepada PAAB bermula tahun 2026. 2026 kita kena bayar setahun RM38.4 juta, hutang, 2027 kita kena bayar RM58.8 juta setahun, 2028 kita kena bayar RM70.8 juta, 2029 RM70.8 juta, 2030 kita kena bayar RM151.2 juta setahun. Itulah beban yang sedang kita tanggung dan selepas 2030 tu akan berlangsung lagi lah tak tahu siapa nak bayar masa tu, harap-harap boleh bayar lah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, semua usaha-usaha sedang dibuat. Saya rasa rakyat dah faham kerana banyak kali sudah kita bercakap di Dewan ini, di luar tentang industri air, bekalan air. Hanya oleh kerana tak dak modal, depa duk ungit tentang LRA tak siap tu lah. Tak dak siapa di dunia ni atas usaha yang telah kita buat, susah payah yang kita lalui daripada 600 orang kakitangan JBA yang dikorporatkan jadi SADA, sekarang ni ada 1,500 orang sedang bertungkus-lumus siang malam. Tidak ada orang yang kerja di syarikat lain yang bekerja 3 - 4 pagi kecuali rakan-rakan kita di SADA. Mereka ni berjaga malam, kena *repair* walaupun pecah tengah malam, pagi, mereka duduk dalam lubang tu. Termasuk dengan CEO, CEO duduk tunggu di situ nak bagi siap juga supaya bekalan air ini dapat dipulihkan. Itulah susah payah yang dihadapi oleh kita dan kita selepas perjuangan yang begitu memeritkan, kita gagaskan satu slogan di SADA ini untuk naikan semangat rakan-rakan kita. Kita gagaskan SADA bangkit, daripada hutang RM36 juta sekarang ni telah berlaku kebangkitan yang hebat di SADA, telah mampu untuk catat keuntungan RM80 juta untuk bayar hutang. Tidak ada siapa pun diizinkan untuk sentuh SADA untuk kaut kemanisan seperti yang telah berlaku pada rejim-rejim sebelum ni selama 30 tahun tu. Terima kasih, YB. Speaker.

## **YB. TUAN SPEAKER**

Soalan tambahan, YB. Ayer Hitam.



**YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM**

Terima kasih Yang Berhormat Speaker, terima kasih YAB. Dato' Seri Menteri Besar di atas penjelasan yang cukup panjang lebar, yang meyakinkan kita bahawa kerajaan negeri insyaAllah tidak akan memberikan konsesi ataupun pengoperasian kepada Syarikat Ranhill, walaupun Ranhill ni sebuah syarikat yang besar. Dia menguasai 100% pengoperasian air di Johor. Kita risau rekod itu digunakan, tapi dengan ketegasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita yakin lah SADA akan terus diberi kepercayaan dan saya nampak CEO SADA pun senyum panjang lebar tadi, suka benda ini dan kakitangan SADA pun insyaAllah akan bertambah semangat untuk meneruskan pekerjaannya. Saya tiada soalan tambahan, cuma nak zahirkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kita.

**YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih YB. Ayer Hitam.

**YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK**

Soalan tambahan. Ada sikit.

**YB. TUAN SPEAKER**

Ringkaskan YB. Sidam.

**YB. ENCIK TAUFIK BIN YAACOB**

Yang Berhormat Speaker, bagi soalan sikit sahaja, saya nak mencelah juga.

**YB. TUAN SPEAKER**

YB. Sidam bangun dulu YB.

**YB. ENCIK TAUFIK BIN YAACOB**

YB. Sidam, bagi masa sikit na? Saya bukan nak tanya soalan Yang Berhormat Speaker, saya nak ucap penghargaan, terima kasih yang mana, saya mewakili DUN Bayu dan juga rakyat di kawasan Pekan Pulaui hendak merakamkan penghargaan terima kasih banyak-banyak kepada YAB. Dato' Seri Menteri Besar yang telah pun dalam proses meluluskan



peruntukan RM50k untuk wang ihsan yang ditunggu-tunggu oleh masyarakat DUN Bayu ni. Masyarakat DUN Bayu, terima kasih banyak-banyak YAB. Dato' Seri Menteri Besar.

#### **YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih YB. Bayu. YB. Sidam, ringkaskan.

#### **YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK**

YB. Tuan Speaker, seperti yang YAB. Jeneri unjurkan tadi keuntungan sampai RM80 juta tu, saya rasa ada atau tidak keperluan untuk kita naikkan tarif air tu? Saya rasa tak perlu naik kot? Jadi, kita kekalkan seperti sekarang, pasal keuntungan dah banyak dah kita tengok tadi pun keuntungan dah macam-macam.

Lagi satu YAB. Menteri Besar, kalau boleh hutang-hutang tu biar kami bayar, janji kami duduk sebelah sana. Terima kasih.

#### **YB. TUAN SPEAKER**

Silakan YAB. Menteri Besar.

#### **YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR**

Ada hati nak bayar hutang, hutang lapuk pun tinggal kat orang (sambil ketawa). Tak pa, semangat tu bagus, kita lawan dulu. Pertama sekali, kenaikan tarif ni bukan Kedah sahaja yang berlaku, cuma oleh kerana media ini dikawal oleh Kerajaan Persekutuan, dia tak habaq lah. Mula-mula dia habaq kata 10 operator air yang mohon, tapi bila diluluskan, dia habaq 4 sahaja. SG4 sahaja dia maklum. Saya ada banyak pengetahuan juga tentang negeri-negeri lain ini pun. Ada negeri, sudahlah tak bayar hutang, hutang TNB RM700 juta tidak bayar, ada negeri, bukan negeri SG4 tapi dia tak habaq, dia tak sebutlah dalam media. Dia sebut Kedah, Kelantan, Terengganu, Perlis, pasal negeri pembangkang. Kalau dia jujur dan dia ikhlas, dia jaga kementerian tu, dia beritahulah betul-betul negeri lain dia macam mana? Yang mohon ni semua mohon, 10 operator bekalan air minta, dan semua tu dibenarkan. Kuasa eksekutif kepada bekalan air bersih ini dipegang oleh Persekutuan, bukan negeri. Dia ada perjanjian di bawah Akta WSIA 2006 tu Seksyen 3 memberi kuasa eksekutif kepada Persekutuan melalui SPAN. SPAN ni ditubuh di bawah 654, Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Tubuhkan SPAN sebagai regulator dan rejim perlesenan, SPAN ni yang keluarkan lesen. Semua *business plan* operator air dikawal oleh SPAN.



Kalau SPAN mendapati *business plan*, *charge bill*, pendapatan tidak mampu untuk tampung bayaran hutang, maka SPAN boleh ambil alih dengan kuasa eksekutif tadi. Jadi bila kita mohon, semua operator air mohon untuk naik tarif, semua diluluskan. Pasal apa sebut Kedah sahaja? Ingat Kedah lekeh seorang sahaja ka? Taaakkk... Semua negeri yang sama, semua negeri menghadapi masalah yang sama. Kita kena catat keuntungan untuk bayar hutang. Saya sebut dah tadi, kena bayar hutang tu. Nanti YB. Sidam cakap, “ada air putus sana sini”. Kalau air putus sana sini, hutang tak boleh bayar, teruk sangat lah. Memang keadaan infra kita sedang kita buat penambahbaikan dan pada masa yang sama kita nak pastikan negeri kita ni terus mendeka.

Kalau industri bekalan air bersih terawat ni telah diambil alih dengan mengubah jadual kesembilan Perlembagaan Persekutuan pada tahun 2005, hanya tinggal sumber air, parit, dan terusan sahaja kepada negeri. Bekalan air telah ditakluk oleh Persekutuan. Negeri ni bila dia menyertai Malaysia, ada tiga sahaja, kalau tiga ni habis, habislah kita tak dak kedaulatan apa dah. Kita ada air, tanah, hutan, agama, di bawah Tunku Sultan. Kalau semua ni diambil alih, kita tak ada kedaulatan apa-apa. Pada hal asal-asalnya sebelum Pembentukan Persekutuan kita ni negeri yang berdaulat, negeri yang berdiri sendiri, ada kerajaan, ada Undang-Undang Tubuh. Kalau semuanya ditakluk oleh Persekutuan, kita ni nak tinggal apa? Saya tak mahu zaman saya jadi MB negeri ni terlondeh, tak ada apa satu dah, semua boleh kat depa. Benda tu akan dipertahankan. Kita nak pastikan *business plan* kita boleh mampu bayar hutang sehingga kita ni mengekalkan kedaulatan kita walaupun tahun 2005 tu sebahagiannya telah disedut masuk ke petak Persekutuan. Saya tak akan benarkan lagi benda ni berlaku, tarif walaupun dinaikkan ke 81 sen, tarif kita berbanding negeri-negeri lain masih jauh lebih rendah dan tidak membebankan, insyaAllah. Itu sahaja, terima kasih YB. Sidam.

#### **YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih, YAB. Menteri Besar. Dipersilakan YB. Pantai Merdeka.

#### **YB. USTAZ SHARIR BIN LONG**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Speaker, soalan saya, soalan yang ketiga. Terima kasih.



**3. YB. USTAZ SHARIR BIN LONG  
[ADUN PANTAI MERDEKA]**

Pohon dinyatakan :-

- a) Apakah garis panduan dan kaedah pemilihan pelajar yang digunakan dalam program The Pearl of Kedah 2025, khususnya bagi memastikan penyertaan pelajar daripada keluarga B40 dan miskin tegar?
- b) Berapakah jumlah pelajar yang disasarkan untuk menyertai Program The Pearl of Kedah ini pada tahun 2025 dan apakah bentuk sokongan (akademik, kewangan, motivasi) yang disediakan kepada peserta?
- c) Apakah langkah pemantauan dan penilaian yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan keberkesanan program ini dalam membantu keluar daripada kitaran kemiskinan melalui pendidikan?

**YB. TUAN SPEAKER**

Dipersilakan Yang Berhormat Merbau Pulas.

**YB. DATO' USTAZAH HAJJAH SITI ASHAH BINTI HAJI GHAZALI**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Yang Berhormat Speaker, YAB. Menteri Besar dan juga YB. Pantai Merdeka. InsyaAllah saya akan beri jawapan soalan nombor tiga iaitu apakah garis panduan kaedah pemilihan pelajar yang digunakan dalam program The Pearl of Kedah 2025, soalan (a) daripada keluarga B40 dan miskin tegar. (b) Berapakah jumlah pelajar yang disasarkan untuk menyertai program The Pearl of Kedah 2025? Yang (c), apakah langkah pemantauan dan penilaian yang dijalankan oleh kerajaan negeri bagi memastikan keberkesanan program ini dalam membantu keluar daripada kitaran kemiskinan melalui pendidikan?

Garis panduan dan kaedah pemilihan pelajar adalah berpandukan kepada purata pendapatan isi keluarga. Hanya pelajar yang berkelayakan sahaja akan dipertimbangkan bagi menyertai program The Pearl of Kedah ini. Peserta yang memohon hendaklah tergolong daripada golongan miskin ataupun golongan asnaf. Saringan dan mengenalpastian nama peserta adalah daripada pihak pusat khidmat wakil rakyat yang menjadi pusat pengumpulan data keluarga yang kurang berkemampuan.



Prioriti pemilihan peserta adalah kepada anak-anak daripada keluarga yang susah dan anak-anak yatim piatu yang kurang berkemampuan dari segi ekonomi dalam sesebuah keluarga tersebut. Antara kriteria dan syarat kelayakan lain yang akan dipertimbangkan sebelum pengambilan peserta bagi menyertai program ini adalah seperti berikut; anak Negeri Kedah atau sedang bermastautin dan menetap di Negeri Kedah, berumur 13 tahun pada tahun 2025, keutamaan kepada keluarga asnaf dan miskin, bebas dari masalah disiplin dan mempunyai dan mempunyai sahsiah diri yang baik, melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kurikulum di sekolah.

Jawapan (b) jumlah peserta. Jumlah peserta yang disasarkan pada tahun 2025 ialah seramai 180 orang iaitu 5 orang daripada setiap DUN. Pada masa yang sama generasi The Pearl of Kedah yang pertama pada tahun 2024 adalah seramai 120 orang. Ini menjadikan jumlah keseluruhan peserta dalam program ini seramai 300 orang 2025. Peserta ini akan dipantau selama 3 tahun, kita tidak ada pengambilan pada tahun hadapan, tidak ada pengambilan. Peserta ini sahaja kita akan pantau mereka sehingga 2026/2027. Selama 3 tahun mereka terus dapat mengambil SPM untuk penyediaan The Greater Kedah. Anak-anak ini akan dipantau dengan peruntukan yang sedia ada ini dan 300 inilah sahaja yang kita akan jadikan program The Pearl of Kedah untuk pilot projek ini.

Terdapat pelbagai jenis bentuk sokongan yang disediakan oleh peserta yang menyertai program The Pearl of Kedah ini. Antaranya peserta-peserta The Pearl of Kedah ini akan dibantu dari segi perkembangan akademik, suntikan motivasi, didikan kepimpinan dan sumbangan berupa bantuan alatan persekolahan serta keperluan lain. Peserta-peserta ini dilatih untuk meningkatkan kemahiran tambahan, antaranya kemahiran *soft skill* yang diperlukan pada masa kini seperti kemahiran mengenali potensi diri, kemahiran kepimpinan, kemahiran sosial dan lain-lain kemahiran sebagai persiapan ke arah melahirkan generasi The Greater Kedah yang dipacu oleh kerajaan negeri.

Pada masa yang sama pihak penyelaras program yang dilantik juga bertanggungjawab memantau perkembangan akademik dan kurikulum persekolahan para peserta ini agar tidak ketinggalan kerana kemiskinan yang dihadapi oleh mereka. Pelajar-pelajar ini juga disuntik dengan semangat dan motivasi diri agar tidak menjadikan kemiskinan keluarga sebagai salah satu sebab mereka tidak boleh berjaya dalam pelajaran dan kehidupan. Anak-anak ini juga untuk pengetahuan seluruh Sidang Dewan, anak-anak yang belajar di sekolah harian yang bersama dengan keluarga di rumah, bukan anak-anak yang berada di asrama. Anak-anak yang bersama keluarga di rumah dan anak-anak yang kebiasaan sahaja. Kadang-kadang kita kata kalau kita tak pantau mereka mungkin mereka gagal, kalau kita bantu mereka mungkin mereka akan berjaya insyaAllah.



Yang (c) adalah antara langkah-langkah pemantauan dan penilaian. (a) Pemantauan kualiti pembelajaran menerusi semakan modul dan bahan pembelajaran diguna pakai sepanjang peserta berada dalam program ini. Anak-anak ini akan ditemukanlah, ada jadual-jadual yang telah kita tetapkan dan mereka ini akan ada bimbingan, kita akan melihat dari segi pelajaran mereka. Sekiranya mereka lemah apa subjek, subjek itu akan diberi keutamaan kepada anak-anak ini. Ini bagi memastikan modul pembelajaran yang diguna pakai tersebut menepati dan selaras dengan kurikulum di sekolah agar pelajar dapat mendalami dan memahami dengan baik menerusi kedua-dua konteks pembelajaran yang mereka pelajari.

Pemantauan dan penilaian menerusi pra dan pasca program juga turut dilakukan bagi mengukur dan menilai tahap kefahaman dan dapatan peserta-peserta sebelum menyertai program ini dan selepas mereka tamat menjalani program yang dijalankan ini. Antara lain, perbincangan target program secara berkala antara pihak kerajaan negeri bersama penyelar program. Perbincangan ini diadakan bagi melihat kepada perkembangan semasa para peserta sepanjang berada dalam program. Peserta akan dinilai, menerusi pemantauan oleh guru dan pelatih setelah sebuah modul itu selesai dilaksanakan. Selain itu, jalinan kerjasama dan hubungan antara kerajaan negeri, penyelar program, bersama Pusat Khidmat Wakil Rakyat DUN, akan diperkemas supaya aliran pemakluman dan penyampaian maklumat disampaikan dengan baik dan telus kepada keluarga peserta The Pearl of Kedah ini. Itu jawapan.

**YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih YB. Merbau Pulas. Soalan tambahan.

**YB. USTAZ SHARIR BIN LONG**

Soalan tambahan.

**YB. TUAN SPEAKER**

Silakan YB. Pantai Merdeka.

**YB. USTAZ SHARIR BIN LONG**

Adakah pihak kerajaan negeri mempunyai inisiatif sokongan atau bantuan jangka panjang yang disediakan untuk peserta program The Pearl of Kedah? Terima kasih.



**YB. TUAN SPEAKER**

Silakan YB. Merbau Pulas.

**YB. DATO' USTAZAH HAJJAH SITI ASHAH BINTI HAJI GHAZALI**

Ya, memang kita ada perancangan kerana anak-anak ini anak-anak yang B40 dan asnaf. Dan anak-anak yang 300 orang ini perancangan pada masa depan bermula pada tahun hadapan. Mereka ini akan kita ada merancang untuk bantuan kewangan tambahan untuk membuat simpanan pendidikan. Kita akan carum anak-anak ini dengan SSPN (Skim Simpanan Pendidikan Nasional) minima RM30 sebulan kepada anak-anak ini.

Seandainya dalam caruman ketika anak-anak ini bersama dengan program kita dan kita telah carum dengan SSPN, seandainya berlaku kematian kepada warisnya, anak-anak ini akan dapat sebahagian daripada kita panggil khairat kematian daripada SSPN dan akan dibantulah dan apabila mereka keluar untuk pergi ke peringkat yang lebih tinggi, mereka juga ada wang sebagai wang tabungan untuk mereka terus menyambungkan pembelajaran. Ini di antara program yang kita merancang untuk jangka panjang anak ini selama berada dengan kita dan caruman ini akan berlaku setiap bulan, minimanya RM30, insyaAllah. Sekian.

**YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih YB. Merbau Pulas. Seterusnya, dipersilakan YB. Lunas.

**YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Speaker,

*Satu, dua, tiga, empat,  
Jangan lari soalan nombor empat,  
Ekopelancongan rakyat minat,  
Harap Exco jawabnya tepat.*



**4. YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI  
[ADUN LUNAS]**

Sektor Eco Pelancongan semakin mendapat tempat di hati pengusaha-pengusaha pelancongan di Malaysia.

Pohon dinyatakan apakah perancangan dan usaha kerajaan negeri untuk menggalakkan para pengusaha eco pelancongan di Negeri Kedah untuk memperkenalkan produk eco pelancongan Kedah ke peringkat nasional dan antarabangsa?

**YB. TUAN SPEAKER**

Silakan Yang Berhormat Kubang Rotan.

**YB. DATO' HAJI MOHD SALLEH BIN SAIDIN**

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ada pantun no, nak jawab macam mana ya? Dua tiga kucing berlari, tunggu sat saya nak cari. Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan daripada YB. Lunas ni iaitu sektor ekopelancongan semakin mendapat tempat di hati pengusaha-pengusaha pelancongan di Malaysia. Pohon dinyatakan apakah perancangan dan usaha kerajaan negeri untuk menggalakkan para pengusaha ekopelancongan di negeri Kedah untuk memperkenalkan produk ekopelancongan Kedah ke peringkat nasional dan antarabangsa.

Yang Berhormat Tuan Speaker, memang benar sektor ekopelancongan sekarang ni semakin mendapat tempat di negara kita. Bukan sahaja negara kita, tetapi juga di seluruh dunia. Kedah ni Alhamdulillah, telah dikurniakan oleh Allah SWT dengan banyak tempat yang bersesuaian dengan kehendak konsep ekopelancongan itu sendiri. Dan usaha-usaha untuk membangun dan juga menambah baik pelaburan ekopelancongan kita ni telah dan sedang dilaksanakan. Malah sebahagiannya itu telah pun mendapat tempat, sudah pun dikenali dalam kalangan pelancong dan juga pelawat dari dalam dan luar negara. Kerajaan negeri melalui Kedah Tourism telah pun mengambil beberapa inisiatif untuk terus mengangkat, mempromosikan pelaburan ekopelancongan di tempat kita. Antaranya penganjuran *famtrip*, *familiarization trip* membawa media, wakil media, *influencer* dan penggiat kandungan digital untuk merasai sendiri pengalaman aktiviti ekopelancongan di pelbagai lokasi menarik di Negeri Kedah.



Sehingga Jun 2025, beberapa *famtrip* telah berjaya dilaksanakan menyebabkan destinasi seperti Gunung Jerai, Gua Sirih, Sedim, Pulau Songsong dan beberapa tempat lain di Langkawi. Penganjuran acara berkonsepkan ekopelancongan antaranya Dam Camp di Tasik Pedu, Larian Magnificent Baling yang 3 hari lepas dianjurkan serta yang dirasmikan oleh EXCO Kerajaan Tempatan serta Mong Gajah 4x4 juga di Tasik Pedu. Penyertaan dalam pameran pelancongan domestik dan antarabangsa, menyediakan pakej menarik melalui platform digital dengan kerjasama antara Kedah Tourism dan Jagotrip bagi membolehkan pakej-pakej itu dijual di platform pelancongan popular di China. Dalam masa yang sama, Kedah Tourism turut menjalin kerjasama dengan Travel4All dari Indonesia untuk membolehkan pakej-pakej pelancongan dijual melalui platform digital iaitu MampirMalaysia.com Menggandakan usaha promosi dengan menyediakan pelbagai pakej ekopelancongan yang eksklusif untuk dijual melalui platform *online travel agent*.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya saya sendiri juga turun ke lapangan beberapa kali untuk turut mempromosikan produk-produk ekopelancongan dalam negeri kita ini. Dalam masa yang sama, Kedah Tourism sentiasa menyokong usaha promosi yang dijalankan oleh pelbagai pihak sama ada jabatan dan agensi kerajaan mahupun NGO-NGO dan para pemain industri kecil dan besar. Selain daripada aktiviti promosi, kerajaan negeri juga membaik-pulih serta menaik taraf produk ekopelancongan yang terdapat di seluruh daerah di Negeri Kedah. Pihak PBT juga turut menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan bagi memastikan produk ekopelancongan tersebut sentiasa berada dalam keadaan sedia dikunjungi bagi menjamin keselamatan serta keselesaan pelancong.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kita yakin dengan usaha yang bersungguh-sungguh dan berterusan ini insyaAllah, nama produk-produk ekopelancongan di dalam negeri kita ini akan meniti di bibir para pelancong yang berkunjung di rantau ini dan menjadikan Kedah nanti akan menjadi destinasi yang wajib dikunjungi dan wajib disinggah, insyaAllah. Terima kasih.

## **YB TUAN SPEAKER**

Soalan tambahan, YB. Lunas.



## **YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI**

Terima kasih Yang Berhormat Kubang Rotan, jawapannya padat dan tepat. Baik, soalan saya bunyinya begini, Negeri Kedah ni kita beruntung kerana kita ada banyak keindahan alam semula jadi yang semestinya boleh menjadi tarikan pelancongan. Sebagai contoh, kita ada Gunung Jerai, Tasik Pedu, kemudian jelapang padi yang luas, yang terbesar dalam negara kita lah dan kita juga antara negeri yang membekalkan sumber makanan kepada negara. Semua ni adalah kurniaan Allah SWT yang unik. Soalan saya kepada YB. Kubang Rotan, apakah kita punya perancangan ataupun pelan, *branding* untuk menjadikan Kedah sebagai ikon ekopelancongan Malaysia dan juga ada atau tidak kita bekerjasama dengan sama ada penerbangan, syarikat penerbangan mana-mana domestik ataupun international ataupun platform digital untuk mastikan ekopelancongan ini dapat kita war-warkan ke seluruh tempat, bukan sekadar dalam negara kita, malahan fokus utama kita kepada pelancong luar negara? Terima kasih.

## **YB. TUAN SPEAKER**

Silakan Yang Berhormat Kubang Rotan.

## **YB. DATO' HAJI MOHD SALLEH BIN SAIDIN**

Baik, terima kasih YB. Lunas. Soalan daripada YB. Lunas sendiri mencerminkan minat dan juga tanggungjawab YB. Lunas sendiri untuk membangunkan sektor pelancongan dalam negeri kita ini. Yang Berhormat Tuan Speaker, sebahagian daripada jawapan yang saya bagitahu tadi ini, menjawab persoalan tambahan daripada YB. Lunas. Apapun, begini saya jawab secara ringkas. Sebenarnya, Negeri Kedah kita ini setiap 12 daerah yang ada dalam Negeri Kedah kita ini, mempunyai semua daerah ini mempunyai produk-produk yang berkonsepkan ekopelancongan. Sekadar hari ini, kita ada 88 produk ekopelancongan dalam daerah di seluruh Negeri Kedah kita ini. 88 itu bukan sikit, itu jumlah yang banyak. Itu adalah yang berdaftar Yang Berhormat Tuan Speaker.

Baik, untuk tahun 2025 berbalik kepada persoalan daripada YB. Lunas. Tahun 2025 ini adalah kita pelan, kita khususkan, adalah tahun untuk kita memfokuskan kepada pelancongan acara. Kalau kita perasan, kalau YB. Lunas dan juga Yang Berhormat Tuan Speaker, semua yang ada sini perasan, daripada 170 acara yang telah dimasukkan dalam Kalender Pelancongan Tahun Melawat Kedah ini, semua itu berada di setiap daerah dalam Negeri Kedah. Kenapa kita buat macam itu? Itu juga sebagai strategi kita untuk kita perkenalkan produk-produk yang ada di setiap daerah itu. Setiap daerah itu yang seperti saya cakap tadi ini, setiap daerah itu mempunyai produk-produk yang berkonsepkan ekopelancongan.



Itu sebagai strategi kita yang pertama. Cuma, cuma, kita ada sedikit kekangan. Ada di antara produk-produk yang kita ada ini Yang Berhormat Tuan Speaker, tidak mempunyai lesen. Okey? Apabila tidak mempunyai lesen, kita tidak boleh mempromosi, kita tidak boleh membantu mereka untuk kembangkan lagi perusahaan ataupun peniagaan mereka.

Jadi, dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin mengajak sahabat-sahabat di luar sana yang juga merupakan pengusaha-pengusaha produk-produk yang berkonsepkan ekopelancongan ini untuk memohon lesen dan seterusnya untuk memohon KM daripada Majlis untuk kita membantu untuk mereka menjalankan peniagaan secara sah dan seterusnya membantu kembangkan lagi peniagaan mereka dengan bantuan, dengan geran dan sebagainya dan juga akan mempromosikan ke tahap yang lebih tinggi. Apapun, dengan berbaki 132 hari lagi sebelum tahun 2025 ini menutup tirainya, kita akan memanfaatkan sepenuhnya untuk terus mempromosi, untuk terus melaksanakan kerja-kerja kita mempromosi dan juga memberi perhatian kepada semua produk-produk yang ada dalam Negeri Kedah ini. Terima kasih YB. Speaker.

**YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN**

Soalan tambahan.

**YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih YB. Exco.

**YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB**

YB. Speaker, dalam pengetahuan saya kena Bayu *time* soalan tu.

**YB. TUAN SPEAKER**

YB. Bayu, YB. Tokai dulu, bagi YB. Tokai.

**YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN**

Terima Kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Kepada YB. Kubang Rotan, hari Jumaat lepas *team* saya pergi buat trekking di Gunung Kerengga. Apa yang menjadi keluhan mereka adalah papan-papan tanda yang telah pudar, tidak menunjukkan arah yang kita kata sepatutnya lah. Saya bukan bercakap untuk Padang Terap sahaja, mungkin daerah-



daerah lain juga terlibat. Jadi, naik taraf papan-papan tanda menuju kepada kawasan ekopelancongan ini perlu diberi perhatian yang serius, kerana tahun depan adalah Tahun Melawat Malaysia. Jadi, kita membuka ruang seluas-luasnya kepada pelancong daripada luar negara, daripada dalam negeri untuk kita menuju ke tempat-tempat yang kita war-warkan sebagai ekopelancongan.

Jadi, saya harap pihak PBT, pihak EXCO Pelancongan, pihak kerajaan negeri memberi perhatian kepada papan-papan tanda ini agar lebih jelas. Satu lagi, di tepi lebuhraya, saya tak pasti sama ada masih wujud ataupun tidak Resort Tasik Pedu. Saya rasa Resort Tasik Pedu dah tak dak, tapi iklan di tepi lebuhraya masih ada lagi, benda-benda itu. Jadi, saya harap ini diberi perhatian, ya lah, resort tu tak dak dah. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, harap YB. Kubang Rotan beri perhatian.

### **YB TUAN SPEAKER**

Terima kasih YB. Tokai. Kira sekali jawab dengan YB. Bayu, YB. Exco. Silakan YB. Bayu.

### **YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB**

Ok, terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan saya berkenaan dengan Baling lah. Adakah perancangan jangka panjang kerajaan negeri bagi membangunkan pelancongan mampan di Baling, yang mana Baling telah diangkat sebagai Daerah Ekopelancongan Negeri, khususnya berkenaan gua air terjun, agropelancongan dan tapak bersejarah yang pernah saya bangkitkan sebelum ini. Dan satu lagi yang kita bincang hari itu, YB. Kubang Rotan ada hadir di pejabat daerah bersama dengan Tuan DO. Perlu wujud satu pusat info pelancongan di setiap daerah. Yang mana kita tengok macam di Baling, dipilih sebagai ekopelancongan. Tapi pelancong daripada Singapura merayau rata, tanya tempat yang tertentu untuk nak melancong. Jadi, saya harap kalau boleh Baling sebagai ekopelancongan ni disediakan sebagai satu pusat info pelancongan. Terima kasih.

### **YB. TUAN SPEAKER**

Silakan Yang Berhormat Kubang Rotan.



## YB. DATO' HAJI MOHD SALLEH BIN SAIDIN

Baik. Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada YB, Tokai, terima kasih kepada YB. Bayu. Saya menyambut baik saranan daripada YB. Tokai. Sebenarnya, kita ada buat penggantian, ada beberapa penggantian dibuat *signboard signage* ini. Tapi tak apa, saya akan panjangkan kepada PBT, kita akan minta pihak JKR untuk membantu. Apapun saya nak bagitahu, berbalik dengan satu saranan daripada YB. Tokai. Ada juga segelintir, ada juga sahabat-sahabat di luar sana, menghantar orang panggil apa, permohonan daripada pejabat saya untuk memberi peruntukan untuk buat *signboard* dan sebagainya ni. Suka saya nyatakan, sebenarnya bajet kita ni hanya RM3 juta. Bukan saya nak meletakkan kata bajet, alasan bajet tidak.

Negeri Kedah kita ini, kita buat Tahun Melawat Kedah 2025 dengan bajet hanya RM3 juta. Kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain yang tidak menganjur pun tahun melawat negeri masing-masing, lebih daripada itu. Ada yang RM10 juta, ada yang RM20 juta, ada yang RM100 juta. Tapi Kedah kita ini dengan RM3 juta, kita tetap buat. Sebab apa? Sebab nak bagitahu, sebab kita berpegang kepada;

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Saya nak bagitau, kita bersyukur dengan peruntukan yang RM3 juta itu sahaja, membolehkan kita ini bergerak, mengangkat usaha-usaha kita untuk merencanakan sektor pelancongan. Walau macam mana pun, setiap pandangan, setiap cadangan, kita akan ambil maklum, kita akan tambah baik dari semasa ke semasa. Itu yang pertama. Terima kasih YB. Tokai.

Yang kedua, berbalik kepada YB. Bayu. Saya menyambut baik hasrat daripada YB. Bayu dan ucapkan terima kasih. Untuk makluman YB, Bayu sendiri dan juga semua yang ada dalam Dewan mulia ini, boleh saya katakan, selepas Langkawi, Daerah Baling ini mempunyai satu persediaan pelancongan yang cukup baik. Baling dulu. Tepuk sikit Baling tu. Okey, tengok DO dia kan, Baling. Tetapi saya nak bagitau, dalam kita merancang merencanakan sektor pelancongan dalam Negeri Kedah kita ini, yang selalu saya cakap tahun 2025 adalah tahun pemula dalam usaha kita untuk merencanakan sektor pelancongan dalam kita memperbanyakkan acara-acara pelancongan di setiap daerah ini.



Sebenarnya kita ada *step* dia nak bagitau. Kita nak buat apa-apa ni bukan kita nak jalan terus macam itu. Tapi pandangan itu yang disuarakan oleh YB. Bayu, kita pegang, kita pegang dan saya juga berbincang dengan DO. Sekarang ini nak bagitau, kita nak bagi orang kenal setiap daerah dulu, orang datang tempat kita, kemudahan infra disediakan sepenuhnya dulu. Lepas pada ini, bukan sahaja Baling ada tempat untuk pusat infra ni. Mungkin insyaAllah, di tempat-tempat lain juga kita akan wujudkan juga. Itu yang pertama.

Yang kedua, dalam dunia yang dikatakan semua maklumat di hujung jari ni, pelancong sekarang ni Yang Berhormat Tuan Speaker, semua ni di hujung jari, di hujung jari. Tetapi masih ada lagi nak beritau, keperluan tu ada, mungkin belum sampai masa. Tapi sampai masa nanti insyaAllah, cadangan itu kita akan bincang, kita akan merialisasikan benda itu. Apa pun, terima kasih atas sokongan dan juga komitmen daripada YB. Bayu dan juga semua daripada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini. Terima kasih semua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

#### **YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih YB. Kubang Rotan. Di samping infra lain YB. Kubang Rotan, makan sedap merupakan salah satu daripada tarikan pelancongan juga tu. Makan sedap, orang akan mai. Okey. Untuk seterusnya dipersilakan Tuan Setiausaha Dewan.

#### **TUAN SETIAUSAHA DEWAN**

Sesi perbahasan usul-usul.

### **III. SESI PERBAHASAN USUL-USUL**

#### **TUAN SETIAUSAHA DEWAN**

Usul mendesak Kerajaan Persekutuan mengkaji semula pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan SST yang mana memberi kesan langsung kepada rakyat.

#### **YB. TUAN SPEAKER**

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin mengingatkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian agar memanfaatkan sesi ini bagi membahaskan usul yang akan dikemukakan oleh Yang Berhormat ADUN Belantek dengan sebaik-baiknya. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat ADUN Belantek untuk membentangkan usul tersebut. Dipersilakan.



## **YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Kedah, ADUN Jeneri, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Yang Berhormat-Yang Berhormat, Tuan-tuan, Ketua-ketua Jabatan Pesekutuan dan Negeri, hadirin hadirat yang saya hormati sekalian dan tidak lupa kepada warga Belantek yang mungkin mengikuti secara talian terus perbahasan kita pada pagi ini. Terima kasih.

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya Ahmad bin Sulaiman dari Dewan Undangan Negeri Kawasan Belantek dengan ini ingin mengemukakan usul di bawah peraturan mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah untuk dipertimbangkan dan dibahaskan dalam Sidang Dewan yang mulia ini.

“Bahawasanya Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini mencadangkan satu usul mendesak Kerajaan Pesekutuan mengkaji semula pelaksanaan, cukai jualan dan perkhidmatan (SST) kepada rakyat. Bahawa Dewan Undangan Negeri pada hari ini mengambil maklum bahawa pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) oleh Kerajaan Pesekutuan, yang dituruti dengan semakan semula peluasan cukai tersebut berkuat kuasa pada 1 Julai 2025, telah memberi kesan langsung terhadap peningkatan kos barangan dan perkhidmatan harian. Dan bahawa rakyat khususnya di Negeri Kedah yang majoritinya terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana, kini semakin terbeban dengan kenaikan harga barang keperluan asas perkhidmatan dan kos sara hidup yang kian meningkat. Dan bahawa langkah terkini oleh Kerajaan Pesekutuan yang melibatkan peluasan skop atau kadar SST tanpa mekanisme pemantauan dan subsidi yang berkesan, berpotensi menjejaskan kebajikan rakyat serta menambah jurang ekonomi antara negeri dan wilayah”.

“Maka dengan ini Dewan Negeri Kedah mendesak Kerajaan Pesekutuan. Satu, melaksanakan kajian semula terhadap langkah peluasan cukai SST yang benar-benar membebaskan rakyat di bawah khususnya mereka yang berada di dalam golongan B40. Kedua, memperketatkan kawalan pencatutan harga dan pemantauan yang berkesan terhadap rantaian kesan dan impak daripada pelaksanaan SST. Dan yang ketiga, menyediakan langkah penyaluran subsidi bersasar dan bantuan kewangan khas yang efektif kepada golongan yang terjejas secara langsung mahupun tidak langsung akibat daripada pelaksanaan SST termasuklah dalam kategori peniaga kecil, petani, mahupun nelayan-nelayan.



Dan usul ini Yang Berhormat Tuan Speaker, jika diterima oleh Dewan Yang Mulia ini, akan disalurkan kepada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kewangan Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri untuk perhatian dan tindakan segera”.

Sekian, terima kasih.

**YB. TUAN SPEAKER**

Mohon sokongan.

**YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM**

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon menyokong usul yang dibentangkan oleh sahabat saya, YB. Belantek.

**YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih YB Ayer Hitam. Silakan YB. Belantek.

**YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN**

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya akan lanjutkan lagi penghujahan saya.

**YB, TUAN SPEAKER**

Ya, kita buka terus untuk perbahasan. Silakan Yang Berhormat.

**YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN**

Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih kerana memberi keizinan kepada saya untuk membentangkan seterusnya, memberi hujahan selanjutnya dan dalam membentangkan satu usul berkenaan desakan kepada Kerajaan Persekutuan.

Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Speaker. Kita mengambil maklum, Yang Berhormat Tuan Speaker, pelaksanaan cukai SST yang telah menggantikan rejim pencukai GST, diikuti langkah semakan semula peluasan cukai tersebut berkuat kuasa 1 Julai 2025 yang lalu. Apa yang membimbangkan kita ialah langkah Kerajaan Persekutuan yang meluaskan skop sekadar SST tanpa menyediakan mekanisme pemantauan yang berkesan, Yang Berhormat Tuan Speaker.



Malah lebih parah lagi disusuli dengan pemansuhan subsidi. Sekaligus berpontensi menjejaskan kebajikan rakyat di negeri ini yang kebanyakan terdiri daripada yang berpendapatan rendah dan sederhana. Bahkan, kini rakyat terus dibebankan dengan kenaikan kos sara hidup yang terus memuncak di era pemerintahan sekarang.

Yang Berhormat Tuan Speaker, suka saya menyebut sekali lagi tuntutan yang kita lanjutkan, kita sebut dalam Dewan yang mulia ini. Pertama, desakan kita supaya Kerajaan Persekutuan melaksanakan kajian semula terhadap peluasan cukai SST yang benar-benar membebaskan rakyat di bawah. Khususnya mereka yang berada dalam golongan B40 termasuk juga golongan M40.

Yang kedua, usul ini juga mendesak kerajaan supaya memperketatkan kawalan pencatutan harga dan pemantauan yang berkesan terhadap rantaian kesan dan impak daripada pelaksanaan SST.

Yang ketiga, menyediakan langkah penyaluran subsidi bersasar dan bantuan kewangan yang efektif untuk semua. Dan ini adalah tiga tuntutan utama yang kita sebut dalam usul pada hari ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin menjelaskan mengapa usul ini penting untuk diperhatikan oleh setiap daripada kita. Usul ini tidak bermaksud kita melanggar sempadan kuasa Persekutuan. Bahkan perkara ini telah termaktub secara jelas dalam jadual ke-9 Perlembagaan Persekutuan. Usul ini juga tidak bermaksud untuk mengubah Dewan ini menjadi Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara. Ia tidak sekali-kali bermaksud melebihi had kuasa negeri dalam ruang lingkup yang dibenarkan. Namun usul ini penting Tuan-tuan yang saya hormati sekalian, sebagai isyarat utama kepada Kerajaan Persekutuan bahawa persidangan DUN Kedah ini juga mengambil berat tentang situasi yang sedang melanda rakyat dan negara.

Pelaksanaan sebarang bentuk sistem pencukaian termasuk melibatkan pengstrukturkan fiskal yang tidak teratur boleh memberikan kesan langsung kepada rakyat di bawah sana Yang Berhormat Tuan Speaker. Kita amat memahami keperluan di peringkat Kementerian Kewangan untuk mengadakan suatu bentuk perancangan fiskal yang cantik, yang berhemat. Berhadapan dengan situasi geopolitik yang tidak menentu, penyisihan perdagangan ditambah lagi pertambahan hutang negara yang secara tidak langsung boleh mencerminkan risiko pertumbuhan ekonomi yang ketara. Kita berterima kasih banyak kepada pegawai-pegawai di Kementerian Kewangan. perancang-perancang yang berfikir, menyusun pelan perancangan ekonomi yang terbaik.



Tapi ini juga tidak bermaksud Kerajaan Persekutuan boleh sekadar mengambil jalan mudah dengan menekan rakyat dengan dasar-dasar fiskal yang membebankan dengan pelaksanaan cukai-cukai tambahan kepada rakyat, di samping kononnya, di samping rasionalisasi subsidi bahan api dan elektrik. Dasar-dasar ekonomi sebegini Yang Berhormat Tuan Speaker, meskipun ada asasnya yang tersendiri, ianya tetap memberi kesan. Memberi kesan secara mikro jika tidak ditangani dengan cermat dan teliti. Kementerian Kewangan seharusnya mencari jalan keluar yang strategik dan meneliti ruang-ruang pencukaian lain yang berpegang kepada prinsip pengagihan kekayaan yang seimbang dan adil. Dan inilah prinsip yang kita pegang dan seharusnya dijadikan prinsip kewangan di peringkat kerajaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sedangkan di sana masih terdapat lagi cara-cara lain untuk kita pilih. Terdapat sistem pencukaian lain yang boleh dipertimbangkan oleh kerajaan itu sendiri. Seperti cukai ke atas pendapatan luar negara, cukai dividen daripada pendapatan syarikat tersenarai, serta cukai keuntungan jualan hartanah yang sepatutnya diteroka oleh kerajaan dalam usaha menghasilkan suatu pendapatan fiskal yang lebih stabil. Persoalannya, adakah semua alternatif ini, alternatif sistem cukai ini diperhalusi dengan mendalam sebelum kerajaan mengambil langkah memperluaskan capaian SST ini?

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mengajak Tuan-tuan yang saya hormati sekalian sikit kepada keadaan rakyat di negeri ini yang peratusnya ada kemiskinan, kadar kemiskinan. Kita dihimpit pula dengan cukai. Yang Berhormat Tuan Speaker, Kedah masih negeri yang dikategorikan sebagai miskin, mempunyai peratus kemiskinan yang tinggi. Had kemiskinan relatif di Negeri Kedah adalah RM2,201 pendapatan dengan peratus insiden kemiskinan relatif adalah 11.9 peratus. Jika kita mengambil ukuran kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif mengikut daerah-daerah yang ada di Negeri Kedah ini Tuan-Speaker, 6 daerah yang boleh diklasifikasikan sebagai *red flag* ataupun “bendera merah” Yang Berhormat Tuan Speaker. Dan izinkan saya menyebut daerah-daerah ini. Ini adalah data 2022 Yang Berhormat Tuan Speaker.

Pertama, Daerah Baling yang mempunyai 14.4 peratus kemiskinan mutlak manakala 19.7 peratus kemiskinan relatif. Kemiskinan mutlak ini mencerminkan pendapatan bulanan yang diterima oleh rakyat di daerah ini masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan asas. Itu kemiskinan mutlak Yang Berhormat Tuan Speaker, manakala kemiskinan relatif pula bermaksud pendapatan isi rumah di bawah separuh daripada pendapatan penengah daerah. Kuala Muda, 13.8 peratus kemiskinan mutlak 15.7 peratus kemiskinan relatif. Kulim, 11.4 peratus kemiskinan mutlak dan 11.3 peratus kemiskinan relatif.



Padang Terap, 8.9 peratus kemiskinan mutlak dan 11.3 peratus kemiskinan relatif. Pendang, 7.3 peratus kemiskinan mutlak dan 12.5 peratus kemiskinan relatif. Yan, 6.0 peratus kemiskinan mutlak dan 12.4 peratus kemiskinan relatif.

Data-data ini Yang Berhormat Tuan Speaker, memberikan gambaran bahawa memberikan gambaran terhadap himpitan kemiskinan yang sedang melanda rakyat negeri ini. Jika kita tidak membentengi dasar-dasar, yakni mencari jalan, membentengi dasar-dasar yang membebankan rakyat, maka siapa lagi yang harus memikul tanggungjawab ini? Siapa lagi yang akan harus memikul tanggungjawab ini? Maka selain peranan aktif yang dimainkan Ahli-ahli Parlimen kita di Dewan Rakyat dan dua orang Senator kita di Dewan Negara, maka Sidang DUN pada hari ini juga ingin tampil mengambil tanggungjawab yang sama Yang Berhormat Tuan Speaker.

Yang Berhormat Tuan Speaker, usul ini bukan sekadar mahu membahaskan mengenai rejim percukaian negara semata-mata. Tetapi apa yang sebenarnya yang menjadi perhatian kita adalah menyentuh soal denyut nadi hati rakyat di Negeri Kedah ini Yang Berhormat Tuan Speaker. Khususnya rakyat di Negeri Kedah yang semakin terhimpit dengan beban kos sara hidup yang terus meningkat tanpa peningkatan yang setimpal.

Hari ini Yang Berhormat Tuan Speaker, saya rasa rakyat tidak lagi bercakap tentang gaya hidup. Mereka hanya mahu terus hidup. Ibu-ibu di kampung mungkin berkira-kira untuk membeli susu anak. Pelajar universiti yang mendapat tawaran yang terbaik mungkin memikirkan soal kewangan. Kita pergi pasar malam, golongan pasar malam, membeli keperluan asas sahaja. Membeli ikan, membeli daging yang sepatutnya cukup untuk keperluan asas. Mungkin yang jual-jual di tepi-tepi, di hujung-hujung nak keluar tu Yang Berhormat Tuan Speaker, apom balik ka apa, kuih-kuih tu tak apa, kita tak beli lagi pun tak pa Tuan-tuandan Yang Berhormat Tuan Speaker. Itulah apa yang dirasakan oleh rakyat kita di bawah sana. Mungkin kita di dalam golongan yang Alhamdulillah, berpendapatan tinggi, kita tidak merasai ini. Tapi, saya rasa yakin bahawa saya dan juga semua Yang Berhormat- Yang Berhormat, semua sekali yang ada di sini, turun ziarah buat beras sejahtera akan berjumpa dengan golongan-golongan miskin.

Kita masuk dalam rumah yang agak uzur Yang Berhormat Tuan Speaker, dengan dihuni oleh sepasang suami isteri yang agak berumur, sakit pula Yang Berhormat Tuan Speaker, kipas angin pula yang bergerak tak bergerak, mengharapkan bantuan, terima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kita jumpa semua ni, mereka ni dihimpit kemiskinan. Ramai lagi di Negeri Kedah ni Yang Berhormat Tuan Speaker.



Jadi, saya ingin membangkit keresahan rakyat Negeri Kedah ini terhadap peluasan skop SST ini yang kini melibatkan barangan keperluan harian seperti sabun, ubat gigi, peralatan dapur dan makanan proses Yang Berhormat Tuan Speaker. Ini adalah semua barangan asas yang digunakan oleh setiap isi rumah di Malaysia. Meskipun pelaksanaan SST ini bertujuan untuk meningkatkan fiskal kerajaan, hakikatnya ia menambah tekanan kepada kos hidup rakyat yang sedia parah. Lebih mengecewakan Tuan Speaker, dalam masa yang sama, subsidi ke atas barangan asas turut dipotong atau dalam istilah lembutnya disasarkan. Akhirnya rakyat menanggung dua beban serentak Yang Berhormat Tuan Speaker. Subsidi yang ditarik dan cukai yang dinaikkan. Subsidi yang ditarik, cukai dinaikkan, Yang Berhormat Tuan Speaker.

Walaupun menteri berhujah tidak semua perkhidmatan SST secara langsung, kita tidak boleh menafikan bahawa sektor penting Yang Berhormat Tuan Speaker seperti logistik turut dikendalikan levi yang tinggi. Sektor pengangkutan terutamanya Yang Berhormat Tuan Speaker. Sektor logistik ini adalah nadi kepada rangkaian bekalan negara. Apabila kos logistik meningkat, kos logistik, contoh kos pengangkutan naik dan akhirnya harga produk turut naik Yang Berhormat Tuan Speaker. Sama ada makanan ka, ubat-ubatan ka atau barangan dapur, semuanya menjadi lebih mahal. Dan kesan domino-ino dia pergi kepada siapa Yang Berhormat Tuan Speaker? Sudah tentu dirasai oleh pengguna akhir. Pengguna akhir ni kitalah rakyat yang ada pada hari ini. Peniaga pula tidak mempunyai pilihan selain memindahkan kos tersebut kepada rakyat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, apa yang lebih bingungkan, langkah ini bertentangan dengan jaminan yang pernah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada pertengahan tahun 2024. Apabila beliau menyatakan, “saya tidak mahu perkenalkan instrumen pencukaian baru yang membebankan rakyat”. “Saya tidak mahu perkenalkan instrumen pencukaian baru yang membebankan rakyat”. Namun hari ini Yang Berhormat Tuan Speaker, bukan sahaja SST diperluaskan, malah cukai-cukai baru diperkenalkan. Janji tidak ditepati dan rakyat terus menanggung kesannya. Keyakinan rakyat terhadap dasar fiskal kerajaan semakin terhakis apabila wujud percanggahan antara kata dan tindakan. Walaupun rakyat sudah lama merintih tentang kos hara hidup yang meningkat, ia ibarat air yang jatuh ke daun tadi. Masih belum ada langkah intervensi yang konkrit dan bersifat struktural daripada Kerajaan Persekutuan. Tiada pelan menyeluruh yang diumumkan bagi menangani kenaikan harga komoditi makanan. Tiada mekanisme pemantauan harga yang telus dan berkesan. Dan tiada reformasi besar-besaran dalam sistem subsidi yang benar-benar boleh melindungi golongan rakyat yang berpendapatan rendah yang tidak punya pendapatan yang tinggi. Apa yang rakyat dengar hanyalah penyataan retorik dan janji manis yang tidak menjelma menjadi dasar perkongkrit.



**YB. TUAN SPEAKER**

Panjang lagi ka YB. Belantek?

**YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN**

Sikit lagi Yang Berhormat Tuan Speaker.

**YB. TUAN SPEAKER**

2 minit lagi.

**YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN**

Saya ingin tegaskan di sini bahawa negara tidak semestinya perlu menambah beban cukai kepada rakyat jika pengurusan fiskal diurus dengan lebih berhemah. Ketirisan, pembaziran, kebocoran dalam perolehan kerajaan masih berlaku saban tahun seperti dilaporkan dalam laporan Ketua Audit Negara. Namun, isu ini tidak ditangani secara serius. Adakah adil rakyat terpaksa tanggung? Adakah adil rakyat terpaksa menanggung beban pencukaaian tambahan semata-mata kerana kelemahan kerajaan dalam menguruskan kewangan negara?

Yang Berhormat Tuan Speaker, usul ini adalah isyarat daripada rakyat Kedah kepada Kerajaan Persekutuan bagi menyampaikan kegelisahan dan harapan rakyat yang semakin terbeban dengan tekanan ekonomi yang terbeban. Kita tidak berniat Yang Berhormat Tuan Speaker, kita tidak berniat untuk mencabar keabsahan dasar fiskal Kerajaan Persekutuan. Tetapi ingin mengingatkan bahawa sebarang dasar, walau sebaik manapun niatnya, tetapi perlu tetap diukur dari sudut kesannya kepada kehidupan rakyat dan di peringkat akar umbi. Saya yakin apabila suara ini, usul ini, yang kita sampaikan ini dengan tertib dan konstruktif, Kerajaan Persekutuan yang berjiwa besar akan menilai semula langkah fiskalnya dengan lebih teliti dan saksama. Kita di Dewan ini, semua Yang Berhormat di sini, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian, yang diberi mandat oleh rakyat tidak boleh berdiam diri. Apabila rakyat di bawah pentadbiran kita semakin terhimpit, rakyat ditampung hidup dalam tertekan. Maka, saya menyeru agar Dewan ini bersatu menyampaikan mesej jelas kepada Kerajaan Persekutuan bahawa rakyat Kedah mahu keadaan fiskal yang lebih saksama dan dasar percukaaian yang tidak lagi menambah derita yang sedang berdarah. Oleh demikian Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin mencadangkan satu usul seperti berikut;



“Bahawasanya, Dewan Undangan Negeri Kedah yang bersidang pada hari ini mendesak Kerajaan Persekutuan, mengkaji semula pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan yang mana memberi kesan langsung kepada rakyat”.

Sekian, terima kasih.

## **YB TUAN SPEAKER**

Terima kasih Yang Berhormat Belantek. Dipersilakan YB. Bandar Baharu. Ada YB. Sidam, YB. Kota Darul Aman dan YB. Bakar Arang ada yang nak mengambil bahagian? Kita akan bagi, insyaAllah.

## **YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF**

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, rakan-rakan EXCO, rakan-rakan Yang Berhormat sekalian. Seterusnya, Dato' Seri SS dan rakan-rakan di sebelah sana, rakan-rakan daripada barisan pembangkang, seluruh hadirin hadirat pemerhati dan Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Saya mengambil kesempatan ini untuk menyokong usul yang dibawa oleh YB. Belantek berkaitan dengan SST. Apa itu SST? *Sale and Services Tax*, cukai jualan dan cukai perkhidmatan. Dan ada satu cukai lagi yang pernah dipraktikkan di negara kita adalah GST, iaitu *Goods and Services Tax*. Kena sebut betul-betul, takut jadi *General & Services Tax*. Cukai barangan dan jua perkhidmatan, *Goods and Services Tax*.

Untuk maklumat semua, negara Malaysia di antara negara yang melaksanakan SST ini. Tapi di sekitar Asia Tenggara ini, tak ada negara-negara yang melaksanakan SST. Yang terdekat dengan Negara Malaysia adalah Pakistan yang melaksanakan SST. Yang lain-lain jiran kita, mereka mempraktikkan GST, ataupun satu *terms* lagi yang digunakan VAT, (dengan izin) *Value Added Tax*, penambahan nilai ke atas barang-barang yang nilainya ditambah baik. Singapura, Thailand, Indonesia, mereka mempraktikkan GST. Singapura 7%, Thailand 7%, Indonesia 10%. Filipina, Brunei, Myanmar juga menggunakan atau melaksanakan GST. Jadi ini kelainan yang berlaku di Malaysia ini YB. Belantek. Dan kita sudah tentulah sebagaimana yang dibangkitkan kesan secara langsung dan tidak langsung kepada rakyat khususnya rakyat luar bandar ini Yang Berhormat Tuan Speaker. Dan ada kelemahan-kelemahan yang kita lihat bagaimana cukai SST ini, dia merupakan satu cukai yang bertingkat ataupun dalam Bahasa Inggerisnya (dengan izin) *Cascaded Tax*, cukai bertingkat ataupun cukai berperingkat.



*Cascade* ini dia lebih kepada merit kepada bertingkat-tingkat ataupun berperingkat-peringkat. Daripada peringkat awal diproses di kilang, sampai lah dia keluar daripada kilang ataupun masuk ke kilang lain. Sampai ke peringkat penjualan, pemasaran, pengedaran dan sampai ke pengguna. Ada cukai yang berperingkat-peringkat. Dan akhirnya pengguna yang akan terima bebanan cukai yang bertingkat-tingkat ini. Jadi, setiap peringkat itu ada cukai. Dan lebih digelar sebagai SST adalah *Double Tax*.

Kemudian, kita lihat kepada komponen yang di'tax' itu, yang tidak telus. Bagaimana yang dikenakan 'tax'? Kita ada barangan, contoh *handset* kita. *Handset* kita ni, mudah, nampak seketul, nampak satu. Nampak satu unit, satu unit *handset*. Tapi cukai mana yang kena pada *handset* ini? Pada *phone* ini? Aksesori dia kah? Atau bahagian elektroniknya kah? Sebab dia ni barang elektronik. Kameranya kah? Kamera, pelbagai jenis kamera dan kategori kamera yang ada pada *handset* ini. Atau *soft*, orang panggil *hardware* ataupun *software* yang ada dalam *handset* ini juga. Yang kita guna, semua orang guna. Dan juga satu lagi mungkin aplikasi, *apps*. Semua orang *download apps*. Semuanya bercukai. Cukai yang mana yang kita kena? Ini di antara yang tidak jelas dalam SST ni. Tuan-tuan, jadi tak kira orang, tak kira kecil ka, besar ka, semua kena cukai. Kemudian ini menyebabkan harga barangan ini tidak stabil dan berubah, berubah setiap masa sepanjang masa. Baik barangan asas ataupun barangan-barangan mewah ataupun barangan-barangan yang lain. Dia harganya tak stabil. Tidak stabil. Kita lihat apa nama? Harganya naik tak menentu. Jaranglah harganya turun. Kebanyakan naik yang tak menentu dan kita tak tahu. Macam pasaran saham, pasaran saham pun dia ada naik turun dia. Tapi ini tidak, kebanyakannya menjurus tak pun *trendnya* adalah meningkat sepanjang masa.

Dan yang kelima, di antara kelemahan-kelemahan SST ni adalah pada sektor perkhidmatan yang tidak seragam. Tidak ada keseragaman dalam sektor-sektor perkhidmatan, *service-service sector*. Daripada potong rumput, daripada potong rambut dan juga perkhidmatan-perkhidmatan termasuk pencucian dan sebagainya, tidak ada keselarasan. Ini diantara kelemahan-kelemahan yang berlaku, dan kesan langsung kepada rakyat luar bandar. Kita lihat bagaimana keperluan asas, keperluan harian meningkat. Walaupun ada barang-barang asas yang tidak dikenakan cukai. Beras, telur. Apa lagi? Telur. Telur, setakat telur tu sahaja tak kena cukai. Tapi bila telur tu bertukar kepada roti telur, sudah berubah bentuk dan sudah dicukaikan. Nasi, beras. Beras, bila dia berubah dari beras dia menjadi nasi, sudah dicukaikan. Tak kira lah nasi putih ka, nasi bryani ka, nasi mandi ka, nasi apa sekalipun, sudah dicukaikan. Ini diantara benda-benda yang berlaku sekarang.



Oleh sebab itulah harga barangan keperluan harian meningkat daripada masa ke masa. Ini menghimpit kehidupan masyarakat. Ini kesan langsung kepada rakyat. Termasuk rakyat luar bandar lagi terasa. Sebagaimana disebut oleh YB. Belantek tadi, rakyat luar bandar, rakyat miskin ini lagi terasa keadaannya.

Kemudian kos yang dipindahkan, termasuklah kos logistik, termasuklah kos-kos yang lain yang bersangkutan dengan pengedaran ataupun *distribution* barangan ini ke luar bandar misalnya. Daripada bandar, daripada kilang apa semuanya sampai ke pengguna yang berada di luar bandar itu telah mulai proses, pelbagai proses yang ada. Termasuklah kos-kos yang akan dipindahkan, yang terakhirnya sasaran yang terakhirnya adalah pengguna itu sendiri. Dan kita lihat bagaimana kesan secara langsung ini dari segi pendapatan. Pendapatan luar bandar, masyarakat luar bandar, rakyat luar bandar. Kita lihat bagaimana pendapatan mereka sangat-sangat terhad. Kos pengeluaran kalau sekiranya penduduk luar bandar, masyarakat luar bandar ini mengusahakan. Tak kira apa-apa usaha-usaha sama ada perusahaan kecil, perusahaan sederhana, perusahaan kampung dan sebagainya, kos pengeluaran mereka ni meningkat. Tak setara ataupun tak seimbang dengan hasil-hasil yang dikeluarkan oleh mereka. Pak tani misalnya, tak kiralah pak tani ka, nelayan ka, apa ka, semua kena. Nelayan, nelayan nak masuk nak jadi nelayan sekarang ini kena ada bot, kena guna minyak dan sebagainya. Ini semua kos-kos yang meningkat tapi hasil mereka tidak setara dengan apa yang mereka keluarkan. Begitu juga petani-petani termasuklah pesawah-pesawah dan sebagainya. Jadi, ini tekanan yang dihadapi oleh masyarakat khususnya di kampung.

Kalau kita lihat bagaimana jurang ekonomi ini akan akan bertambah. Jurang ekonomi di antara bandar dan juga luar bandar ni akan akan bertambah lebar. Lebar daripada masa ke masa. Kalau sekiranya apa-apa yang dilaksanakan dalam SST sekarang ni berlanjutan, berlarutan, jurang ini akan melebarkan lagi. Kita lihat bagaimana dengan perkhidmatan talian internet pun luar bandar ni dia *slow*. Tak hebat yang ada di bandar ni. Jadi, proses penggunaan internet ini satu keperluan sekarang. Tidak kira duduk dekat mana pun akan berlaku proses ini.

Tuan-tuan, Yang Berhormat Speaker dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian....  
(YB. Tuan Speaker mencelah)

## **YB. TUAN SPEAKER**

Satu minit lagi.



**YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF**

Okey, saya nak tutup dah. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Jadi kuasa membeli, kuasa membeli di kalangan masyarakat luar bandar ni juga menurun. Oleh sebab itu saya lihat kesan langsung dan tidak langsung ini yang akan terhimpitnya semua orang dan paling ketaranya adalah golongan-golongan luar bandar. Dan saya melihat bahawa SST ini dia kena semua orang, daripada *baby* sampai yang mati pun kena. Daripada buaian sampai liang lahad. Pepatah Arab dia kata apa, “yang kita lihat, tuntutlah ilmu daripada buaian hingga ke liang lahad. ***“Utlubil ilma minal mahdi ila lahdi”***. *Tuntutlah ilmu daripada buaian sampailah ke liang lahad*. Tapi sekarang ni bukan pepatah itu yang kita dengar, “cukailah kamu daripada buaian ke liang lahad”. Ya! Mati pun nak beli, nak beli papan pun ada. Lung pun kena cukai! Buaian pun kena, susu apa semua, kena cukai semua. Ini di antara kehidupan yang kena kat kita. Jadi, ni *from cradle to grave* (dengan izin), daripada buaian ke dalam kubur. Ini kena semua orang. Jadi sebagai akhirnya, saya ingin bagi satu pantun lah untuk kita bersama. Dari rambut ke hujung jari, daripada rambut sampai hujung jari kaki.

Dari rambut ke hujung kaki, disapu dipakai semua bercukai. Tak kira kita sapu kah kita pakai kah, semua semuanya bercukai. Manis di mulut menawan hati, janji terabai tidak tertunai. Ini saya ulang balik.

*Dari rambut ke hujung kaki,  
Disapu dipakai semua bercukai,  
Manis di mulut menawan hati,  
Janji terabai tidak tertunai.*

Sekian, saya mohon menyokong usul berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

**YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih YB Bandar Baharu. Dipersilakan YB. Sidam.

**YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK**

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani, Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Timbalan Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, Tuan-Tuan dan Puan-Puan dan juga pemerhati sekalian.



Saya ingin membahas sedikit tentang usul yang ditimbulkan tadi, Yang mana telah mendesak Kerajaan Persekutuan mengkaji semula pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST). Di sini saya rasa tajuknya pun dah terlalu umum YB. Tuan Speaker, sebab mengkaji apa maksudnya mengkaji semula itu adalah tiga. Satu, kemungkinan, adakah nak kurangkan peratus SST atau tukar SST kepada GST atau mansuhkan? Jadi, kita pun tak tahu apa yang dimaksudkan dengan kajian semula. Tetapi seperti yang kita dengar daripada YB. Belantek dan juga YB. Bandar Baharu tadi kata, lebih kepada menyokong kepada GST. Okey, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kalau kita nak ambil pendekatan bahawa kita menyokong GST, saya rasa GST itu lebih membebankan. Tuan-tuan dan Puan-puan, kalau kita lihat kepada cukai yang dikenakan seperti sekarang, SST yang digunakan. Cukai sekarang kalau pendapat kita ialah, cukai hanya dikenakan sekali di satu peringkat sahaja, tidak melibatkan mana-mana kedai lagi di bahagian bawah. Kecuali satu kedai ataupun gerai ataupun pusat itu menjual ataupun menjalankan perkhidmatan ataupun perjualannya melebihi RM1.5 juta. Saya tak tahu. Saya sambung, terima kasih.

Kedua ialah melalui apa yang dilakukan sekarang ialah SST, lebih kepada menstabilkan harga. Di mana makanan-makanan, harga mentah, barangan asas banyak dikecualikan daripada SST. Iaitu dari segi makanan mentah, ubat-ubatan, pendidikan dan sebagainya dikecualikan. Seterusnya, lebih kepada kita lihat tidak membebankan golongan B40 kerana mengikut kajian Bank Dunia pada tahun 2018. Ini menyatakan bahawa kesan kepada golongan B40, ini adalah GST ini. GST memberi kesan kepada pendapatan boleh guna B40 sebanyak 6.3%. Tetapi kesan itu kepada golongan T20 hanya 3.5%. Jadi, ini kalau kita bandingkan bahawa SST dan GST, saya rasa GST lebih membebankan pihak pengguna.

#### **YB. TUAN SPEAKER**

YB. Sidam, nak beri laluan tak?

#### **YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK**

Sekejap boleh? Sikit lagi! Sikit lagi!

#### **YB. TUAN SPEAKER**

Sekejap lagi.



**YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK**

Jadi saya rasa, apa yang diusulkan di sini ialah mendesak kita mengkaji itu adalah satu mungkin tidak bersesuaian. Sebab, apa yang dilakukan ataupun apa yang difikirkan, saya rasa telah melalui bermacam-macam kajian untuk dilakukan pelaksanaan SST ini. Saya yakin, pihak kementerian telah melakukan bermacam-macam kajian, bermacam-macam kaedah untuk tidak membebankan rakyat di bahagian bawah. Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau kita lihat kepada GST seperti yang disokong tadi oleh YB. Bandar Baharu, GST itu akan kena kepada semua orang.... (YB. Bandar Baharu mohon mencelah)

**YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF**

YB. Tuan Speaker, mohon mencelah. Saya tak sokong GST.

**YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK**

Tak sokong ya, tapi lebih kepada kebaikan GST. Betul tak?

**YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF**

Saya tak sokong GST.

**YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK**

Ok, baik. Tak apa, saya tarik balik. Kalau kita lihat kepada GST, sebab kita tidak ada pilihan. Yang saya sebut tadi ialah kita tidak ada pilihan lain kecuali dua saja, kurangkan peratus SST ataupun perkenalkan balik GST. Yang ketiga ialah untuk mansuhkan memang tak bolehlah. Sebab semua negara akan menjalankan kutipan cukai dan sebagainya, termasuk juga dalam Negeri Kedah. Jadi, hanya dua untuk kita bahaskan.... (YB. Tuan Speaker mencelah)

**YB. TUAN SPEAKER**

YB. Sidam, YB. Pengkalan Kundor ni dah dua kali nak minta mencelah. Kita bagi laluan sikit.

**YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK**

Okey baik, silakan! Silakan!



## **YB. PUAN MARDHIYYAH BINTI JOHARI**

Terima kasih YB. Sidam yang baik hati. Pandangan saya lah, sebenarnya isu peluasan SST ni bukanlah menjadi isu sebab orang sokong GST ka ataupun apa ka. Tapi saya rasa, peluasan SST ni menjadi isu sebab telah banyak cukai baru diperkenalkan. Jadi, sebelum peluasan SST itu, banyak cukai-cukai lain dikenakan. Saya nak petik kenyataan daripada pengilang-pengilang Malaysia. The Federation of Malaysian Manufacturers pada 5 Mac 2025 (dengan izin) YB. Tuan Speaker. *“Don't increase any tax on micro, small and medium industries again. There are 9 taxes introduced this year. We have enough taxes already. The government needs to find a better way for revenue generation”*. Dah 9 cukai dah tahun ni sahaja. Bila dibuat peluasan SST, itu yang menimbulkan kemarahan dan menjadi isu tu.

## **YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK**

Baik, terima kasih YB. Pengkalan Kundor. Apa yang diceritakan tadi oleh YB. Pengkalan Kundor tadi, saya rasa bukan kita perlu memikirkan benda tu. Saya rasa telah difikirkan dan telah dianalisis oleh pihak-pihak yang melakukan, yang menjalankan ataupun memperkenalkan SST semula. Jadi, saya berbalik kepada perbahasan saya tadi. Seperti saya katakan tadi, memang kalau GST antara dua sahaja, SST atau GST. Kalau kita guna GST balik, bermakna seperti yang kita tahu, semua akan kena cukai. Yang bebannya ialah pengguna yang terakhir di mana peringkat satu, peringkat dua, peringkat tiga sebelum nak sampai pengguna, mereka boleh *claim* balik. Mereka boleh *claim* balik cukai itu. Jadi pengguna yang duk guna tu, sehingga kedai runcit di kampung-kampung pun, ada yang nak kena cukai. Tak kiralah berapa ringgit dia beli, semua nak kena cukai. Sehingga kita nak guna ATM card, pergi jolok duit pun, kena cukai. Jadi, ini lebih kepada membebankan rakyat.

Yang akhir sekali kesimpulan saya ialah, *last* dah YB. Tuan Speaker, saya rasa pendapat bahawa usul untuk mendesakkan penggunaan ataupun penggunaan GST hanya untuk memberi gambaran buruk kepada Kerajaan Pusat. Jadi, saya yakin kalau mana-mana kerajaan buat masa sekarang memperkenalkan balik GST, saya rasa kerajaan itu tidak akan stabil dan mungkin akan jatuh pada PRU berikutnya. Sekian, terima kasih YB. Tuan Speaker.



## **YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih YB. Sidam. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ada beberapa senerai nama yang ada di depan saya yang untuk berbahas. Ramai saya tengok dan kemungkinan saya tak akan dapat memenuhi semua nama-nama ini. Jadi, saya nak minta kepada pembahas-pembahas apabila berbahas cuba ringkaskan padat dan jangan panjang sangat. Kita beri ruang kepada rakan-rakan kita yang lain. Untuk seterusnya, saya menjemput YB, Lunas. Dipersilakan.

## **YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI**

Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah, Sum Alhamhamdulillah, wama taufiqi waktusomi illa billah 'alai hitawakkal tuwailai unip. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, seterusnya, rakyat Negeri Kedah yang dikasihi sekalian. Alhamdulillah, pertama sekali panjat rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana diberikan ruang dan peluang untuk membahaskan isu ataupun usul yang dibentangkan oleh YB. Belantek tadi. Ruang yang ada juga saya ingin merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarhammah, adik Zara Qairina. Mudah-mudahan keadilan dapat ditegakkan dalam kes beliau.

Yang Berhormat Tuan Speaker, hari ini saya bangun berdiri bukan hanya sebagai wakil rakyat, tapi sebagai suara ribuan rakyat di Kedah dan juga jutaan rakyat di Malaysia yang kini sedang menanggung kesan terus daripada pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan ataupun lebih dikenali dengan SST. Kita faham, tujuan utama cukai ialah menambah hasil negara. Tapi persoalan besar yang sedang bermain di fikiran rakyat, hasil cukai itu untuk siapa? Adakah hasil itu benar-benar kembali kepada rakyat yang tertekan dengan kos hara hidup atau hanya menambah beban mereka yang sedia sempit poketnya? Justeru itu, hari ini saya mendesak dengan penuh tegas agar kerajaan di peringkat Persekutuan mengkaji semula pelaksanaan SST. Kerana ia terbukti memberi kesan yang tidak baik kepada rakyat terbanyak. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya nak bawa satu cerita. Ada seorang ibu tunggal di Lunas namanya Kak Siah, kerja kilang. Gajinya RM1,800 sahaja YB. Bukit Kayu Hitam.

## **YB. TUAN SPEAKER**

Muda lagi kah?



## **YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI**

Lebih kurang YB. Tuan Speaker juga. Mungkin saya boleh usulkan nanti. Gaji dia, kerja kilang dia, gaji dia RM1,800 sahaja. Dengan duit itulah dia nak kena bayar sewa rumah, nak beli susu anak, belanja dapur, belanja petrol, nak pergi tempat kerja. Dia mengadu kepada saya, “YB., kalau dulu saya boleh beli seekor ayam, sekarang saya terpaksa beli separuh sahaja ayam itu. Kalau dulu saya boleh hantar anak saya pergi tuisyen, ada lebihan sikit daripada pendapatan. Tapi sekarang saya terpaksa batalkan hantar anak pergi tuisyen. Duit tak cukup”, dia kata pada saya. “Mujurlah ada Tuisyen Kedah Sejahtera. Kalau tidak dia kata tak pergi dah tuisyen”. Ini realiti Yang Berhormat Tuan Speaker. SST mungkin nampak kecil di atas kertas, 8%. Mungkin tak mempunyai apa-apa kesan bagi segelintir kelompok rakyat dalam negara. Tapi bila kita sampai ke pasar tani, pasar pagi, kedai makan, bil bulanan, rakyat rasa lain. Kos dia naik berkali ganda. B40 dah memang lama rasa tertekan dan susah ini. M40 yang kata kononnya selesa pun dah rasa ketat, semua serba tak cukup.

Jadi Yang Berhormat Tuan Speaker, adakah kerajaan boleh mengatakan yang SST ini tidak membebankan mereka? Ya, mungkin menteri-menteri yang berjawatan besar di peringkat Persekutuan, tak rasa apa-apa 8%. Tapi rakyat B40 adalah kelompok yang terbanyak mewakili rakyat dalam negara. Jadi, ianya amat membebankan. Kalau kita tengok peniaga kecil, jelas mereka terhimpit. Ada kedai makan yang saya pergi. Dia kata kepada saya, “dengan kenaikan kos ini, akibat SST ini, takkan saya tak naikkan harga makanan”. Dia buka kedai makan, dia kata “takkan tak naikkan harga makanan”. Kalau saya naikkan harga makanan, pelanggan lari, perniagaan kami akan terjejas”.

Kalau kita tengok daripada sudut IKS pula, yang kita harap boleh jadi tulang belakang kepada ekonomi negara. Kos pengeluaran mereka semakin hari, semakin meningkat. Barang tempatan tak mampu nak bersaing. Ada yang terpaksa kecilkan perniagaan, malahan yang terpaksa gulung tikar pun ada. Sebab itu saya nyatakan, SST bukan sahaja menekan rakyat, tapi secara perlahan-lahan, ianya membunuh perniagaan kecil dan juga industri kecil sederhana ataupun IKS. Yang Berhormat Tuan Speaker, apa yang saya suarakan dan saya nyatakan dalam Dewan yang mulia ini, bukan sekadar pandangan saya dan teman-teman wakil rakyat yang lain yang sentiasa turun di lapangan. Malahan kalau kita rujuk kepada pakar-pakar ekonomi dan percukaian juga dah memberikan pandangan. Pandangan pertama, Dr. Nur Kazimah Ahmad dari UNITEN, dia sebut, “SST ini sepatutnya dilaksanakan secara bersasar. Hanya dikenakan kepada barang-barang mewah dan gaya hidup tertentu supaya rakyat biasa tidak terbeban”.



Yang kedua, pandangan dikongsikan oleh Prof. Madya Dr. Mustazam Mansur daripada UKM. Beliau mencadangkan kepada Kerajaan, pelbagaikan bentuk cukai termasuk keuntungan luar biasa ataupun *windfall tax* terhadap syarikat besar yang untungnya berbilion-bilion seperti yang selalu disebut oleh PMX, “bilion-bilion”. Jangan hanya bergantung pada SST yang menekan rakyat marhaen.

Pandangan ketiga juga disuarakan oleh Presiden Persatuan Akauntan Cukai Malaysia, Tuan Abdul Aziz Abu Bakar yang menyebut bahawa sistem SST ini masih lemah kerana ia tidak mampu menutup ekonomi kelabu iaitu ekonomi yang tidak direkodkan. Akibatnya yang menanggung kesan adalah rakyat. Harga tetap berlambung dan hasil negara tidak optimum. Yang Berhormat Tuan Speaker, kalaulah pakar-pakar ini sudah memberikan pandangan adakah kerajaan di peringkat Pesekutuan yang dipimpin oleh seorang Perdana Menteri yang sebelum dia menjadi Perdana Menteri 20 tahun lebih dia jadi pembangkang dalam mana-mana ucapan, dalam mana-mana kempen dia, dia selalu nyatakan rakyat terbela, rakyat wajib dibela. Nah! Hari ini bila kamu ada kuasa, kamu memimpin Kerajaan, mengapa dia tak buat benda-benda itu? Yang Berhormat Tuan Speaker, itu yang dikatakan cakap tak serupa bikin, bikin tak serupa cakap. Cakap-cakap tapi tak bikin!

#### **YB. ENCIK TEH SWEE LEONG**

YB. Tuan Speaker, boleh celah?

#### **YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI**

YB. Kota Darul Aman sekejap! Saya tak bagi laluan, sekejap lagi saya bagi. SST ini mungkin kita nampak kecil hanya 8% sahaja di atas kertas, tapi realitinya ia cukai berganda kerana dikenakan kepada ataupun beberapa peringkat rangkaian bekalan. Barang yang sudah dicukai ketika dikeluarkan dicukai lagi ketika dijual. Akhirnya, yang menanggung Kesan, yang terpaksa membayar harga yang lebih tinggi adalah rakyat di peringkat bawahan. Ini yang dikatakan ataupun membangkit kemarahan rakyat. Mereka nampak harga naik, tapi tidak nampak apa manfaat terus kepada mereka. Ini bukan keadilan, dan ini bukan Parti Keadilan, ini kezaliman kerana SST hanya membebankan rakyat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya tidak hanya mahu membangkang tanpa membawa jalan keluar. Maka saya nyatakan tuntutan jelas dalam sidang DUN ini. Pertama, saya menuntut kerajaan mengkaji semula pelaksanaan SST secara menyeluruh, libatkan pakar, peniaga, NGO, pengguna dan rakyat biasa sebelum membuat sesuatu keputusan



yang besar. Kedua, pengecualian untuk barangan asas dan perkhidmatan penting seperti makanan, kesihatan, pendidikan, dan juga perkhidmatan asas rakyat. Ketiga, fokus kepada syarikat besar dan sektor yang untung besar, kutip cukai daripada mereka, jangan kutip daripada poket rakyat, bukan kutip daripada pakcik-pakcik di pasar malam, makcik-makcik yang jual nasi lemak tepi jalan yang pendapatan mereka belum tentu cukup untuk hari tersebut.

Yang keempat, tutup kebocoran hasil negara kerana saya nak rujuk kepada laporan Ketua Audit Negara Siri 2, 2025 yang mana ia memberikan gambaran jelas bagaimana wang negara diurus dengan sambil lewa. Pertama, dalam isu FELCRA. Perolehan empat ladang sawit di Sabah dan Kelantan bernilai RM241.76 juta tetapi tatakelola lemah, keputusan pelaburan meragukan. Ada lima, tapi saya nak sebut lagi satu sahaja. Kementerian Kewangan yang dipimpin oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim. Kenal tak? Ha! Kenal. menggunakan kaedah pre-Q terpilih dalam perolehan yang selalu dia duk sebut dalam ucapan tatakelola, tatakelola, sebenarnya itu tata kelentong, bukan tatakelola, sebab ini laporan Ketua Audit Negara. Bila dia guna kaedah pre-Q terpilih dalam perolehan, risiko besar disalahgunakan. Sepatutnya tender terbuka lebih telus dan lebih adil. Kalau yang jaga Kementerian Kewangan yang terlibat dalam soal pecukaian ini pun Kementerian dia gagal, macam mana dia nak urus tadbir percukaian dengan baik yang ada dalam negara kita.

Justeru itu, saya nak beritahu YB. Kota Darul Aman, YB. Bakar Arang, dan YB. Sidam, hilang dah? Tiga orang ni, saya nak cadangkan kepada Dewan yang mulia ini supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Anwar Ibrahim, memecat segera Menteri Kewangan! Sebab gagal dalam soal mengurus tadbir kewangan dengan baik. Setuju atau tidak Dewan? Gagal! Jelas gagal!

#### **YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN**

Pohon Belantek mencelah.

#### **YB. ENCIK TEH SWEE LEONG**

YB. Tuan Speaker, Peraturan Mesyuarat 35(3) di mana adalah salah untuk menggunakan nama Perdana Menteri dibaca keluar dalam Dewan. Jadi, kita minta YB. Lunas untuk tarik balik.

#### **YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI**

Baik. saya tarik balik, saya sebut PMX, orang yang sama.



**YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN**

YB. Belantek, mencelah sikit sahaja. Boleh tak YB. Lunas? Terima kasih.

**YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI**

Ya, sila.

**YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN**

Terima kasih.

**YB. TUAN SPEAKER**

Dia duk tengah semangat ni YB. Belantek. Kita bagi ruang dekat YB. Lunas sat dahulu kut?

**YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN**

Saya nak tanya soalan kepada YB. Lunas. Adakah YB. Lunas sedar bahawa diakibatkan oleh GST yang dulu, kerajaan dahulu tumbang, jatuh. GST yang dulu. Dan adakah kerana SST ini kerajaan yang ada sekarang boleh tumbang?

**YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI**

Baik. Terima kasih YB. Belantek. Saya setuju apa yang nyatakan oleh YB. Belantek. Kalau dikatakan kerajaan dulu tumbang kerana GST, ya, mungkin itu salah satu faktornya. Tapi sepatutnya bila kerajaan baru hari ini memerintah, yang mengatakan GST itu tak tepat, tak betul, jadi perbetulkanlah apa yang sepatutnya yang sebelum ni dilakukan. Tapi pembetulan itu tidak dilakukan dengan sebaik mungkin, sebaliknya diletakkan nama bertukar daripada GST kepada SST, dinaikkan pula kepada 8%.

Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya tutup dengan suara hati rakyat. Hari ini rakyat sudah cukup penat. Mereka bukan minta kemewahan, dia tak minta kita lambakkan duit kepada dia pun. Mereka cuma minta mahu hidup dengan tenang, cukup makan, cukup pakaian dan sedikit ruang untuk anak-anak mereka belajar dengan baik. Tapi dengan pelaksanaan SST, ruang ini semakin mengecil. Tangisan seorang ibu yang terpaksa memotong belanja dapur, keluhan seorang ayah yang terpaksa bekerja lebih masa untuk menanggung perbelanjaan keluarga, jeritan seorang peniaga kecil yang risau



kedainya ditutup bila pelanggan semakin kurang. Ini antara sebahagian daripada luahan kecewaan rakyat ataupun suara rakyat yang kita wakili.

Justeru itu, saya juga menuntut PMX untuk melaksanakan segala janji-janji yang beliau buat sebelum ini. Dalam soal membela kebajikan rakyat, saya tuntutan “cakap mesti serupa bikin”. Jangan bila sudah ada kuasa, cakupnya lain, buatnya lain. Laksanakan janji-janji yang telah diucapkan, yang telah dilaung-laungkan dalam mana-mana kempen untuk mendapatkan kuasa. Sekarang rakyat dah bagi, rakyat dah bagi ruang untuk kamu menjadi Perdana Menteri, rakyat dah bagi ruang untuk kamu berkuasa. Perbetulkan apa kekurangan, perbetulkan apa juga kesilapan yang berlaku dengan mengambil kira pandangan dan masalah rakyat terutama di peringkat bawah ini. Jangan laksanakan sesuatu kerana menjaga kelompok tertentu, kelompok elit tertentu, sebaliknya yang menjadi mangsa adalah rakyat daripada peringkat bawahan ini.

Kita di Negeri Kedah ini masih ramai yang berada di luar bandar, masih ramai yang terjejas dengan masalah kemiskinan. Justeru itu, suka saya mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan untuk mengkaji semula pelaksanaan cukai SST ini agar ianya cukai yang nak dilaksanakan tidak membebankan rakyat khususnya rakyat ataupun kelompok B40 ni. Jadi, saya dengan ini menyokong....(YB. Kota Darul Aman mohon mencelah)

#### **YB. ENCIK TEH SWEE LEONG**

Yang Berhormat Tuan Speaker, boleh saya mencelah?

#### **YB. TUAN SPEAKER**

Boleh.

#### **YB. ENCIK TEH SWEE LEONG**

YB. Tuan Speaker, YB. Lunas apabila berhujah itu dia selalu cakap tentang barang makanan. Jadi, adakah YB. Lunas sedar bahawa semua barangan seperti ayam, beras, sayur-sayuran, minyak masak, ubat-ubatan, semuanya dikecualikan cukai SST? Adakah YB. Lunas tahu tentang itu? Adakah YB. Lunas telah bantu ibu tunggal itu untuk memohon STR (Sumbangan Tunai Rahmah)? Terima kasih.



**YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI**

Terima kasih YB. Kota Darul Aman. Kalau dia tanya adakah Lunas telah membantu ibu tunggal tersebut? Lunas telah membantu. Itu saya boleh berikan jaminan. Salah satu bantuan yang Lunas berikan adalah kelulusan 'Beras Sejahtera' di bawah portfolio Merbau Pulas. So, kita berikan bantuan bulanan secara tetap kepada ibu tunggal tersebut, dan kalau nak saya nyatakan juga ruang yang ada YB. Kota Darul Aman, Lunas walaupun kita tidak menjadi kerajaan di peringkat Persekutuan, Lunas dah usahakan program 'Jualan Lunas Prihatin' dah 48 kali sejak diberikan amanah oleh rakyat, dan saya rasa YB. Kota Darul Aman sendiri pun tak ada lagi program macam itu. Terima kasih.

**YB. ENCIK TEH SWEE LEONG**

Kita dah anjurkan YB. Tuan Speaker. Jadi, saya nak beritahu YB. Lunas, selain daripada bantuan beras, mungkin 5kg, 10kg, satu bulan cuma RM26. Jadi, kita ada bantuan STR yang beribu ringgit kepada penduduk tersebut. Jadi kita minta dia mohon STR juga.

**YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BARUL MUNIR**

Itu memang tanggungjawab kerajaan. Kalau tidak tak payah jadi kerajaan!

**YB. TUAN SPEAKER**

YB. Lunas, saya bagi satu minit sahaja lagi.

**YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI**

YB. Kota Darul Aman, itu bukan yang kita usahakan sendiri. Kalau yang saya buat 'Jualan Lunas Prihatin', itu atas inisiatif kita sendiri sebagai wakil rakyat, tanpa menggunakan satu sen pun peruntukan kerajaan negeri. Yang kita tuntutan adalah, YB. Kota Darul Aman buat apa yang Lunas cakapkan! Itu yang saya nyatakan tadi. Nanti sat nak jawab!

**YB. ENCIK TEH SWEE LEONG**

Kota Darul Aman buat setiap bulan.



**YB. TUAN SPEAKER**

Kita akan bagi ruang untuk YB. Kota Darul Aman selepas ini. Sat lagi saya bagi ruang.

**YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI**

Mana ada saya bagi beras saja. Kita bagi gula, kopi, bihun, semua kita bagi. Ada 8 ke 10 barang kita bagi. YB. Kota Darul Aman, takkan orang bagi makan beras saja?

**YB. TUAN SPEAKER**

Okay YB. Lunas, tolong habiskan.

**YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI**

Baik, terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Jadi kesimpulannya, saya menyokong usul yang dibentangkan oleh pihak YB. Belantek dan saya mengharapkan wakil-wakil pembangkang yang ada dalam Dewan ini, sampaikanlah kepada kerajaan di peringkat Persekutuan, supaya menangguhkan dulu pelaksanaan SST dan juga kajian secara menyeluruh dibuat mengambil kira kesemua aspek, kerana ianya mendatangkan kesan yang cukup besar kepada rakyat Malaysia dan dalam waktu yang sama apa yang dikatakan oleh sahabat daripada YB. Sidam kata punca kepada kejatuhan kerajaan dahulu adalah GST, jangan kerana SST ini juga, kerajaan yang ada akan menurut langkah yang sama tumbang pada pilihanraya akan datang, insyaAllah. Terima kasih. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**YB. TUAN SPEAKER**

Okey terima kasih Lunas. Seterusnya saya menjemput YB. Kota Darul Aman.

**YB. ENCIK TEH SWEE LEONG**

Selamat pagi, salam sejahtera dan Salam Malaysia Madani. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker, rakan-rakan Ahli Dewan Undangan Negeri yang dihormati sekalian. Saya bangun untuk membahaskan usul ini yang dibawa oleh Yang Berhormat Belantek. Saya memang menghargai semangat beliau, namun saya ingin mengatakan bahawa mengapa usul ini harus ditolak secara tuntas kerana bagi saya pagi ini kita melihat kita telah menjadi Ahli Parlimen.



Sebab kita sedang membahaskan satu perkara di luar jangkauan kuasa kita, isu percukaian Persekutuan termasuk SST adalah perkara di bawah senarai Persekutuan dan pihak Perikatan Nasional mempunyai lebih 70 orang Ahli Parlimen dan di Kedah kita ada 14 orang Ahli Parlimen dan mereka mempunyai platform yang paling sah untuk membangkitkan isu ini dan rekod menunjukkan mereka pun telah bahas dalam Sidang Parlimen. Jadi, mengapa isu yang sama perlu kita bawa sekali lagi sebagai usul dalam Dewan ini? Adakah ini satu cubaan untuk bermain politik kepartian dan mengelirukan rakyat Kedah? Dewan yang mulia ini sepatutnya menumpukan masa kepada isu-isu Negeri Kedah, bukan mengulang tayangan perbahasan Parlimen.

Yang Berhormat Tuan Speaker, usul yang dibentangkan pada hari ini pada hemat saya, gagal melihat gambaran yang lebih besar. Ia hanya melihat kepada satu aspek iaitu cukai, bagaimana kita mengoptimumkan cukai negara, hasil negara, ada yang kata SST tak boleh pakai, kena pakai GST. Kalau nak optimum tu kita pakai GST. Sebab kalau ikut pengiraan daripada MOF, GST boleh memberi hasil kepada negara RM80 bilion. Tapi kenapa kita tidak laksanakan? Sebab ia akan membebankan setiap peringkat rakyat dan juga ibu tunggal yang telah dibangkitkan oleh YB. Lunas tadi. Dan kita melaksanakan SST setelah berbincang dengan semua pihak dan sistem cukai yang paling efisien dan paling memihak kepada rakyat adalah SST. Dan hasil daripada cukai tersebut bukannya kita ambil dan kita pakai, tetapi ia dikembalikan kepada rakyat... (YB. Kota Seputih mencelah)

#### **YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BARUL MUNIR**

Yang Berhormat Tuan Speaker.

#### **YB. ENCIK TEH SWEE LEONG**

Saya tak bagi mencelah, nanti. Jadi, kerajaan memerlukan kedudukan fiskal yang kukuh untuk mentadbir negara. Tanpa hasil yang stabil, bagaimana mungkin kerajaan dapat menyalurkan bantuan dan subsidi secara bersasar. Bagaimana mungkin kita dapat membiayai perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan keselamatan untuk semua. Contoh SST yang ada pada hari ini adalah jauh lebih bersasar. Barangan keperluan asas seperti beras, gula, minyak masak, tepung, ikan, daging dan sayur-sayuran tidak dikenakan SST. Malah, kenaikan cukai perkhidmatan kepada 8% juga sangat terarah. Kementerian Kewangan (MOF) telah menegaskan ia difokuskan kepada perkhidmatan bersifat *discretionary* atau bukan keperluan utama.



Perkhidmatan teras seperti makanan dan minuman serta telekomunikasi tidak termasuk dalam kenaikan kadar umum dan kekal pada kadar 6%. Ini membuktikan Kerajaan Madani amat teliti dalam memastikan sebarang perubahan dasar tidak membebankan majoriti rakyat. Sekarang, izinkan saya bertanya. Kemanakah perginya hasil cukai ini? Sudah tentu tidak hilang begitu saja. Hasil ini dikembalikan terus dalam poket rakyat melalui pelbagai inisiatif. Yang pertama, kita boleh lihat Sumbangan Tunai Rakyat iaitu STR. Ia telah ditambahkan dan merupakan yang tertinggi dalam sejarah. Bantuan 'one-off' RM100 untuk setiap rakyat dewasa penghargaan sempena Hari Merdeka melalui program SARA. Saya yakin, semua dalam Dewan ini akan dapat RM100 pada 31 Ogos nanti. Subsidi bersasar, kerajaan membelanjakan berbilion ringgit untuk subsidi elektrik bagi memastikan 85 bangunan domestik tidak terkesan dengan kenaikan harga. Petrol akan turun pada September ini.... (YB. Tuan Speaker mencelah)

**YB. TUAN SPEAKER**

YB. Kota Darul Aman, YB. Pengkalan Kundor minta laluan.

**YB. ENCIK TEH SWEE LEONG**

Saya tak bagi laluan. RM1.99 iaitu merupakan harga petrol yang paling murah di rantau Asia. Kerajaan bekerja keras mengawal harga barang, telur dan ayam. Bila YB. Belantek kata tak ada pemantauan, saya rasa yang itu fakta yang silap. KPNDN (*Kementerian Perdagangan Dalam Negeri*) kita bekerja keras setiap hari untuk memantau harga barangan supaya tidak ada kenaikan yang mendadak. Jadi, kita kena hormat kepada KPNDN, pegawai-pegawai kita yang bekerja keras untuk memastikan harga barangan stabil.

**YB. TUAN SPEAKER**

YB. Kota Darul Aman.

**YB. ENCIK TEH SWEE LEONG**

Saya tak bagi laluan.

**YB. TUAN SPEAKER**

Saya nak bagitahu satu sahaja Yang Berhormat. Bila orang lain berbahas, Yang Berhormat nak minta laluan, kadang-kadang dioarang bagi. Jadi, *be fair* lah na?



## **YB. ENCIK TEH SWEE LEONG**

Ya, saya akan bagi YB. Lunas jika dia nak mencelah.

## **YANG BERHORMAT TUAN SPEAKER**

Saya tidak mahu bila Yang Berhormat berbahas, orang minta laluan...Tapi ini hak Yang Berhormat, saya tidak boleh paksa Yang Berhormat. Cuma saya nak maklum.

## **YB. ENCIK TEH SWEE LEONG**

Okey baik. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Dan untuk nelayan, pesawah, kita ada 'Budi Madani' di mana mereka dapat RM200 setiap bulan dan juga semua inisiatif ini, bantuan tunai, subsidi elektrik, kawalan harga, kenaikan gaji penjawat awam dan rancangan penurunan harga petrol memerlukan dana yang besar. Jadi, dana ini datangnya daripada hasil negara, termasuklah kutipan SST. Jika kita menolak SST, ibarat mahu menuai hasil tanpa menanam benih. Ia satu permintaan yang tidak masuk akal.

Yang Berhormat Tuan Speaker, adalah sangat ikonik apabila usul ini datang daripada pihak kerajaan negeri pada masa yang sama dalam proses semakan kadar baru cukai tanah yang akan berkuat kuasa pada tahun depan. Jadi, sebelum kita mendesak Putrajaya, eloklah kita fokus kepada dasar di peringkat negeri yang akan memberi kesan langsung kepada rakyat Kedah. Negeri Kedah, bertahun-tahun hasil kita RM600 juta dan tahun depan kita nak capai RM1 bilion. Jadi, tentu kita kena laksanakan sesuatu sistem cukai untuk tambahkan pendapatan kita. Jika tidak laksana, bagaimana kita nak capai RM1 bilion. Jadi, kita juga mendesak kerajaan untuk lihat kenaikan cukai tanah yang akan dilaksanakan tahun depan.

Secara kesimpulannya, usul ini wajar ditolak kerana ia melangkaui bidang kuasa Dewan ini. Ia mengabaikan faktor bahawa SST dilaksanakan secara tersasar dan hasil dipulangkan kepada rakyat. Ia mencuba mengalirkan fokus daripada isu-isu sebenar di Negeri Kedah. Maka, saya memohon agar usul ini ditolak. Marilah kita bawa semula usul ini kepada Ahli-ahli Parlimen supaya mereka ada benda untuk bahas dalam Sidang Parlimen dan tak perlu kita buang masa di sini dan isu yang lagi kritikal untuk kita perlu selesai, isu bekalan air, pengurusan banjir dan prestasi BPT, kos sara hidup setempat di mana kita mempunyai kuasa-kuasa sebenar untuk kita bantu rakyat. Dengan ini, saya mohon menolak usul ini. Sekian, terima kasih.



**YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih, Yang Berhormat Kota Darul Aman.

**YB. PUAN MARDHIYYAH BINTI JOHARI**

Cakap sedikit sahaja, YB. Tuan Speaker.

**YB. TUAN SPEAKER**

Seterusnya saya menjemput YB. Pantai Merdeka. Dipersilakan.

**YB. USTAZ SHARIR BIN LONG**

Assalamualaikum. Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, Ketua-ketua Jabatan, Ahli-ahli Dewan dan semua yang ada. Terima kasih di atas keizinan ini. Saya nak bercakap dari perspektif Islam, kerana Perdana Menteri kita ni seorang Islam. Dalam surah Al-Baqarah, begitu jelas, ayat 188 Allah berfirman;

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ

*“Janganlah kamu memakan ataupun mengambil harta orang lain secara salah.”*

Di mana salah? Kita dengar kedua-dua belah pihak. Parti pemerintah, parti pembangkang. Bagi saya, kita orang Islam, tadi YB. Lunas ada membangkitkan beberapa tokoh-tokoh ekonomi. Soalan saya, adakah mereka ini juga dijemput untuk berbahas, berbincang? Sedangkan dalam Quran;

فَسْئَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Surah An-Nahl, Surah ke-16, Ayat 43.

Maka sekiranya kamu tak tahu dalam satu perkara, tanyalah orang yang tahu. Panggil berbincang. Tak tahu lah, kalau tengok parti pembangkang ni, dia sokong seratus peratus sebab ini geng dia. Kita lawan seratus peratus. Eh! Takkan kita tak terasa kami ini, ialah wakil rakyat. Kita pun terasa Yang Berhormat Tuan Speaker, dengan kenaikan harga barang, kos sara hidup. Kalau terus terang nak sebut juga, elaun tak cukup ni. Ermm...dia balik, kalau tidak nak cerita lah. *What I'm doing at my constituency*. Kita buat Tuan-tuan.



## YB. TUAN SPEAKER

Elaun apa itu YB. Pantai Merdeka? Elaun apa itu?

## YB. USTAZ SHARIR BIN LONG

Tak mau habaq yang tu, nanti hentam sahaja pulak (sambil ketawa). Saya dah dua tahun sebagai wakil rakyat, YB. Bukit Kayu Hitam, masuk Tiktok, SyarirLong. Ada seorang terlantar empat tahun. Dia tak dapat lihat kerana *accident*. Dia memerlukan *ensure gold* (susu bernutrien) satu tin tu, seratus ringgit. Seratus ringgit tu tahan dua hari. Ni saya pi ni, tengok Tiktok lah. YB. Kota Darul Aman boleh tengok. Kalau dua hari satu tin, cuba bayangkan sebulan. Alhamdulillah, Pantai Merdeka telah menghulurkan sumbangan hasil usaha sendiri, bukan melalui Kerajaan Negeri, bukan *kerajaan persekutuan*. Usaha sendiri, *my own initiative* (dengan izin). Saya beli untuk dia 24 tin hari tu. Menangis! Sebab selama ni memang susah, payah. Dua hari, seratus ringgit, dua hari seratus ringgit. Sebab itu kita mengatakan tadi, sebelum nak melaksanakan sesuatu, saya ingat kata-kata Imam Nawawi Rahimullah Ta'ala. Pemimpin, penguasa, dia perlu *consult* orang-orang yang berilmu pengetahuan.

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا

Surah An-Nisa ayat 58.

'Ahlinya' jangan tangkap muat. Nak orang yang betul-betul faham macam tadi yang disebut oleh YB. Lunas. Seorang professor kah yang perempuan itu? Takkan kita tak *respect* pandangan dia, *at least*.

Tuan-tuan yang dirahmati Allah SWT., tadi YB. Kuala Ketil telah membentangkan apa yang telah dilakukan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah. Kita tengok sistem zakat Islam, Masya Allah. Cuma saya tak sempat catat, banyak. Di antaranya pembaikan rumah, bina rumah, pembaikan, semua melalui kutipan. Kita Islam kita ambil daripada orang yang kaya, bagi kepada orang miskin. Takkanlah kalau kita cakap macam ini pun kita masih tak boleh terima bahawa kehidupan sekarang ini memang susah, memang susah. Sebab itu saya menyokong sepenuhnya, apatah lagi disebut oleh YB. Lunas tadi, PMX banyak bercakap tapi tak buat. Pepatah Inggeris pun ada berkata, "*action speaks louder than words*", dalam Quran pun ada.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ ۚ

كَبُرَ مَقْتًا عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ ۗ



Surah As-Shaff, Surah ke 61, ayat 2 dan 3.

Sepatutnya “*walk the talk*” (dengan izin). Akhir sekali, bukan modal tak dak, sejuk sangat dah. Saya nak baca sebuah hadith, mungkin PMX.... (YB. Tokai mohon mencelah)

**YB. DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN**

YB. Pantai Merdeka, mencelah.

**YB. USTAZ SHARIR BIN LONG**

Siapa tak tau. Oh! Sila! Sila!

**YB. DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN**

Sebelum *landing*. Boleh?

**YB. USTAZ SHARIR BIN LONG**

Boleh.

**YB. TUAN SPEAKER**

Boleh, dipersilakan YB. Tokai.

**YB. DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN**

Tadi YB. Pantai Merdeka sebut tentang ambil daripada orang yang kaya, bagi kepada orang miskin.

**“*Huz min akhniya ikum faturaddhafiya fakhura ikum*”**

Kita hairan juga, masa bentang dulu dia kata nak ambil cukai daripada barangan kaya-kaya, barang yang mewah. Tapi bila mai nak melaksanakan untuk orang kaya, *high value goods ta'* ini ditanggungkan. Untuk *low value goods tax* ini dikenakan. Jadi, macam mana pandangan YB. Pantai Merdeka?



## **YB. USTAZ SHARIR BIN LONG**

Ni nak baca hadis itu lah tu. Macam kita ni ada telepati pulak na? Baik, untuk mengakhiri ucapan saya ringkas, saya baca makna sudahlah, hadith riwayat Imam Muslim. Ni bukan kepada pemimpin saja, kita semua, termasuk kita, termasuk kepada YAB. Menteri Besar. Nabi SAW pernah bersabda, *“Ya Allah, sesiapa yang menguruskan urusan umatku, lalu dia menyusahkan mereka, maka susahkanlah dia. Dan sesiapa yang menguruskan urusan umatku, lalu dia berlaku lembut kepada mereka, maka permudahkanlah urusannya”*.

Saya bimbang, bukan nak mengata, nak mengingatkan lah, dalam hadis yang lain, apabila seseorang dia meminta sesuatu jawatan, maka Allah tidak akan beri pertolongan kepadanya. Saya melihat inilah nasib negara kita, Allah tidak akan beri pertolongan. Minta maaf, saya tidak minta untuk bertanding, tapi ini Qada' Qadar, *Divine Decree*. Sat lagi cakap Melayu depa tidak faham pula. Alhamdulillah, dalam dua tahun ini, dalam Dewan yang mulia ini, tahun lepas saja, saya dapat membantu pelajar-pelajar yang ke IPTA dengan inisiatif sendiri, hampir RM60,000, 60 orang seorang RM1,000. Pembaikan rumah dekat RM6,000 – RM70,000. Tahun ini kita mengorak langkah untuk perubahan pula. Selain daripada, pembaikan rumah, IPTA, pengajian, perubahan. Baru sahaja saya dapat RM13,000, saya beli barang dekat farmasi. Ini usaha kita. Sebab itu, kalau berdasarkan hadis saya baca tadi, bila kita berlembut, kita berlunak, Allah tolong kita. Mudah-mudahan, dengan sedikit pencerahan, memberi manfaat kepada kita bersama. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## **YB. TUAN SPEAKER**

Ok, terima kasih YB. Pantai Medeka yang menepati masa. Seterusnya saya menjemput YB. Bakar Arang.

## **YB. ENCIK LOH WEI CHAI**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker. Yb. Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan semua yang hadir ke Sidang Dewan yang mulia hari ini. Saya berpandangan tentang usul ini, saya rasa usul ini ya, betul, la kelihatan untuk menggambarkan bahawa SST itu membebankan rakyat. Tapi tadi saya dengar perbahasan daripada semua, YB Belantek, YB. Bandar Baharu dan juga daripada YB. Lunas. Saya berpandangan semuanya dalam perbahasan ini ada banyak fakta yang silap.



Yang kedua, saya berpandangan juga, ini semua macam usul yang menggambarkan retorik politik, yang menggambarkan Kerajaan Persekutuan ini zalim atau menekan rakyat.

Sebenarnya untuk SST kali ini, saya lihat ini pelarasan kali ini ia hanyalah melibatkan 4,000 ke 5,000 barang. Tetapi berbanding dengan GST sebelum ini yang dilaksanakan pada 2015 ke 2018 pada zaman PM yang ke-6 dulu, sebenarnya GST, ia merangkumi semua perkhidmatan termasuk barangan-barangan seperti yang kita tahu. Seperti tadi, YB. Bandar Baharu berkata, barang seperti nasi goreng pun campur. Tetapi SST kali ini ia tidak merangkumi barangan-barangan asas yang digunakan oleh B40. Kita boleh lihat sebenarnya banyak barang-barang seperti beras, gula, atau barang kesihatan. Dari konstruksi juga seperti simen juga tidak dikenakan SST. Termasuk juga macam cincin untuk kegunaan sendiri, barangan mewah yang digunakan sendiri, jam tangan itu juga tidak dikenakan SST.

Tetapi kalau kita lihat kepada GST sebelum ini, GST sebelum ini sebenarnya saya bagi satu perbandingan ia merangkumi tiap-tiap peringkat. Saya pernah dulu semasa pelaksanaan GST, saya pergi ke kampung, maggi di kampung lebih mahal daripada maggi di bandar macam di Kuala Lumpur. Kenapa? Sebab GST berperingkat, dari pengusaha *you* jual kepada pemborong 6%, pemborong jual kepada pemborong yang kedua yang nak hantar ke dalam desa macam di Sik 6%, dan sampai ke peruncit, peruncit nak jual kepada pengguna-pengguna biasa tambah lagi 6%. Jadi, kos itu menjadi tinggi, cumanya, cumanya kelebihan yang kita lihat untuk peniaga dari GST adalah dia boleh *claim* balik *input* dan *output tax*. Tetapi SST dia berbeza, SST dia hanya satu peringkat. Kalau ia boleh menjadikan harga lebih stabil. Cumanya saya rasa memang ada pemantauan dari segi harga itu perlu dilakukan secara lebih ketat....(YB. Tuan Speaker mencelah)

#### **YB. TUAN SPEAKER**

YB. Kota Siputeh minta laluan YB. Bakar Arang.

#### **YB. ENCIK LOH WEI CHAI**

Ya, boleh.



## **YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTLIM BIN BADRUL MUNIR**

Terima kasih YB. Bakar Arang kerana menunjukkan bahawa dia lebih 'anak jantan'. Pertama sekali saya nak beritahu, saya rasa YB. Bakar Arang yang kembali, salah fakta. Saya nak pesan di sini, GST adalah merupakan cukai satu peringkat. GST cukai satu peringkat. PMX kata buat *homework*. Okey. So, SST pula adalah merupakan cukai pelbagai peringkat, dan kita perlu tahu bahawa kita tak boleh menafikan bahawa dekat sini sebenarnya. Tadi saya tertarik bila kata cincin. Cincin ni, adakah dia mai terus dengan sifat dia terus mai jadi cincin. Dia tetap ada *ingredient*, perkara-perkara *services* yang akan menyebabkan dia dikenakan cukai juga. Dan dekat sini yang perlu kita tahu yang seperti semua pakar-pakar ekonomi dunia mengesahkan bahawa SST ni adalah merupakan ada *grey area* yang mana dia pergi kepada *black market*. Kalau tadi seperti yang dinyatakan oleh YB. Kota Darul Aman.... Sebelum tu saya nak bercakap, bagi saya habiskan... (YB. Bakar Arang mencelah)

## **YB. ENCIK LOH WEI CHAI**

Adakah *you* sedar bahawa.... (YB. Tuan Speaker mencelah)

## **YB. TUAN SPEAKER**

YB. Bakar Arang, sekejap! Sekejap!

## **YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTLIM BIN BADRUL MUNIR**

Sepertimana YB. Kota Darul Aman maklumkan bahawa kata kerajaan nak lebih untung, nak bantu rakyat. Tapi masalahnya dekat sini, perkara itu tak terjadi. Sebab apa dia, banyak duit 'lewahan' yang tak sampai kepada hasil negara. Kalau benda ni tak sampai, dan ini akan pergi kepada *black market*, yang tu yang kita persoalkan. Selain daripada persoalan yang dibangkitkan oleh YB. Tokai, kerana PMX bangkit, pernah menyatakan bahawa "hari ini kita jadi kerajaan, kita nak cukai daripada orang-orang kaya". Tapi perkara itu tak berlaku. Kita nak cukai atas perkara-perkara yang meletakkan hak dan orang kata, memberi keadilan kepada orang yang susah, tetapi perkara itu langsung tak terjadi. Kerana itulah saya rasa, baik buat fakta, baik buat kajian balik lah. Terima kasih.



**YB. ENCIK LOH WEI CHAI**

Terima kasih. Adakah YB. Kota Siputeh sedar bahawasanya GST dia merangkumi semua? GST dia merangkumi semua peringkat, tak kira barang. Hanya dalam masa GST dilaksanakan, hanya 300 barang saja yang dikecualikan daripada cukai. (YB. Kota Siputeh mencelah)

**YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTLIM BIN BADRUL MUNIR**

Sebab kerajaan... (YB. Tuan Spekaer mencelah)

**YB. TUAN SPEAKER**

YB. Kota Siputeh duduk dulu.

**YB. ENCIK LOH WEI CHAI**

Adakah *you* bersetuju yang sebenarnya kalau GST dilaksanakan dan semua orang kena *tax*? Adakah bersetuju?

**YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTLIM BIN BADRUL MUNIR**

Nak minta saya jawab? Boleh? Hari ini, kalau kita tengok Yang Berhormat Tuan Speaker, kalau kita lihat soalan yang dinyatakan oleh YB. Bakar Arang. Ini saya cakap merujuk kepada kalau kita cakaplah tentang pakar ekonomi, cakap tentang Ha-Joon Chang. Kita cakap contohnya pakar ekonomi moden hari ni Ha-Joon Chang, yang bercakap tentang kesaksamaan dalam ekonomi. Bila bercakap tentang kesaksamaan dalam ekonomi, kita merujuk bagaimana kalau GST itu sendiri adalah cukai yang kalau ditanyakan tadi, kita boleh pilih *item* dia. Sebagai sebuah Kerajaan, kita memegang mekanisme, kita pegang radas untuk kita buat pengecualian, itu yang dilakukan.

Persoalan 6% dulu yang pernah dilaksanakan sebelum ini, adalah merupakan persoalan jumlah *percentage* yang tinggi. Kita boleh buat pada jumlah 3%. Kita boleh buat pada jumlah rendah dengan pengecualian yang radas pengecualian yang lebih besar. Dalam pada radas pengecualian yang lebih besar, yang langsung tak menekan orang susah. Tapi pulangan hasil sebab cukai yang kita letak dekat sini adalah cukai yang mempunyai ketelusan yang tinggi. Cukai yang satu peringkat, satu aliran berbanding cukai pelbagai peringkat. Maka daripada itu kerajaan akan dapat keuntungan lebih daripada duit itu hilang, lolos yang tak diketahui pergi ke *black market* ataupun boleh jadi, tak mengapa saya tak perlu lanjutkan itu. Terima kasih.



## YB. TUAN SPEAKER

YB. Bakar Arang, habiskan.

## YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTLIM BIN BADRUL MUNIR

Terima kasih YB. Kota Siputeh. Saya berpendapat beginilah, dengan tadi idea-idea yang anda bawakan, saya cadangkan anda bertanding untuk Ahli Parlimen pada PRU akan datang dan bawa usul ini ke Sidang Parlimen nanti. Sebenarnya saya berpendapat tentang GST ini. Sebenarnya GST ini ya, betul, kalau kita baca *online* tadi YB. Bandar Baharu ada kata memang negara-negara jiran kita semua mengamalkan sistem GST. Banyak yang berkata memang GST adalah sesuatu yang adil, yang saksama dan lebih merangkumi semua. Tetapi kalau kita lihat sebenarnya, kita pun tahu 2015 kita *start* GST dan 2018 *stop* GST. Pada masa implementasi GST ini, sebenarnya mempunyai banyak masalah. Dan untuk hari ni kalau kita nak balik kepada GST, sebenarnya bukannya sesuatu yang mudah. Kita kena bentangkan dalam Parlimen sekurang-kurangnya mengambil 2 tahun. Untuk menjalankan mempunyai akta ini, lepas itu kita kena keluar, di mana semua pengusaha-pengusaha di luar sana yang belum ada lagi sistem kena beli sistem lagi, tambah sistem. Mungkin lagi tambah 2 tahun menjadi 4 tahun. Dia jadi sesuatu yang tidak praktikal. Tetapi, kerajaan tujuan dia adalah menambah hasil. Sama juga dengan kerajaan negeri, juga nak menambah hasil. Seperti tadi yang dikatakan oleh YB. Kota Darul Aman, kita nak mencapai sasaran RM1 bilion daripada RM700 juta sebelum ini hasil itu.

Jadi, kerajaan lakukan SST ini tetapi dengan tujuannya tidak membebankan rakyat. Dan kita boleh lihat banyak lagi barang tidak dikenakan SST seperti barang asas seperti yang saya katakan tadi. Dan juga, kita lihat sebenarnya kerajaan juga membuat banyak lagi inisiatif untuk membantu rakyat termasuklah Bantuan SARA RM100, yang selepas ini Bantuan SARA yang diperluaskan ini yang akan bermula pada 31 Ogos ini.

Setiap Ahli Dewan Undangan Negeri juga mendapat bantuan ini dan juga STR tadi yang dikatakan juga meningkat. Juga kita pun lihat Petrol Subsidi Bersasar dan untuk diesel melalui Budi Madani untuk diesel dan juga harganya juga turun ke RM1.99, akan turun dalam bulan itu. Saya juga nak menegaskan, sebenarnya Perdana Menteri kita adalah orang yang berpegang kepada janji, okey. Walaupun 2 tahun menjadi menjadi Perdana Menteri. Dulu dia cakap, “kalau menang, minyak akan turun”. Ya betul, minyak akan turun. Dia memegang kepada janji dia, okey. Dulu semasa Perikataan Nasional menjadi 33 bulan..



**YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI**

Janji... Janji...

**YB. ENCIK LOH WEI CHAI**

Saya tak bagi laluan dah.

**YB. TUAN SPEAKER**

Dia nak landing dah!

**YB. ENCIK LOH WEI CHAI**

Kalau *you* kata SST itu menekan rakyat dan kenapa dulu masih jalankan SST. Dan juga saya nak kata lagi satu, banyak lagi *tax-tax* juga dikenakan kepada golongan yang mungkin kata T20 di mana tadi cakap tak ada. Sebenarnya *Dividend Tax 2%*, *Capital Gain Tax*, dan cukai barang mewah. Banyak lagi sekurang-kurangnya 5 jenis *tax*. Cumanya mungkin kita perlu pergi kaji fakta itu dan kita akan nampak. Tetapi *at the end* saya rasa. Ada satu lagi saya nak kongsi juga berkenaan dengan SST ini. Saya pernah jumpa petani di Bukit Selambau. dia berkata dengan saya, “sebenarnya SST ini bagus”. Saya pun terkejut, kenapa? Dia bagi tahu saya satu cerita, dia cakap, “sebab SST kali ini dikenakan kepada buah-buahan”... (YB. Bukit Selambau mencelah)

**YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH**

Boleh bagi nama tak, Bukit Selambau?

**YB. ENCIK LOH WEI CHAI**

Buah-buahan import tetapi buah-buahan tempatan tidak ada dikenakan SST. Dia cakap, “SST ini ada baik untuk golongan petani ini”. Sebab dulu kalau kita katakan dulu, dia ini petani yang menanam kita panggil apa, asam limau. Okey, dulu boleh jual RM4 satu kilo, tetapi selepas persaingan import dari luar negara, harga mereka sekarang hanya boleh jual RM1.50, pendapatan kurang. Tetapi dengan SST dikenakan terhadap buah-buahan import. Ini kita nampak ada dua kesan yang baik, satu ialah dia membantu petani tempatan seperti di Negeri Kedah dan juga menambah hasil petani-petani kita dan juga meningkatkan teknologi keupayaan petani kita di negeri untuk bersaing dengan petani-petani dari luar.... (YB. Tuan Speaker mencelah)



**YB. TUAN SPEAKER**

Okey, YB. Bakar Arang boleh buat penggulungan.

**YB. ENCIK TEH SWEE LEONG**

YB. Tuan Speaker, saya ingin mencelah. Adakah YB. Bakar Arang bersetuju dengan saya bahawa PM (Perdana Menteri) telah umum akan tambah RM300 juta melalui Jualan Rahmah Madani? Ini akan meringankan lagi beban rakyat. Terima kasih.

**YB. ENCIK LOH WEI CHAI**

Ini saya amat setuju, sebab memang Jualan Rahmah ini dia meringankan kos beban rakyat dalam mendapatkan barangan asas dan kita boleh lihat sebenarnya di Negeri Kedah, Kerajaan Madani melalui KPDN melakukan Jualan Ramah setiap bulan di setiap DUN, empat kali. Okey, saya difaham dinaikkan menjadi empat kali. Jadi, akhirnya *landing, landing*.

**YB. TUAN SPEAKER**

Penggulungan ya!

**YB. ENCIK LOH WEI CHAI**

Kesimpulan, saya rasa usul hari ini yang dibangkitkan ini betul, tadi saya baca usul ini saya ingat ia nak menggambarkan bahawa SST membebankan rakyat. Tetapi selepas tadi dengar semua perbahasan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa ini banyak fakta yang silap dan juga kedua saya lihat adalah banyak dia seperti satu retorik politik. Jadi, nak bagitahu adalah Kerajaan Persekutuan bukan saja memastikan hasil negara stabil, malah juga menyalurkan subsidi dan bantuan terus untuk meringankan beban rakyat. Justeru, saya menyokong penuh dasar pencukaaian semasa dan menolak usul ini, dan kerana perbahasan hari ini tidak menggambarkan realiti sebenar kepentingan rakyat. Sekian, terima kasih.

**YB. TUAN SPEAKER**

Okey. Terima kasih YB. Bakar Arang. Saya menjemput pembahas yang terakhir, YB. Guar Chempedak. Dipersilakan.



## YB. TUAN HAJI ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Robbish rohli sodri wayarsirli amri wahlul uqdatan millisani yafkhohu khauli. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Kedah Sejahtera, Nikmat Untuk Semua. Yang Berhormat Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Kedah, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dan Persekutuan serta para pemerhati, pengamal media serta para hadirin sekalian.

Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kerana memberi peluang dan ruang kepada saya untuk membahaskan usul yang pada hemat saya amat mustahak khususnya dalam tempoh semasa yang disifatkan rakyat jelata sebagai zaman hidup yang begitu sulit dan keras. Sebagai ADUN, saya bertanggungjawab untuk menjadi pembesar suara kepada rintihan rakyat di bawah. Yang Berhormat Tuan Speaker, (minta maaf suara ini kerana selsema). Nilai wang tidak sama bagi setiap individu. Mungkin RM1 yang ada di tangan seorang rakyat marhaen ataupun peniaga kecil membawa maksud yang begitu besar ertinya kepada mereka jika dibandingkan dengan menteri ataupun rakyat jelata yang lain, yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh. RM1 ini mungkin membawa maksud boleh membeli 3 biji telur, yang telah disubsidikan oleh Kerajaan Madani, 3 sen.

Manakala bagi seorang menteri, mungkin RM1 ini adalah sebagai aksesori tambahan di dalam mobil kereta mereka yang boleh dijumpai di celah kerusi kereta ataupun belakang sofa. Apabila Kerajaan Madani mengumumkan peluasan skop cukai dan perkhidmatan SST dan peningkatan kadar yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2025, tindakan tersebut secara *De Facto*, telah melaksanakan satu prinsip polisi (dengan izin) Yang Berhormat Tuan Speaker, *one fit for all*, iaitu polisi tembakan rambang. Kini rakyat bekerja sendiri dengan pendapatan harian RM50 sehari turut terkena tamparan tersebut. Memang benar, barangan asas seperti daging, ayam, ikan, beras, tidak dikenakan SST. Namun, bermula 1 Julai 2025 perkhidmatan penghantaran kini dikenakan 6% SST.

Saya ingin mendedahkan di sini satu gaya perbelanjaan baharu yang ditempuh oleh rakyat jelata hatta yang dalam kategori M40 sekalipun. Rakyat kini memilih untuk membeli di Shopee atau Grab bukan kerana barang lebih murah, kadangkala lebih mahal berbanding di kedai. Namun, rakyat tetap terpaksa membeli melalui platform-platform tersebut disebabkan satu perkara iaitu ada tawaran *pay later*. Rakyat kini terpaksa menggunakan sistem *pay later*, dalam erti kata lain meminjam untuk membeli barangan seperti lampin dan susu anak disebabkan desakan hidup.



Mungkin ini tidak disedari oleh Kerajaan Madani yang melancarkan SST. Untuk barangan seperti ini, kos penghantaran adalah tinggi antara RM10 hingga RM14. Apabila dikenakan pula SST 6%, rakyat perlu tambah pula antara 60 sen hingga 84 sen.

Ini adalah contoh yang nyata apabila kita melakukan *order* melalui *online* iaitu pembelian *pampers* anak-anak ya, harga yang ditawarkan. Ini contoh yang saya bawa, contoh yang nyata okey. Kalau YB. Kota Darul Aman dan YB. Bakar Arang nak juga, saya boleh bagi (sambil menunjukkan helaian kertas) sebentar lagi ya. *Pampers* yang ditawarkan harga asal RM110 tapi dioffer kepada RM95.90, kos *shipping* RM14 dan SST 60 sen, itu adalah tambahan. Termasuk juga *order* susu bayi sebanyak RM22.50, *shipping fee* RM11 dan SST 66 sen. Ini adalah kos tambahan. 60 sen hingga 84 sen ini adalah harga 2 biji telur yang boleh dimakan 2 kali hidangan oleh seorang rakyat yang di bawah. Saya bawa persamaan contoh telur ini supaya kita dapat memahami, dapat menyelami kehidupan rakyat yang di bawah. Apakah adil dan Madani apabila kerajaan mengadakan polisi pukul rata ini kepada semua rakyat di bawah? Saya harap kita mempunyai sedikit perasaan prihatin terhadap rakyat yang kini telah pun dalam *mood* berjimat-cermat usahlah ditambah beban ke atas mereka yang sedia ada yang berat dipikul.

Yang Berhormat Tuan Speaker, contoh yang diberikan itu adalah kesan langsung yang terjejas secara terus kepada rakyat yang di bawah. Pelaksanaan cukai khususnya bersifat pukul rata ini dalam kebanyakan masa akan membawa kesan berantai. Apabila perkhidmatan asas seperti penghantaran dikenakan cukai SST, sudah tentu segala barangan yang mengguna pakai perkhidmatan perhantaran turut akan naik harga. Persoalannya kini, berapa banyak perniagaan mempunyai *transport* ataupun lori penghantaran sendiri? Sudah pasti tidak banyak. Jika kebanyakan perniagaan bergantung kepada perkhidmatan penghantaran, sudah pasti harga barang turut akan naik disebabkan kos operasi kini meningkat. Kesan ini adalah kesan berantai yang akan membawa kepada peningkatan kos sara hidup ke atas rakyat yang telah pun terbeban.

Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk sesebuah negara memungut cukai adalah tidak salah. Namun, kita perlu memahami tujuan dan matlamat berkenaan pungutan cukai tersebut. Cukai yang dikenakan oleh kerajaan mempunyai dua tujuan. Pertama, yang paling jelas adalah sebagai sumber hasil yang segera. Kedua, cukai adalah bertujuan untuk pengawalan ekonomi. Sebagai contoh, SST dikenakan kepada barangan import yang boleh menjadi alat kawalan dan memberi kelebihan yang lebih kompetitif kepada pengeluaran tempatan. Jika pelaksanaan SST yang berkuasa pada 1 Julai 2025 ini adalah semata-mata untuk menambah hasil negara, saya berpendapat negara mempunyai kaedah lain yang boleh dikenakan.



Jika Kerajaan Madani sudah tiada idea untuk mencari hasil negara sehingga terpaksa beralih kepada talian hayat iaitu menaikkan cukai, ini adalah amat zalim kerana cukai yang dinaikkan itu cukai yang memberi kesan secara langsung kepada rakyat di bawah.

SST ini sebenarnya (dengan izin) Yang Berhormat Tuan Speaker, lebih mirip kepada *survival solution through tax* untuk Kerajaan Madani. Ini adalah pungutan yang secara langsung yang dapat menambah hasil kepada kerajaan. Adakah ini adil kepada rakyat dikala kos sara hidup yang cukup membebankan dan ditambah pula dengan SST ini? Adakah pihak kerajaan telah habis ikhtiar ataupun cara untuk menjana pendapatan negara? Kemana perginya janji-janji PMX apabila kembali dari lawatan ke luar negeri yang dikatakan berbilion-bilion potensi pelaburan yang akan masuk ke negara kita? Kalau masih belum dapat direalisasikan, mailah ke Negeri Kedah ini, mailah. Kami orang Kedah ini, baik hati sejak dari dulu lagi. Kami ada produk yang berpotensi untuk menjana berbilion-bilion pendapatan kepada negara.

Produk yang dimaksudkan itu adalah REE. Mungkin mereka lupa, logam-logam yang mempunyai pasaran yang tinggi ini bukan hanya di Kedah, ianya juga terdapat di Perak, Terengganu dan Kelantan. Di atas dasar semangat kemerdekaan yang akan kita sambut pada 31 Ogos nanti, berilah hak kami, biar kami yang menguruskannya sendiri, yakinlah kepada kami, percayalah kepada kami, kami juga adalah sebahagian daripada Persekutuan Malaysia. Kami adalah bangsa yang berjuang sejak dari dulu lagi. Ada beberapa lagi projek-projek mega yang dapat menjana pendapatan yang lumayan untuk negara, tak perlulah SST. Ini membuat rakyat teringat kepada penjajah yang datang ke negara kita pada beberapa ratus tahun yang lalu, nak menjana pendapatan dengan segera dan cepat adalah menyakau dari poket rakyat, *true* terma cukai ataupun yang sekarang ini kita namakan SST. Malaysia mempunyai beberapa cukai yang masih boleh dipertimbangkan untuk dinaikkan. Sebagai contoh, cukai korporat, *duty* arak, tembakau dan juga cukai pendapatan untuk golongan T20. Adalah amat Madani jika cukai-cukai ini yang dinaikkan berbanding SST yang mencangkam kehidupan rakyat era *pay later*.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sekiranya perkara ini tidak disedari oleh menteri-menteri di Putrajaya, mungkin menteri-menteri perlu mula mendekati rakyat dengan lebih bermakna. Bukan sekadar turun mendengar keluh kesah rakyat hanya di sesi libat urus anjuran jabatan yang mana rata-rata hanya dihadiri oleh wakil-wakil komuniti yang dijemput daripada kalangan tertentu yang tidak pun sedar hakikat cara rakyat menempuh hidup seharian yang sebenar. Jika keluh kesah rakyat marhaen ini terlalu asing kepada Kerajaan Persekutuan, sudah tiba masanya kuasa menentukan kadar cukai jualan dan perkhidmatan ini diserahkan kepada negeri yang lebih mendengar rintihan rakyat.



Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk mengguna pakai saluran Majlis Negara seperti Majlis Kewangan Negara dan juga Mesyuarat Menteri-Menteri Besar untuk mula mencadangkan dan menuntut kepada Kerajaan Persekutuan agar kuasa menentukan dan memungut cukai jualan ini diserahkan kepada negeri. Jika kita amati, di negara lain seperti Kanada yang turut merupakan negara berbentuk Persekutuan, cukai jualan adalah ditentukan dan dipungut oleh kerajaan negeri. Di Malaysia, Sabah dan Sarawak telah laksanakan. Antara kebaikan jika kita dapat perolehi daripada kaedah desentralisasi cukai jualan ini adalah pengenaan cukai yang lebih tertumpu berdasarkan tahap kemampuan rakyat berdasarkan lokaliti. Seperti semua sedia maklum, kemampuan dan tahap pendapatan rakyat adalah berbeza bagi yang berada di Selangor, Kuala Lumpur, berbanding yang berada di negeri seperti Kedah. Sekiranya kerajaan negeri mempunyai kuasa menentukan dan memungut cukai SST, sudah pasti kita dapat menyasarkan pengenaan cukai yang lebih bersesuaian dengan tahap kemampuan rakyat berbanding SST yang dikenakan oleh Kerajaan Persekutuan yang memakai kaedah pukul rata.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya dengan ini ingin mengakhiri perbahasan saya dengan menyokong penuh usul yang dibawa oleh YB. Belantek;

“Bahawasanya Dewan Undangan Negeri Kedah yang bersidang pada hari ini mendesak Kerajaan Persekutuan mengkaji semula pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan yang mana memberi kesan langsung kepada rakyat”.

Selain itu, saya turut mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk menuntut agar kuasa menentukan dan memungut SST ini diserahkan kepada negeri selaras dengan konsep hal hewal tempatan patut diuruskan oleh kerajaan negeri, bukan oleh Putrajaya yang jauh di sana.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam Kedah Sejahtera, Nikmat untuk Semua. Terima kasih.



## **YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih YB. Guar Chempedak. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalah di hadapan Dewan sekarang adalah satu usul yang berbunyi seperti berikut;

“Bahawasanya Dewan Undangan Negeri Kedah yang bersidang pada hari ini mendesak Kerajaan Persekutuan mengkaji semula pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan ataupun SST, yang mana memberi kesan langsung kepada rakyat”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan usul ini pinta kata setuju dan yang tidak katakan tidak.

***[Dipersetujui]***

## **YB. TUAN SPEAKER**

Nampaknya yang bersetuju lebih daripada yang tidak bersetuju. Maka dengan ini saya mengumumkan bahawa usul ini diluluskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana semua atur cara mesyuarat pada hari ini telah selesai dijalankan, maka saya dengan ini menangguhkan Persidangan Dewan sehingga jam 9 pagi esok mengikut Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan perkara 12(1)(a).

Sekian, terima kasih.

***[Dewan ditangguhkan sehingga jam 12.15. tengahari]***



**[Sidang Dewan pada 21 Ogos 2025 - Hari Kedua Persidangan]**

**YB. TUAN SPEAKER**

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan disambung semula.

**I. BACAAN DOA.**

**TUAN SETIAUSAHA DEWAN**

Bacaan Doa!

**YB. TUAN SPEAKER**

Untuk makluman semua Ahli - Ahli Yang Berhormat, Dewan pada pagi ini ada menerima pemerhati daripada Tenaga Nasional Berhad seramai 17 orang pegawai dan daripada Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) selamai 30 orang.

Selamat datang ke Dewan Undangan Negeri Kedah.

**YB. TUAN SPEAKER**

Urusan seterusnya.

**TUAN SETIAUSAHA DEWAN**

Sesi pertanyaan-pertanyaan mulut.

**II. SESI PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT**

**YB. TUAN SPEAKER**

Dipersilakan YB. Anak Bukit.



## **YB. ENCIK RASHIDI BIN RAZAK**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Tuan Speaker.

*Awal persidangan pembuka bicara.  
Sarapan pagi belum tersedia.  
Soalan saya nombor 5.  
Mohon jawapan dengan segera*

## **5. YB. ENCIK RASHIDI BIN RAZAK [ADUN ANAK BUKIT]**

Pohon dinyatakan :-

- a) Apakah perkembangan pelaksanaan Program Tuisyen Rakyat Sejahtera Negeri Kedah bagi tahun 2025?
- b) Berapa jumlah DUN dan pelajar yang terlibat? Keberkesanan program ini dalam meningkatkan prestasi pelajar, khususnya bagi golongan B40 dan adakah kerajaan bercadang agar program ini dapat dilaksanakan di semua 36 DUN pada masa hadapan?

## **YB. TUAN SPEAKER**

Dipersilakan yang berhormat, YB. Sungai Limau.

## **YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT**

Cara tanya marah tak makan pagi.

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Tuan Speaker. Yang Berhormat Anak Bukit. Saya jawab juga dengan pantun.

*Burung Merbah Hinggap Ke Dahan,  
Singgah Sebentar Mencari Makan,  
Dan, dan dia makan.  
Soalan Anak Bukit Saya Raikan,  
Insyallah Ada Jawapan Yang Meyakinkan.*



Sebelum saya menjawab soalan. Daripada YB. Anak Bukit, YB. Tuan Speaker terlebih dahulu. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah, kepada Yang Bahagia Cikgu Abdul Rahim bin Mat. Di atas pelantikan sebagai pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Kedah yang baru. Hari ini wakil dia yang hadir.

Hari ini saya dimaklumkan ada perhimpunan di jabatan dan kita mengharapkan kerjasama daripada pihak Pengarah dan Jabatan Pendidikan untuk kita memacu dan membangunkan pendidikan di Negeri Kedah Darul Aman ini.

Dan yang kedua kita juga mendoakan semoga Allah S.W.T. memberikan keadilan kepada almarhumah Anakanda adik Zara kita yang sekarang ini telah pun proses di mahkamah dan tuntutan daripada semua sudah pasti untuk kita menuntut keadilan dan kita juga pastikan di peringkat Jabatan dan sekolah-sekolah supaya tidak ada kes – kes buli yang boleh membawa kepada terkorbannya anak-anak kita yang sedang menuntut di sekolah.

Berkaitan dengan dua soalan yang ditanya oleh YB. Anak Bukit. Perkembangan pelaksanaan program tuisyen. Sejahtera Negeri Kedah 2025. Alhamdulillah. Di peringkat negeri untuk tahun ini kita telah masuk tahun yang kedua. Dari sudut pelaksanaan tuisyen Rakyat Sejahtera ini yang telah pun dimulakan pada pertengahan Jun yang lalu dan ada yang DUN mula lebih lewat. Kita laksanakan sebanyak 8 pertemuan. Untuk setiap subjek. Ada 4 subjek yang telah pun diberikan penumpuan tuisyen secara percuma ini.

Iaitu bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, dan juga Sejarah yang menjadi subjek teras kepada SPM dan ia dilaksanakan pada setiap Jumaat dan Sabtu oleh DUN-DUN yang terlibat. Dan bagi soalan B, DUN yang terlibat dan juga cadangan untuk tahun yang seterusnya melibatkan semua DUN dan memanglah itu perancangan di peringkat negeri.

Untuk maklumat semua, tumpuan tuisyen rakyat sejahtera ini. Kita laksanakan di peringkat kajian secara percuma. Pada tahun lepas, 2024 dilaksanakan di 5 DUN secara rintis. Alhamdulillah, daripada *feedback* kajian dan juga respon yang diberikan oleh DUN yang terlibat, program ini boleh kita perluaskan. Maka 2025 ini kita perluaskan. Dan diluluskan bajet untuk 15 tempat tapi oleh kerana kita nak laksanakan secara besar juga. Maka kita laksanakan. Dengan bajet yang ada 15. Tambah kepada di Dun-Dun Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Dan juga Dun-Dun yang melibatkan EXCO kerajaan. Di bawah peruntukan masing-masing.



Alhamdulillah. Untuk tahun 2025 ini, kita mampu laksanakan di 25 tempat yang tumpuan kita berikan khususnya kepada anak-anak B40 di kalangan mereka sebaran kita minta yang cari. MKK yang cari. Sebaran di peringkat Dun-Dun. Kepada kampung-kampung. Penghulu-penghulu dan Alhamdulillah. Antara 30 hingga 50 orang anak-anak kita terlibat di setiap pelaksanaan tuisyen Rakyat Sejahtera dilaksanakan. Dan memberi impak kepada 1000 sehingga 1250 orang anak – anak B40 yang terlibat dalam tuisyen Rakyat Sejahtera yang telah pun dilaksanakan dan masih lagi ada DUN yang belum lagi habis. Inshaallah kita akan melihat perkara ini bila dapat laporan daripada DUN – DUN untuk kita laksanakan pada tahun depan.

Dan di peringkat kerajaan juga selain daripada SPM dengan peruntukkan yang ada juga kita akan melaksanakan seperti tahun lepas. Qariah STAM. Untuk kita berikan input memberikan bimbingan daripada pakar – pakar kepada anak-anak kita. Yang mengambil STAM seluruh negeri. Tahun lepas pelajar yang mengambil STAM 544 orang. Dan yang hadir dalam program Qariah STAM. Yang kita laksanakan. 497 orang. Tahun ini saya dimaklumkan. Lebih kurang 600 orang pelajar yang mendaftar STAM di Negeri Kedah. Dan inshaallah kita akan laksanakan Qariah STAM 2025 pada 12 sehingga 16 September yang akan datang untuk kita berikan input bantuan bimbingan daripada guru – guru pakar tentang STAM. Subjek STAM yang akan mereka duduki inshaallah.

Jadi, itulah penjelasan dan kita mengharapkan selain daripada peruntukkan daripada pihak kerajaan, badan-badan swasta untuk turut terlibat dengan untuk kita nak memastikan tuisyen rakyat sejahtera secara percuma yang kita laksanakan di peringkat negeri ini dapat kita kembangkan kepada 36 DUN inshaallah pada tahun 2026 yang akan datang. Terima kasih.

#### **YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih Yang Berhormat EXCO.

#### **YB. USTAZ SHARIR BIN LONG**

Yang Berhormat boleh saya mencelah sikit tak?

#### **YB. TUAN SPEAKER**

Dipersilakan YB. Anak Bukit dulu. Sekejap lagi kita akan bagi.



## **YB. ENCIK RASHIDI BIN RAZAK**

YB. Tuan Speaker. Saya ucap tahniahlah kepada kerajaan negeri atas pelaksanaan Program Tuisyen Rakyat ini yang menjadi kesejahteraan kepada pelajar-pelajar.

Soalan tambahan saya. Adakah kerajaan negeri mempunyai mekanisme pemantauan khusus untuk menilai keberkesanan Program Tuisyen Rakyat Sejahtera ini terhadap pencapaian akademik pelajar. Khususnya golongan B40. Dan dalam masa yang sama. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan negeri untuk memastikan kesinambungan program ini pada tahun – tahun mendatang sekiranya sumbangan atau tajaan dari pihak swasta tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan bagi program tuisyen tersebut. Terima kasih.

## **YB. TUAN SPEAKER**

Silakan Yang Berhormat Sungai Limau.

## **YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT**

Terima kasih kepada YB. Anak Bukit. Yang Berhormat Speaker. Dari sudut pemantauan oleh kerana kita laksanakan program ini di peringkat Dun – Dun dan kita mendapat kerjasama penuh daripada Adun – Adun yang terlibat untuk memastikan bahawa pelajar yang hadir ke tuisyen rakyat sejahtera ini.

Dari sudut yang pertamanya mereka di kalangan B40 dan kita minta juga laporan daripada Dun – Dun selepas daripada pelaksanaan tuisyen rakyat sejahtera ini. Untuk kita pastikan yang pertama, bagi tahun ini, berapakah nilai pencapaian SPM mereka bagi subjek yang telah pun kita buat tuisyen dan untuk kita melihat tahun depan. Apakah keputusan yang akan mereka perolehi.

Yang keduanya daripada laporan yang kita minta daripada Dun – Dun juga melibatkan komen daripada guru – guru pakar yang terlibat. Mungkin dari sudut pelaksanaan. Dari sudut pelajar-pelajar yang. Sedang mengikuti apa isu-isu yang berbangkit untuk kita pastikan bahawa sasaran program yang kita buat ini akan berjaya insyaallah. Dan untuk memastikan juga program ini dapat berterusan, jadi tahun ini kita ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Wira Pegawai Kewangan Negeri yang meluluskan bajet untuk tahun ini. Saya pun sedia maklum, Dun – Dun maklum tak cukup. Bajet yang kita berikan untuk setiap Dun.



Kita berikan RM8,000 untuk pelaksanaan program ini selama 2 bulan. Setiap Jumaat Sabtu. Dan kemudian. Kita juga daripada bajet itu. Kita alihkan sebahagiannya juga untuk STAM. Jadi kita mengajak kepada. JLC. Syarikat-syarikat korporat untuk membantu pihak kerajaan khususnya bagi kita memastikan bahawa anak-anak kita B40 ini yang mungkin tidak ada peluang untuk mengambil apa-apa tuisyen. Tapi kita menyediakan di peringkat kerajaan. Platform. Supaya tuisyen secara percuma yang kita namakan Tuisyen Rakyat Sejahtera ini dapat kita laksanakan.

Saya pun mohon maaf untuk YB. Anak Bukit. Tahun ini masih lagi tak sempat untuk kita buat di Anak Bukit. Itu dia tanya tu. Dun – Dun lain. Mungkin hak yang duk buat ni pun. Mereka pun rasa usah hati.

#### **YB. ENCIK RASHIDI BIN RAZAK**

Anak Bukit kecil hati. Tak bagi.

#### **YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT**

Hat yang duk buat ni pasai tak tanya. Kami nak kena sediakan laporan. Bajet tak cukup. Tu yang depa pun tak tanya. Tapi kita akan buat post-mortem. Untuk pelaksanaan penambahbaikan. Program ini pada masa yang akan datang. Terima kasih.

#### **YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT**

Saya nak bertanya.

#### **YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih. Yb. Exco. Silakan YB. Pantai Merdeka.

#### **YB. USTAZ SHARIR BIN LONG**

YB. Tuan Speaker. Yang Amat Berhormat Dato Seri Menteri Besar. Saya ada dua benda. Sebab di Dun saya. Memang kita jalankan tuisyen rakyat. Tetapi dia banyak clash dengan trial dan exam. Jadi, kita kata empat puluh pelajar tu. Minggu pertama. Bila minggu berikutnya dia koi kurang. Sebab dia clash bertembung dengan trial dan exam. Kita kena cari masa yang sesuai dan feedback. Memang depa seronok. Yang kedua memang confirm bajet tak cukup. Sebab kami tak boleh bayar sewa bangunan. Di tempat saya depa balajar. Dalam keadaan ekon, Ustaz YB. Sungai Limau.



Jadi, kalau bajet tu boleh lebihkan sikit. Untuk sewa bangunan tu. Kita alu - alu kan. Tahniah kepada YB. Sungai Limau dan kepada semua lah yang terlibat. Kerana memang memberi manfaat kepada rakyat dan mereka memang seronok depa tanya tahun depan ada lagi? Saya kata kita tengok bajet dulu. Sekian. Terima kasih.

#### **YB. TUAN SPEAKER**

Yang Berhormat Exco.

#### **YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT**

Baik. Terima kasih kepada YB. Pantai Merdeka. Bahagian bajet tu. Insyaallah. Dato PKN dengar. Dan tentang pelaksanaan program ni. Untuk kita pun. Tahun lepas pun. Ada isu yang sama. Kita mula tahun lepas pada bulan 8. Jadi tahun ni kita anjakkan lebih awal. Supaya tidak bertembung dengan program sekolah. Program-program besar peringkat sekolah. Tapi rupanya masih ada lagi. Sebab kita nak selaras semua tu mungkin agak sukar. Tapi insya Allah kita bila buat post-mortem kita akan tengok feedback. Daripada Dun – Dun. Untuk mastikan bahawa isu-isu berbangkit dapat kita tangani dengan baik.

Saya juga mohon juga kerjasama daripada khususnya pegawai pendidikan di peringkat daerah – daerah PPD ni. Supaya memberikan kerjasama. Program yang kita buat ni program tuisyen percuma. Saya difahamkan ada yang kita panggil, tak bagi anak-anak kita pergi. Ada. Ada halangan. Jadi ini suatu yang tidak tak sihatlah. Halangan kepada guru yang kita nak ambil. Guru pakar. Halangan kepada anak-anak. Ini suatu yang kita nak bagi secara percuma. Yang kalau boleh tu PPD, JPM boleh cadang. Siapa – siapa guru. Untuk kita buat kotlah takut yang pergi ceramah tu orang politik. Tak bagi tu. Kalau boleh nak macam tu pun. Kita di peringkat kerajaan. Kita bersedia untuk bekerjasama. Sebab kita nak pastikan anak-anak kita ini mendapat akses yang terbaik pendidikan. Dan itulah yang ingin kita capai. Khususnya bukan hanya aspek akademik sah-sah. Tapi yang paling penting untuk membangunkan anak-anak yang akan mewarisi The Greater Kedah yang kita impikan. YB. Tuan Speaker. Sekian terima kasih.

#### **YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih Yang Berhormat Exco atas jawapan yang diberi dan seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Tanjung Dawai.



**YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI**

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Mohon jawapan nomor 6.

**6. YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI  
[ADUN TANJUNG DAWAI]**

Pohon dinyatakan apakah usaha kerajaan negeri bagi memastikan kemampunan alam sekitar?

**YB. TUAN SPEAKER**

Persilakan Yang Berhormat Exco.

**YB. DATO' HJ. MOHAMMAD YUSOFF BIN HJ. ZAKARIA**

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Terima kasih kepada YB. Tanjung Dawai.

*Pelihara hutan, pelihara sungai.  
Menjaga alam sekitar tanggungjawab kita bersama.  
Terima kasih soalan daripada YB. Tanjung Dawai.  
Inilah jawapan kepada soalan yang ditanya.*

YB. Tuan Speaker. Soalannya berbunyi. Pohon nyatakan apakah usaha kerajaan negeri bagi memastikan kemampunan alam sekitar. Mampan seperti yang tidak sedia maklum bermaksud berdaya tahan ataupun tidak merugikan alam, tidak merugikan masyarakat dan ekonomi dalam masa jangka panjang. Ini dalam konteks alam sekitar. YB. Tuan Speaker, Yang Berhormat semua dan para pemerhatian sekalian.

Perkara alam sekitar ini sangat dititik beratkan oleh kerajaan negeri. Di mana dalam setiap kali ucapan bajet oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar akan disebut disentuh berkenaan dengan alam sekitar. Demikian juga dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan juga menyentuh berkenaan dengan alam sekitar.

Ini menunjukkan kerajaan negeri sangat komited insyaallah dalam memastikan kemampunan alam sekitar di negeri ini terpelihara. Selaras dengan dasar alam sekitar negara atau DASN yang merupakan inisiatif kerajaan Malaysia untuk membangunkan ekonomi sosial, budaya yang berterusan serta meningkatkan kualiti hidup rakyat dan memastikan kesejahteraan alam sekitar dengan melaksanakan pembangunan yang lestari.



DASN ini atau Dasar Alam Sekitar Negara ini bertujuan untuk mencapai alam sekitar yang bersih, selamat, sihat dan produktif. Memelihara warisan alam semula jadi kurniaan Allah dan menggalakkan cara hidup serta pola penggunaan yang lestari.

YB. Tuan Speaker dan Ahli – Ahli Dewan sekalian, sebenarnya panjang jawapan, saya cuba ringkaskan.

Sebelum itu, saya ingin menyebut bahawa di Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2022 hingga 2030 bertujuan untuk memelihara dan memulihara biodiversiti negara secara mampan. Dasar ini dilancarkan pada Oktober 2023 yang menekankan kerjasama erat antara kerajaan persekutuan dan negeri dalam melaksanakan dasar ini. Alhamdulillah, setakat ini memang kita bekerjasama erat dengan kerajaan persekutuan untuk melaksanakan ini kerana ia adalah sebahagian daripada agenda kita dalam The Greater Kedah dengan visi pembangunan negeri yang mampan dan lestari. Sebahagian itu, kerajaan negeri telah dan sedang melaksanakan beberapa pendekatan holistik dalam memastikan kemampanan alam sekitar melalui pelbagai inisiatif daripada pemuliharaan hutan dan bakau pengurusan sumber air penglibatan komuniti hingga kepada pembangunan yang berasaskan sains dan pendidikan. Ini jelas mencerminkan komitmen kerajaan jangka panjang dan juga jangka sederhana untuk mengimbangi pembangunan dan kelestarian alam bagi generasi kini dan generasi akan datang.

YB. Tuan Speaker, diantara langkah strategik yang telah dan terus akan dilaksanakan ialah yang pertama pemuliharaan hutan dan biodiversity di bawah kerangka The Greater Kedah 2050 bagi memastikan kemampanan alam sekitar di bawah Teras 6 Kemampanan Alam Sekitar. Kerajaan Negeri telah melaksanakan program penanaman pokok secara besar-besaran program penanaman 2 juta pokok merupakan program yang telah diterajui oleh Jemaah Datuk Negeri Kedah bersama Kerajaan Negeri dalam usaha memulihara alam sekitar dan penghijauan Negeri Kedah. Untuk maklumat Dewan, program ini telah dilancarkan pada 21 hari bulan Januari tahun 2025 oleh Kebawah Dulia Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah dan sejak pelancaran program tersebut sehingga kelmarin jumlah pokok yang ditanam ialah sebanyak 116,625 pokok telah berjaya ditanam.

Selain itu, di bawah kerangka The Greater Kedah, usaha pemuliharaan dan kawasan hutan seperti kawasan hutan di Tadahan Hutan Simpan Ulu Moda, turut diberikan keutamaan. Di mana Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan UNESCO bagi jerai Geopark serta menjadikan Pulau Langkawi sebagai Pulau Rendah Karbon menjelang 2035.



Yang kedua langkah strategik kita ialah penglibatan komuniti dan kesedaran awam melalui program yang disebut CEPA, *Community And Education Public Awareness*. Kerajaan Negeri dengan pihak Bukasa Tempatan dan juga agensi lain telah menganjurkan pelbagai program di bawah portfolio yang diamanahkan kepada saya seperti Hari Lestari, Sungai Hari Alam Sekitar, Karnival Air, Karnival Alam Sekitar dan juga program pemuliharaan hutan bakau. Program ini mendapat kerjasama daripada agensi - agensi Kerajaan, NGO, Pihak Pusat Pengajian dan juga masyarakat setempat.

Ini semua bertujuan untuk menimbulkan kesedaran semangat supaya sama-sama menjaga alam sekitar bergotong - royong dan seumpamanya di samping menitikberatkan soal kebersihan sungai, pantai, hutan bakau dan sebagainya. Jabatan Alam Sekitar sebagai contoh telah melaksanakan program pendidikan kesedaran ini melalui program CEPA yang saya sebut tadi, Program Sekolah Lestari, Program Rakan Alam Sekitar dan juga latihan-latihan melalui Institut Alam Sekitar Malaysia, IMAS bagi memastikan industri mematuhi standar alam sekitar yang ditetapkan. Dan kejayaan agenda ini memerlukan komitmen dan sokongan bersama daripada semua pihak daripada masyarakat, pemimpin, industri agensi kerajaan dan semua pihak yang bertanggungjawab mesti bersama-sama mengikut tanggungjawab untuk menjaga alam sekitar.

Yang ketiga kerajaan negeri turut memastikan kemampunan alam sekitar melalui pemerkasaan dan pelaksanaan undang-undang. Samping kesedaran kampanye kesedaran juga melaksanakan penguatkuasaan dari segi pelaksanaan undang-undang. Terutamanya melalui Jabatan Alam Sekitar yang sentiasa melaksanakan pelbagai operasi dan inisiatif strategik untuk melindungi alam sekitar dan memenuhi kerangka undang-undang Pindaan Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 dengan mengenakan hukuman yang lebih berat seperti denda maksimum sehingga RM10juta dan terus-menerus melaksanakan operasi penguatkuasaan bersepadu OPS, Hazard dan seumpamanya.

Demikian juga Jabatan Perhilitan Negeri Kedah melaksanakan pelbagai inisiatif kemampunan alam sekitar yang dilaksanakan melalui perlindungan hidupan liar. Sebagai contoh, tahun 2024, Jabatan Perhilitan telah melaksanakan 5 operasi bersepadu Khazanah OBK kawasan hutan simpan di Negeri Kedah seperti di Bintang Hijau, Gunung Inas Hutan Simpan Ulu Muda, Hutan Simpan Telui dan lain-lain.

YB. Tuan Speaker di samping itu ada juga operasi yang dilaksanakan oleh Pasukan Simpanan Persekutuan dan Wildlife Crime Bureau / Perisikan Siasatan Khas (WCB/PSK) dari Polis Diraja Malaysia sebanyak 65 ekor hidupan liar telah dirampas sepanjang operasi berlangsung dimana 59 ekor adalah daripada kelas Avers, 5 ekor daripada kelas Mamalia, dan 1 ekor adalah daripada kelas Reptilia.



Manakala tahun ini sehingga Jun 2025 Jabatan Perhilitan telah menjalankan 26 kali operasi pemantauan dan rondaan penguatkuasaan di beberapa kawasan hotspot.

Yang keempat, Kerajaan Negeri turut memastikan kemampunan alam sekitar melalui pengurusan sumber air sungai. Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk menangani isu kemerosotan kualiti air sungai ini yang disebut JKKAS untuk memantau dan memastikan isu kemerosotan kualiti sungai ini dapat diatasi dan tidak ada lagi tindakan-tindakan ataupun kita berjaya mengurangkan tindakan-tindakan yang mencemarkan sungai melalui Jabatan Alam Sekitar melalui Lembaga Sumber Air Negeri Kedah (LSANK) yang kita pun telah memperuntukkan sejumlah wang yang besar untuk menambahkan stesen pemantauan kualiti sungai. Kalau dulu cuma ada 3 ya di Lembangan Sungai Muda ada 2 stesen, di Sungai Kedah, Lembangan Sungai Kedah ada 1 stesen, tapi Lembaga Sumber Air Negeri telah memutuskan untuk menambahkan sehingga 75 stesen pemantauan kualiti air ini yang meliputi Lembangan Sungai Merbok, Lembangan Sungai Lembangan Sungai Kerian, Lembangan Sungai Kulim dan juga mantau kualiti air di semua muka sauh logi rawatan air di Negeri Kedah.

Semua ini adalah satu usaha untuk memastikan bahawa kualiti air sungai ini dapat dijamin dan kita dapat membekalkan air yang bersih kepada seluruh masyarakat. Saya kira semua inisiatif yang disebutkan tadi, sebahagiannya daripada apa yang telah dibuat adalah telah menunjukkan iltizam komitmen Kerajaan Negeri untuk mengimbangkan pembangunan ekonomi dengan kelestarian alam sekitar dan kita harap usaha ini mendapat sokongan padu daripada semua agensi dan juga seluruh masyarakat. Sekian, terima kasih YB. Tuan Speaker.

#### **YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih Yang Behormat Exco. Soalan tambahan, YB. Tanjung Dawai .

#### **YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI**

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Tadi ada disebutkan projek tanam pokok sebanyak 2 juta pokok sehingga 2030 Adakah Kerajaan Negeri yakin untuk mencapai sasaran sebanyak 2 juta pokok tersebut dan apakah usaha yang telah dibuat dan sedang dibuat bagi mencapai sasaran tersebut? Terima kasih.

#### **YB. TUAN SPEAKER**

Kita persilahkan YB. Tokai, jawab sekali Yang Behormat Exco.



**YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN**

Mungkin ada hubungan dengan YB. Tanjung Dawai. Terima kasih YB. Tuan Speaker. Tadi disebut tentang pemeliharaan hutan. Yang kedua tentang menjaga kualiti air sungai. Saya nak sentuh kedua-duanya.

Pertama tentang pemeliharaan hutan. Kita dapati dari Kedah ini banyak projek-projek panel solar yang muncul yang baru muncul – muncul dan juga sudah ada. Di tempat saya pun, Titi Akar dan Paya Serdang. Paya Mekuang, sudah ada dua projek solar yang besar. Banyak kawasan-kawasan yang sepatutnya ada hutan telah dicerahkan untuk diletakkan panel solar. Ini mengurangkan pelepasan gas oksigen dan juga pengurangan karbon dioksida menjadi greenhouse gas ini akan tambah dan menyebabkan naik suhu bumi kita ini. Itu satu. Jadi berhubung dengan pengurangan hutan disebabkan oleh panel solar ini adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk mengadakan floating panel solar. Saya pernah sebut kepada YB. Jitra dalam sidang yang lepas. Sebagaimana yang sedang dilaksanakan di Terengganu iaitu di Tasik Kenyir. Kita ada Tasik Beris kita ada Pedu kita ada Empangan Muda yang luas. Kawasan ini kita tidak perlu buang hutan tetapi kita letak panel solar di situ.

Yang keduanya tentang pencemaran ataupun meningkatkan kualiti air sungai. Kita banyak buat kempen tentang penggunaan plastik dan kita juga mengadakan penguatkuasaan penggunaan biodegradable plastik di pasaraya dan juga di kedai-kedai. Jadi apakah setakat ini keberkesanan recycle untuk plastik dan juga penguatkuasaan penggunaan plastik yang masih lagi menggunakan polystyrene. Polystyrene ini sampai 100 tahun, 1000 tahun, dia tak biodegradable, dia tak hancur.

Jadi, ini mencemarkan sungai bila air sungai pergi ke laut dimakan oleh ikan dia jadi mikroplastik dan memberi kesan kepada kesihatan kita dia boleh masuk dalam otak kita melalui blood brain barrier sepatutnya tak boleh tapi mikroplastik ini dia boleh dah merosakkan ingatan merosakkan psikologi merosakkan otak lah senang gitu lah.

Jadi, pohon jawapan daripada YB. Kuala Nerang berhubung dua isu ini iaitu solar floating panel dan juga plastik biodegradable yang sepatut dilaksanakan di Negeri Kedah ini. Sekian terima kasih YB. Tuan Speaker.

**YB. TUAN SPEAKER**

Silakan Yang Behormat Exco untuk dua jawapan sekali.



## **YB. DATO' HJ. MOHAMMAD YUSOFF BIN HJ. ZAKARIA**

Terima kasih kepada YB. Tuan Speaker, terima kasih YB. Tanjung Dawai, terima kasih YB. Tokai.

Berhubung dengan soalan daripada YB. Tokai tentang keyakinan kerajaan negeri untuk mencapai sasaran 2 juta pokok adakah kerajaan negeri yakin? Inshaallah kerajaan negeri yakin boleh capai kerana kita telah membuktikan dalam tempoh yang lalu dalam RMK angka 12. 2021 hingga 2025 selama 5 tahun. Kedah telah pun melebihi sasaran yang ditetapkan. Kalau peringkat awal dulu disasarkan sebanyak 1.125 juta pokok tetapi dalam tempoh tersebut kerajaan negeri telahpun melalui Jabatan Perhutanan dan lain-lain agensi telah menanam sebanyak 2.8 juta pokok yang lebih daripada sasaran. Lebih daripada sekali ganda yang telah ditetapkan.

Jadi, kita percaya inshaallah dalam tempoh 2025 hingga 2030 ini juga, sasaran ini boleh dicapai kalau dulu 225 ribu disasarkan dalam RMK yang ke-12 tetapi untuk tempoh 6 tahun yang akan datang ini disasarkan sebanyak 337 ribu pokok dalam masa setahun disasarkan. Untuk maklumat semua setakat ini kita telah pun ada tapak untuk semaian yang berkapasiti sebanyak 200 ribu pokok dalam satu tempoh masa oleh Jabatan Perhutanan dan Jabatan Perhutanan bersedia untuk membekalkan secara percuma kepada agensi atau pun NGO atau pihak-pihak tertentu yang berhasrat untuk melaksanakan projek penanaman pokok ini. Jadi inshaallah yang ini kita yakin, kita percaya dengan adanya kerjasama yang baik dan juga pengalaman yang lepas kita boleh mencapai target 2 juta pokok ini sehingga 2000 tahun 2030,

Yang kedua soalan daripada YB. Tanjung Dawai berhubung dengan floating solar. Eh maaf YB. Tokai. Floating solar ini telah dibincangkan banyak kali dan beberapa agensi beberapa syarikat telah pun menemui kerajaan negeri untuk melaksanakan telah membentangkan proposal dan mereka telah membuat kajian di Tasik Aning, Tasik Pedu dan sebagainya. Cuma pelaksanaannya tidak telaksana setakat ini kerana ada beberapa sekatan, beberapa kalangan yang dari sudut teknikal yang pihak berkenaan syarikat berkenaan tidak dapat penuhi setakat ini. Kalau syarikat-syarikat berkenaan telah dapat memenuhi perkara-perkara yang kita gariskan memberikan jaminan-jaminan yang tertentu tidak mencemarkan sumber air yang kita jadikan bekalan untuk domestik dan industri, yang itu inshaallah akan terus dipertimbangkan YB. Tokai Dan berhubung dengan kempen plastik. Sebenarnya melalui idaman dari jabatan dan sekitar kita terus melaksanakan kempen untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang bahaya penggunaan plastik yang berleluasa ini.



Oleh itu diadakan program Trash to Cash dan sebagainya, kempen untuk jual plastik-plastik ini supaya plastik ini dapat dilupuskan dengan cara yang lebih selamat dan masa yang sama memberikan pulangan wang kepada orang yang mengumpulkan dan menjual. Kalau semua orang ambil sikap dia tidak, apa orang kata buang berata-rata, sebaliknya ditempatkan di tempat yang disediakan banyak kita tengok, E-idaman, swcorp dan banyak pihak yang lain menyediakan tempat-tempat, bahkan ada mesin kitar semula pula, bukan setakat secara manual saja, tapi ada mesin ditimbang siap dan boleh claim bayaran duitnya nanti, yang secara lebih sistematik dapat diuruskan ya, plastik-plastik ini supaya tidak timbul masalah seperti mana disebut oleh YB. Tokai tadi. Sekian, terima kasih YB. Tuan Speaker.

**YB. TUAN SPEAKER**

Dipersilakan, Yang Berhormat Belantek.

**YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN**

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Soalan saya nombor 7. Terima kasih

**7. YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN  
[ADUN BELANTEK]**

Kedah merekod pelaburan RM4.2 billion pada suku pertama 2025 dengan hampir RM3.9 billion datang dari sektor pembuatan melalui Koridor Perindustrian Kulim, Kedah Rubber City dan Taman Teknologi Sains Kedah.

Pohon dinyatakan apakah perancangan kerajaan negeri untuk memastikan manfaat ekonomi industri berteknologi tinggi ini memberi faedah kepada rakyat di kawasan luar bandar?

**YB. TUAN SPEAKER**

Silakan, Yang Berhormat Exco

**YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH**

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam Kedah Sejahtera. Nikmat Untuk Semua. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin Was Salatu Wassalamu Ala Asyrafil Anbiya'i Wal Mursalin Sayyidina Muhammadin Wa'ala Alihi Wa Sahbihi Ajmain, Rabbi Shrah Li Sadri Wa Yassir Li Amri Wahlul Uqdatan Mil Lisani Yafqahu Qawli.



Yang Dihormati, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Jeneri. Sahabat – sahabat Adun baik dibarisan kerajaan mahupun pembangkang dan juga pegawai tinggi kerajaan negeri dan juga persekutuan dan semua pelajar-pelajar yang datang pada hari ini. Terima kasih YB. Belantek di atas soalan diberikan daripada YB. Belantek iaitu berbunyi, Kedah merekod pelaburan RM4.2 billion pada suku pertama 2025 dengan hampir RM3.9 billion datang dari sektor pembuatan melalui koridor – koridor pembangunan ekonomi kita. Sebelum saya teruskan kepada menjawab soalan ini yang mana berteras kepada memohon dinyatakan apakah perancangan kerajaan negeri untuk memastikan manfaat ekonomi industri berteknologi tinggi ini memberi faedah kepada rakyat di di seluruh negeri Kedah.

YB. Tuan Speaker, di awal ini saya nak minta sedikit masa tambahan sebab ada isu besar yang nak disampaikan. Kalau *kita miss this opportunity*, Agenda The Greater Kedah negeri kita akan tergendala kerana ia berkait dengan pusat. Jadi kena ada ruang sedikit saja YB. Tuan Speaker untuk tujuan tersebut.

Pertama sekali izinkan saya menyatakan di dewan yang mulia ini di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kita untuk tempoh 5 tahun terkini negeri kita berjaya mencatat atau membawa masuk pelaburan berjumlah RM132bilion. Iaitu satu jumlah yang terbesar dalam sejarah pentabiran negeri kita sepanjang kewujudan kita dalam konteks hari ini. Dengan kata lain dalam tempoh 5 tahun RM132bilion dan kalau kita ambil tempoh 30 tahun terkini total keseluruhan adalah RM182bilion. Jadi maksudnya 25 tahun sebelum 5 tahun terkini kita hanya merekodkan 50 bilion pelaburan tetapi dalam tempoh 5 tahun terkini sebanyak 132 bilion. Kalau kita lihat dalam konteks hari ini kita berada di kedudukan yang pertama untuk manufacturing sektor pada tahun 2024 iaitu kita telah merekodkan jumlah keserluruhan pelaburan sebanyak 45.8 bilion ataupun 12%. *We are ranked first in the country for manufacturing sector*. Alhamdulillah terima kasih saya ucapkan kepada semua agensi-agensi baik dari pihak negeri kita mahupun persekutuan kerjasama erat kita telah membolehkan semua ini dapat dijadikan sebahagian daripada sejarah pencapaian negeri kita.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan ahli dewan yang saya hormati. Izinkan juga saya untuk membawa kepada prospek peluang pekerjaan yang menjadi satu perkara yang sangat kritikal kepada negara kita. Alhamdulillah hari ini kita melihat Kulim Hitech Park menjadi enjin penciptaan peluang pekerjaan di negeri kita dengan jumlah tenaga kerja di kawasan Kulim Hitech Park dan Kulim Industrial Corridor yang sedang dibangunkan dan sedang membangun dengan rancak hari ini sekitar 47,000 orang mendapat pekerjaan dan majoritinya adalah rakyat negeri kita Kedah.



Alhamdulillah. Kita juga sedang menyusun dan merangka usaha untuk memastikan bahawa industrial park kita yang lain seperti contohnya iaitu di Kedah Rubber City (KRC) dapat mencipta sekitar 15,000 peluang pekerjaan dan sekiranya perancangan kita dalam kerjasama dengan Shenzhen City dalam membangunkan Delapan *Special Border Economic Zone* (SBEZ) dan Kedah Scientological Park kita menjangkakan sekitar 50,000 peluang pekerjaan akan diciptakan. Itu tentang unjuran dan juga realiti hari ini. Di sini yang saya ingin katakan YB. Tuan Speaker dan Ahli Dewan Yang Mulia bahawa ada sesuatu yang begitu menggusarkan. Kenapa? Karena kalau kita ambil contoh dalam konteks negeri kita menjadi Hub Semikonduktor dunia bukan lagi semikonduktor untuk malaysia tetapi kita telah menjadi *powerhouse* untuk semikonduktor. Dunia kita tahu bahawa sebelum berita terkini berkaitan dengan tarif daripada 25% diturunkan kepada 19%. Itu adalah sesuatu yang masih lagi memberi tekanan besar kepada kita.

Namun demikian lebih menggusarkan yang terkini development daripada kerajaan Trump bahawa mereka akan mengenakan tax atau tarif sebanyak 100% kepada semikonduktor companies yang mana tidak beroperasi di Amerika atau setidaknya mempunyai kilang di Amerika di masa yang sama mempunyai kilang diluar daripada Amerika. Siapa yang tak ada kilang atau berhasrat untuk membuka kilang di Amerika mereka akan kena tarif 100%. Ini adalah satu pembulian yang dilakukan oleh sebuah negara yang dahulu dilihat sebagai satu negara yang mampu membangunkan ekonomi dunia tetapi pendekatan kerajaan Trump ini jelas bahawa ia telah menjadi pembuli antarabangsa dalam konteks ekonomi dan geopolitik hari ini. Namun demikian saya mengharapkan agar Putrajaya tidaklah kita menjadi seperti pengemis dalam banyak perkara berkaitan dengan hak kita supaya kita menjadi sebuah negara yang bermaruah dalam konteks ini penyusunan secara rapi dan terancang harus dibuat bagi membolehkan shifting shifting akan teras ekonomi kita dapat dilakukan.

Itu satu perkara YB. Tuan Speaker. Yang lebih kritikal yang ingin saya sampaikan pada pagi ini ialah tentang satu yang begitu mengejutkan saya telah mendapat laporan. Laporan ini adalah daripada sumbernya adalah daripada KPT sendiri dan laporan ini adalah berkaitan dengan jumlah kemasukan pelajar ke universiti awam. Saya ringkaskan untuk 5 top universiti di Malaysia ini iaitu UM UKM, UPM, USM dan UTM. Saya tak ambil yang 15 lagi. Ambil yang top 5. Top 5 universiti ini *enrollment*. *Enrollment* saya cakap tentang *enrollment*. *Enrollment* ini maksud dia maksud year 1, year 2, year 3 year 4. Semua yang dalam 4 tahun itu *enrollment*. *Enrollment* di 5 RU ini. Hari ini seramai 180,000 orang. 180,000 orang pastinya inilah universiti yang akan menjadi powerhouse kepada penghasilan talent-talent terbaik negara. Ini tidak boleh dinafikan. Tapi apa berlaku daripada 180,000 orang iaitu hanya 141,000 sahaja rakyat malaysia dan 38,000 adalah rakyat negara asing. Dengan kata lain 27%.



Hari ini para profesor kita kita punya pensyarah yang dibayar gaji oleh rakyat yang mana kita finance the universiti atas *taxpayer money* tetapi 27% yang ada di sana itu yang diajar bukan rakyat kita. Ini satu perkara yang harus menjadi perkara yang sangat penting diberi perhatian oleh kerajaan. Kenapa saya kata begitu YB. Tuan Speaker. Izin kan saya YB. Tuan Speaker.

## YB. TUAN SPEAKER

Silakan

## YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Saya ambil contoh, Universiti Melayu enrollment 2024 24%. USM 25%. Ini untuk pelajar antarabangsa. UKM 20%. UPM 22%. UTM 15%. Jadi apa yang dikatakan oleh Menteri Pengajian Tinggi dalam konteks seseluruhan hanya 10%. Ini adalah satu permainan fakta. Kita cakap pasal kritikal program. Kita bukan cakap program-program yang tidak ada nilai pasaran ataupun pasarannya rendah. Nanti saya pergi satu angle yang sangat kritikal. Jadi disinilah apabila YAB Menteri kata hanya sekitar 5-10% sahaja, tapi dalam konteks RU sehingga 27% tempat anak bangsa kita *regardless race & religion* Melayu China, India, Sabahan, Sarawakian sepatutnya diisi lebih banyak oleh orang Malaysia diberikan kepada rakyat negara asing.

Dan ini YB. Tuan Speaker, saya ambil contoh dalam kes ini ianya adalah sangat mendukacitakan. Kenapa? UKM sebuah universiti yang dibina atas tangisan bangsa dia. Sebuah universiti yang dibina atas keringat bangsa dia. Untuk lihat anak bangsa. Satu program iaitu Electrical Electronics. Bachelor Honours Electrical Electronics. 200 tempat. Daripada 200 tempat itu, 45%, 90 tempat diberikan kepada rakyat negara China from Mainland China. *We are not against China*. Kita tak against China. Sebab kita buka pintu dia datanglah. Kalau kita kata no ataupun kita tidak membuka pintu seluas itu dia tak datang. *They can go any part of the world*. Tapi hari ini Universiti Kebangsaan Malaysia, atas keringat dan darah perjuangan bangsa, hari ini tempat tersebut diberikan kepada orang asing. Daripada 200 tempat hanya 110 tempat sahaja yang di isi oleh rakyat Malaysia dan rakyat negara lain.

Jadi apa sudah jadi dengan pendidikan tinggi negara. Ini satu perkara yang sangat mendukacitakan. Apabila itu berlaku YB. Tuan Speaker, saya ingin menyatakan disini bahawa dalam kes ini hari ini ada 1.9 juta rakyat kita yang mana under employment. 1.9 juta anak-anak kita mungkin. Apa makna under employment? Ada ijazah tapi tak dapat kerja sesuai dengan ijazah dia.



Mereka mungkin kerja guna STPM, mungkin kerja guna Matrik pumya Cert. Mungkin juga guna spm. So 1.9 juta under employment. Kalau 1.9 juta under employment, 500 ribu tidak berkerja. 2.4 juta hari ini dalam sistem yang mana mereka ini sama ada under employment ataupun unemployed.

YB. Tuan Speaker lebih penting lagi untuk kita berikan disini saya kongsiikan. Ini fakta-fakta ini dikeluarkan oleh *economist* kita even penasihat kepada Prime Minister. Professor Yee Kim Leng from Sunway University. Menyatakan akan isu ini. Ini bukan satu statement yang hanya saya ambil untuk retorik politik. Tidak ini berdasarkan fakta. Lebih mendukacitakan, baru – baru ini iaitu Chief Advisor untuk negara Bangladesh iaitu Profesor Muhammad Yunus. Kita kagumi beliau. Satu sosok luar biasa yang membangunkan Grameen Bank untuk membantu rakyat-rakyat miskin. Fair enough.

Dia datang ke negara kita bertemu dengan menteri kita. YB. Menteri KPT dan juga menteri-menteri lain saya percaya. Dalam The Daily Star. Ini surat khabar di Bangladesh. Dhaka Tribute Bangladesh. Semua berita ini dah keluar tapi tak keluar saya cuba google tak keluar satu berita pun di negara kita Malaysia. Tentang apa? Chief Advisor Muhammad Yunus. Profesor Muhammad Yunus request apa? Dia request supaya 10,000 mahasiswa Bangladesh yang sekarang ini sedang belajar di universiti kita diberikan Graduate Plus. Graduate Plus ini maksud apa? Grad boleh kerja di negara kita. Tadi kita ada 1.9 million yang Under Employment. 500,000 tak ada kerja. Apa *statement* Menteri kita? Akan di perhalusi dan di pertimbangkan dan kemungkinan akan dibenarkan. Kita ini terlalu baik dan lunak. Point saya, kalau ini berlaku *nothing wrong with them*. Mereka hanya minta kita bagaimana memposisikan diri kita. Profesor Muhammad Yunus tak ada salah dalam perkara ini. Saya bukan nak kata kita anti Bangladesh. Tidak. Tetapi kita minta, berita – berita ini tak keluar dalam surat khabar kita. Jadi kalau kata 10,000, hari ini yang *blue collar white force* ratus ribu. Ini *white collar* kalau *blue collar* kerja di ladang ratus ribu. Ini *white collar*.

Jadi, YB. Tuan Speaker, dengan kata lain ini adalah satu perkara dalam konteks kelangsungan pembekalan tenaga kerja yang mahir. Bayangkan kalau E&E program di UKM 200 tempat 45% bagi ke rakyat negara asing, yang E&E program ni, Electrical Electronics punya degree ni, dia kerja mana? Dia kerja semiconductor. Dia kerja mana? Dia kerja dalam sektor – sektor pembuatan dan seumpamanya. So kita sebenarnya memberi 45 menafikan 45% hak rakyat malaysia untuk membangunkan negara ini. Saya harap sahabat saya di belah sana bangkitkan perkara ini. *This is not about Malay, Chinese, Indian, this is the right of our nation* untuk mempertahankan hak pendidikan buat anak bangsa kita. Terima kasih YB. Tuan Speaker.



## YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat Jitra. Soalan tambahan. YB. Belantek.

## YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN

Soalan tambahan saya. Adakah negara menyediakan graduan yang mencukupi untuk memenuhi permintaan industri? Terima kasih.

## YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Terima kasih YB. Belantek. Satu soalan yang saya yakin dan percaya kalau boleh kita sama-sama perhalusi. Dalam perkara ini saya nak kata disinilah. *I am not against* Kementerian Pengajian Tinggi. *I was part of them*. Tidak ada apa, melainkan kerisauan mungkin setidak – tidaknya saya pernah dalam sistem tersebut dan saya ada sedikit pengetahuan. Itu saja. Hari ini *intake* kita. Intake kita setiap tahun pengambilan pelajar. Siapa pelajar ini? Anak-anak kita *regardless race & religion* 150,000. Dengan kata lain pembekalan tenaga kerja hari ini kita boleh lihat tadi berlaku *mismatch* yang sangat ketara di antara graduan dilahirkan dengan industri yang memerlukan. Sebab itu ada 1.9juta *under employment to certain extent*. Itu satu indicator. Hari ini kita ingin menyatakan. Semalam saya sembang dengan sahabat saya daripada Kota Siputeh. *Correct me if i am wrong* dengan izin ya arif. Eh yang arif. Dengan izin ya YB. Tuan Speaker. Macam lawyer pulak.

YB. Tuan Speaker di sekolah Kota Siputeh tak ada *science stream*. Tak ada *science stream*. Sekolah kampung, anak kampung, mak ayah kerja bendang, guard, di satu DUN tak ada *science stream*. Minta maaf dari Kementerian Pendidikan. Boleh lihat lah. Hari ini ada wakil dia. Tadi sempat salam pagi tadi. Tak ada *science stream*. Adakah anak Kota Siputeh tak layak untuk menjadi Engineer? Adakah anak Kota Siputeh tak layak menjadi Medical Doctor? Adakah anak Kota Siputeh tak layak menjadi professional? Ini sistem pendidikan yang harus dirombak dengan serius dengan sungguh-sungguh sebab apa? Sebab balik kepada cerita tadi kalau negara nak pergi kepada High Tech, kalau negara nak pergi kepada High Income Nation, dia punya *fundamentals* adalah *science, technology, engineering, mathematics*. Dia kena pergi balik kepada sekolah. Dia bukannya cerita di universiti – universiti nak buat apa dah? Universiti kalau kita dulu STPM aliran *Science Social* kita akan pergi *Science Social* tapi *roots of the problem root cause of the problem* di sekolah.

So kena lihat begini sebab tu saya kata kalau benda ni tidak diubah 1.9 million akan jadi 2.5 million. 2.5 million jadi 4 million. Belum lagi cerita baiknya kita orang minta *graduted plus* kita pun pertimbangkan. Itu belawan lagi.



Sepatutnya mereka habis belajar balik ataupun kalau mereka betul – betul yang *competitors competent* terbaik, tak ada rakyat Malaysia yang boleh bidang tu itu barulah bagi pada mereka. Tapi kalau *engineer* takkan tak ada orang Jitra boleh jadi *engineer* dalam bidang *electrical electronics*, takkan tak ada orang daripada Alor Mungkudu tak ada boleh jadi *engineer*. *Thousands of them are available*.

Jadi, inilah YB. Tuan Speaker balik pada soalan tadi, realitinya kalau di pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan juga Kementerian Pendidikan tidak menyusun dengan betul *work* dengan MITI, tidak ada *sit down*, kita ni di negeri telahlah tak dipanggil langsung. Perbincangan – perbincangan. Semua buat di Putrajaya kenapa? Kerana terlalu egonya Putrajaya hari ni apa salah atas nama membenarkan negara bangsa. Panggillah semua negeri jangan tengok *political colour* untuk membangunkan anak bangsa kita bersama sebab kita ada juga cerdik pandai kita bukan hanya ada di Putrajaya. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

**YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih Yang Berhormat Exco. Soalan terusnya YB. Tokai.

**YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN**

Ni kena paksa bagi soalan ni. Ok terima kasih YB. Tuan Speaker kerana bagi bola tanggung kat saya. Sebenarnya masalah yang kita hadapi adalah miss match daripada student dan juga ruang pekerjaan dan lambakkan graduate – graduate yang hadir dalam masyarakat ini terpaksa masuk ke dalam pasaran kerja yang kita kata sekarang ni gig ekonomi. Jadi apakah...

**YB. TUAN SPEAKER**

YB. Tokai. Soalan.

**YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN**

Oh soalan. Ok soalan nombor 8.

**YB. TUAN SPEAKER**

Nombor 8.

**YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN**

Saya ingat soalan tambahan. Ya ya ya soalan nombor 8.



**8. YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN  
[ADUN TOKAI]**

Pohon dinyatakan :-

- a) Jumlah kutipan hasil cukai dan premium tanah sepanjang apabila ditutup pada 31 Mei 2025 .
- b) Apakah kaedah lain yang akan dilaksanakan oleh negeri untuk menambah hasil ini selain menaikkan cukai dan premium?

**YB. TUAN SPEAKER**

Silakan YAB. Dato' Seri Menteri Besar.

**YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. YB. Tuan Speaker. YB. Tokai. Terima kasih di atas soalan ni. Jumlah kutipan hasil cukai dan premium tanah apabila ditutup pada 31 mei 2025. Untuk tahun 2025 lah kan noh. Apakah kaedah lain yang dilaksanakan oleh negeri untuk menambah hasil selain menaikkan cukai dan premium. Ini nak jolok orang la ni. Dia tak dak pembangkang jolok kawan sendiri pun boleh jolok.

Bagi jawapan kepada YB. Tokai jumlah kutipan hasil cukai tanah dan premium tahun 2025 sehingga 31 mei 2025 adalah seperti berikut. Kutipan hasil cukai tanah RM172,400,502.93. Premium RM39,243,247.63. Kaedah lain yang telah dilaksanakan oleh Pentadbiran Tanah Negeri bagi meningkat jumlah kutipan hasil seperti adalah seperti berikut :-

- i. Pengeanaan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) ke atas Jeti, Pelantar dan Aktiviti Akuakultur;
- ii. Pengeanaan Lesen Pendudukan Sementara ke atas aktiviti perniagaan di atas tanah kerajaan/ tanah rizab;
- iii. Pengeanaan Permit Penggunaan bagi tanah ketegori petani an yang digunakan bagi maksud lain;
- iv. Pengeanaan Permit Penggunaan bagi tanah kategori bangunan/ industri dan syarat nyata yang digunakan bagi maksud lain;
- v. Pemerksaan Pasukan Penguatkuasa Pentadbiran Tanah dan perlaksanaan Opss - Tiris;
- vi. Pengeanaan Permit Ruang Udara di atas tanah kerajaan/tanah rizab

Terima kasih.



**YB. TUAN SPEAKER**

Dipersilakan. Ha yang ni baru soalan tambahan YB. Tokai untuk no 8.

**YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN**

Terima kasih YAB. Dato' Seri Menteri Besar. Terima kasih YB. Tuan Speaker. Tak akhir ini. Kita lihat banyak kawasan-kawasan di tepi jalan-jalan besar first layer, second layer ditimbus dan dibuat perumahan. Mereka ni bukan projek – projek perumahan tapi individu. Kalau kita tengok di Titi Haji Deris. Kita tengok di sebelah nak mai ketanah Merah. Banyak kawasan-kawasan bendang tu habis. Kawasan – kawasan di timbus buat rumah persendirian. Dan kawasan – kawasan itu adalah lot – lot petani an ataupun tanah petani an. Apakah kerajaan mempunyai satu kaedah untuk kita menaik taraf zon, ni Plan Malaysia la nah. Daripada petani an itu kepada bangunan supaya collection ataupun kutipan hasil itu boleh kita tingkatkan daripada petani an ke bangunan. Ini satu sumber pendapatan yang saya rasa boleh diterokai sumber baru lah. Mereka tu tidak akan jadi bendang dah. Timbus tu tak jadi bendang lah. Jadi rumah sampai ke anak cucu esok. Jadi kaedah yang kita boleh gunakan untuk menambah pendapatan kepada negeri melalui cukai daripada petani an yang lima ranggit satu hekar tu kepada bangunan. Itu cadangan daripada saya ada juga soalan yang ditimbulkan supaya kerajaan negeri boleh memikirkan kaedah ini. Terima kasih.

**YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK**

Soalan tambahan boleh? Soalan tambahan.

**YB. TUAN SPEAKER**

Bagi jawapan.

**YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK**

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Soalan tambahan ialah mulai daripada 1 Mei 2025 ada fee pejabat bagi setiap urusan di Pejabat Tanah dan Galian dikuatkuasakan. Adakah ini satu bentuk ataupun memberi beban kepada penduduk dan sebagainya? Adakah ini patut diadakan? Terima kasih.

**YB. TUAN SPEAKER**

Silakan YAB. Jeneri.



**YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB**

Satu soalan lagi nak minta YAB. Jeneri jawab sekali.

**YB. TUAN SPEAKER**

Silakan YB. Bayu.

**YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB**

YB. Tuan Speaker. Saya nak bertanya berkenaan dengan tanah ini. Adakah kerajaan negeri sedar banyak permohonan tanah masih belum diproses menjejaskan urusan hak milik dan juga pewarisan? Dan apakah langkah diambil untuk mempercepatkan proses ini termasuk penambahan kaki tangan dan rekod yang memantau Pejabat Tanah? Kadang-kadang Pejabat Tanah macam di Daerah Baling masih banyak lagi tunggakan yang hampir 3,000 ke 4,000 permohonan yang masih belum diproses. Termasuklah di peringkat daerah lain. Apakah tindak? Adakah kakitangan tidak mencukupi ataupun perlu ditambah kakitangan untuk proses tersebut?

**YB. TUAN SPEAKER**

Silakan YAB. Jeneri.

**YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR**

Terima kasih YB. Tokai, YB. Sidam, YB. Bayu. Tajuk memang core business kerajaan negeri. Tanah. Untuk maklumat hasil negeri negeri mana khususnya di Kedah 68% jumlah hasil kita bergantung pada tanah. Cukai Tanah, Premium Tanah, Fee. 68%. 32% hasil – hasil lain. Hasil Cukai dan Bukan Cukai. Jadi kalau pentadbiran tanah kita ini tak cekap tidak memikirkan langkah-langkah untuk meningkatkan pendapatan melalui tanah, maka habislah kita. Jadi yang YB. Sidam tanya fee itu bukan baru. Dalam aturan tanah Kedah memang telah lama dikuasakan dari masa ke semasa keadaannya ditambah baik berdasarkan keperluan. Dulu YB. Sidam, penjabat kita tak ada aircond. Pakai kipas ja. Buka tingkap nako. Pakai mesin taip ketukung – ketukang ketukung – ketukang kan. La ni penjabat kita kalau pi, masuk-masuk sejuk dah. Jadi boleh bayangkan betapa berlaku peningkatan pada kos untuk pentadbiran tanah.



Yang kedua YB. Tokai tanya apa tadi? Rumah kan, rumah yang dibina di bendang- bendang. Ubah syarat. Saya telah maklumkan beberapa kali sebelum ini ada dalam kawasan sawah padi kita 4,000 ekor lebih. Yang telah termasuk dalam RTD telah ditukar zoning. Jadi, Zon Perumahan dan Komersial. Tapi masih sawah padi. Ini yang kita minta duit kat pusat tu. Kalau tak bayar untuk 4,000 ni kita minta bayaran khas lah untuk kita mengelak kita bangunkan kawasan tanah yang telah masuk dalam RTD ni dengan projek selain pada padi. Dia tak pertimbang lagi. Kalau depa pertimbang tu alhamdulillah. Kita boleh kekalkan sawah padi tu. Tapi kalau tak dipertimbangkan, keperluan kepada perumahan dan perniagaan ni semakin hari semakin mendesak. Khususnya di lokasi yang YB. Tokai sebutkan tadi. Di first layer, second layer ni memang orang nak duduk. Padi lepas kebelakang tak apa. Pasai di biar 6 bulan baru orang turun pi. Tapi orang nak duduk. Jadi sebahagian besar daripada sawah padi kita telah bertukar zon. Zoning yang dah tukar dah jadi perumahan. Zoning ni dah jadi zoning perniagaan. Tapi aktivitiya masih sawah padi. Ada dalam KTN juga Kebenaran tanah-tanah yang bersyarat petani an 1.5 daripada tanah tu boleh dibina bangunan. Kalau lebih daripada 1.5 dibina bangunan zoning petani an syarat petani an dia langgar syarat. Kita boleh kenakan dia permit langgar syarat. Kita nak dendalah. Tapi untuk realiti yang kita sedang hadapi di Kedah ni yang telah kita bangkitkan beberapa kali, banyak kawasan petani an sawah padi kita telah termasuk dalam rancangan pembangunan daerah untuk aktiviti yang lebih ekonomi termasuklah aktiviti perumahan.

Untuk permohonan – permohonan tanah yang masih diproses yang saya pernah sebut di Dewan Mulia ini paling tinggi Padang Terap. Ada banyak aspek teknikal yang perlu diteliti dalam pembangunan tanah. Ada banyak pertindihan kesilapan, ukuran kita tak mahu benda itu berlaku. Di Padang Terap, di Baling kita sering bertemu dengan tanah Jabatan Hutan. Banyak orang mohon. Pejabat Tanah terima. Bila buka fail, pi tengok tanah itu Jabatan Hutan punya, tak boleh mohon. Tanah bukan tanah state. Bukan state land, tanah itu Jabatan Perhutanan. Orang kampung kata aku mohon dah!

#### **YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB**

Minta Jabatan Hutan jawab lah. Permohonan itu kepada...

#### **YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR**

Jabatan Hutan tak boleh jawab.



## **YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB**

Bukan Jabatan Hutan, Jabatan Tanah minta jawab lah sebab dia ditunggu, waris dia tunggu-tunggu.

## **YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR**

Nanti saya jawab dulu. Ini bukan sembang ni Dewan ni. Jabatan Hutan tak ada rekod permohonan tanah, yang ada Pejabat Tanah. Jadi satu-satu tanah yang dipohon dan tidak boleh diproses. Dia kena minta permit penggunaan di Jabatan Perhutanan. Jabatan Hutan pun nak kekalkan jumlah keluasan hutan yang di bawah pentadbiran dia. Kalau di Kedah ni 36% liputan muka bumi kita masih hutan. Diberi kadar itu oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia kepada negeri untuk kekalkan, dia tak boleh bagilah Permit Penggunaan. Sat g dia pergi tukar jadi sawit, jadi getah hutan itu. Tak jadi hutan dah. Untuk tanah – tanah yang masih berada di Pejabat Tanah memang kita beri penekanan kepada semua Pentadbir Tanah Daerah untuk menyegerahkan proses tu.

Di pihak Dato` Seri Setiausaha Kerajaan telah beri syarat tiap-tiap seorang pegawai kakitangan Pejabat Tanah tidak kurang 10 fail sebulan dia kena proses. Tidak kurang daripada 10. Kalau setahun dia seorang proses 120. Dan tiap-tiap kali kita Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Peringkat Negeri ini kita beri kelulusan. Yang terakhir sekali 570 fail lulus dalam satu mesyuarat. Semuanya kategori petani anlah. Untuk tanah-tanah yang dimohon oleh orang – orang kampung memang kita beri kutamaan tetapi oleh kerana banyak aspek teknikal yang perlu diberi perhatian untuk mengelak kesilapan. Untuk maklumat YB. Bayu. Tiap-tiap minggu kita ada kelulusan berpuluh – puluh. Tidak kurang 40 fail tanah. Tiap – tiap minggu dalam Mesyuarat Exco.

Kita juga menghadapi kes – kes mahkamah akibat daripada kesilapan – kesilapan 30 40 tahun dulu berlaku pertindihan geran. Bagi kat orang sebelah, lepastu kawan tu memohon. Masa itu pejabat macam dulu itulah. Tuk tak tuk tak tak. Fail ok buka besar-besar tak digital lagi. Pakai manual. Ada pertindihan pada satu tapak ada dua geran. Kita terpaksa bayar selepas 30 tahun ada tuntutan di mahkamah kesilapan itu memang berlaku di pejabat kita 30 40 tahun dulu. Kita kena bayar berjuta-juta daripada kes itu sahaja. Sebagian besar duit kutipan kita ini bagi kepada bayar tuntutan. Akibat kesilapan. Jadi untuk elak benda itu berulang biarlah lama sikit tapi taklah sampai puluh - puluh tahun macam zaman dulu dah. Zaman dulu kan nak lulus geran, dia usik sana, dia usik sini. Tunggu pilihan raya dulu. Baru dia pergi proses geran. La ni tak berlaku macam tu dah. Kita tak kira siapa kalau orang susah. Bukan kita nak sangat tentang jumlah premium yang berjaya di punggut. Kalau orang susah betul-betul RM10 pun kita bagi tanah tu. Sebab dia bergantung pada tanah.



Tapi kalau dia ada kemampuan ada keupayaan kereta besar – besar anak kerja bagus – bagus, tapi minta tanah letak kerja suri rumah. Saya rasa tak munasabah benda – benda lagutu noh. Laki doktor bini doktor, anak doktor persyarah apa semua lepastu habaq pekerjaan suri rumah. Pendapatan bawah RM1,700. Tak masuk akal. Bukan ada dalam dewan ni. Bukan. Orang lain. Boh nama bini tak betul tu.

Bila pula bini hang pi dok munggar tanah. Pekerjaan suri rumah. Pendapatan tiada. Tapi minta tanah. Saya rasa tak masuk akal. Saya ada mak, mak saya anak 13. Tak ada peluang langsung nak pergi munggar tanah, pergi menebas. Tak ada. Dok jaga anak ja. Tapi banyak permohonan sekarang ni. Dia pun suri rumah. Kata bila Mat Leo ni pergi duduk merintah tanah minta tanah pula. Tak betul ni, tentulah ada benda-benda yang disembunyikan. Jadi kita minta kakitangan Pejabat Tanah, SO kita periksa betul-betul, periksa sungguh – sungguh. Betul tak betul. Buat laporan yang tepat. Pendapatan isi rumah. Yang ada isu sikit baru – baru ni, ni ialah kerana katanya premium tinggi. Adalah komplain sampai kat saya. Premium kita ni standard.

Bagi pemohon yang berpendapatan di bawah RM1,700. Kadar gaji minimum. Kadar premium tanah petani an ialah 10% daripada nilai JPPH. Dulu Pejabat Tanah letak nilai sendiri. Ada SO di Pejabat Tanah dululah. Dia kata tanah Pak Long di mana? Di Sungai Pau. Kot tu orang dok duit jual apa duit serelong? 15,000. Dia pun pakai nilai itulah. Dia pun bubuh premium 10% RM15,000, RM1500. Tapi sekarang tak boleh dah. Semua permohonan tanah kena hantar di JPPH. JPPH punya penilaian ni dia dia standard lah di bawah MOF. Kalau tanah – tanah yang bersyarat dalam zon industri, dalam zon perniagaan. Tanah syarat bangunan. Tentulah tinggi nilai dia. Tanah-tanah petani an dimohon di kampung-kampung. Pun JPPH buat value. Kita tak boleh value sendiri di Pejabat Tanah lah. Cuma ada satu dua kes yang datang komplek kat kita, saya berpandangan JPPH Over Value. Terlebih nilai mungkin kerana ada evidence di kawasan tu orang tanam musangking dijual beli dengan harga ratus - ratus ribu, bukan kerana nilai tanah tu tinggi tapi kerana musangking tu. Mahal. Apakah value tanah tu dijual beli dengan harga yang tinggi? Apakah evidence tu dipakai sebagai base kepada penilaian tanah di kawasan tu? Itu tak tepat. Untuk kes yang macam tu, kita minta pemohon yang merasa terkilan untuk datang balik ke Pejabat Tanah minta di value semula. Dan PTG pun dah panggil JPPH untuk mencermati value yang dibuat di beberapa daerah khusus Padang Terap, Baling, Sik yang premiumnya dirasakan melampaui nilai semasa. Tapi kadar premium kita 10% daripada value untuk pemohon berpendapatan di bawah RM1700. Untuk pemohon yang berpendapatan RM1,700 hingga RM5,000 20% daripada nilai JPPH. Untuk pendapatan RM5000 hingga RM7000, 25% daripada value.



Yang RM7,000 hingga RM10,000, 30%. Yang berpendapatan lebih daripada RM10,000, 40%. Tak ada lebih daripada tu dah. Bergantung kepada pendapatan isi rumah pemohon. Dia kena ambil kira isi rumah juga pasal ayah tu esok ni nak waris tanah tu ke anak-anak. Ada anak-anak kerja hebat – hebat kan. Esok dia dapat tanah tu free tanah pusaka. Jadi dia bertanggungjawab jugalah dalam kadar premium yang dikenakan kepada satu-satu tanah. Terima kasih. Assalamualaikum.

#### **YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih YAB. Jeneri. Silakan YB. Pedu.

#### **YB. TUAN HAJI MOHD RADZI BIN MD. AMIN**

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Apa nak tanya, bukan nak tanya. Nak cadang. Pasal sebut tambah premium, hasil tanah, hasil negeri. Jadi berpandangan macam apa YB. Tokai sebut tadi, tanah, bendang tambun buat rumah. Tadi dia ada peratus dia untuk buat rumah. Ni tanah yang dijadikan lot lidi. Jadi lot lidi ni bukan kata baru. Berpuluh – puluh tahun dah. Jadi lot lidi ni dah berpuluh tahun dah. Tanah tu sepuluh relong contoh. Tanah petani an dia dapat hasil, kerajaan dapat hasil cuma dalam ratus - ratus itu lah. Apa kata kerajaan, nak cadang lah, cadang kerajaan kalau mereka ada undang – undang Yang boleh pinda supaya lot lidi ni dijadikan geran. Jadi pertamanya langgar syarat tadi, satu. Boleh kita ambil dah pendapatan daripada langgar syarat tu. Keduanya apabila dijadikan setiap geran daripada lot tu kita boleh ambil premium di lot-lot tu dan ketiganya kita dapat hasil, cukai setiap tahun dah boleh ambil dah setiap lot tu. Maknanya kalau kata contoh satu lot lidi tu ada sepuluh lot. Pendapatan cukai tahun ni dia dapat RM100. Tapi apabila kita dah pecah kita dah dapat dengan langgar syarat tadi contohlah RM500 satu lot. Maknanya kita dapat dah RM5,000. Dengan premium selepas tu. Dengan cukai tahunan ni semua. Mungkin dia tu boleh mendapat tambah pendapatan negeri. Itulah sikit cadangan.

#### **YB. TUAN SPEAKER**

Silakan YAB. Jeneri.

#### **YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR**

Isu lot lidi ni kita boleh buat satu seminar di Sungai Petani. Tahun lepas kot. Untung secupak rugi segantang. Kita pun dah cakap banyak kali larangan nasihat kepada pembeli – pembeli. Nasihat kepada orang ramai pemilik tanah. Jangan buat lot lidi.



Kerana dia bukan sahaja bukanlah mendatangkan hasil tapi banyak mendatangkan masalah. Masa peringkat awal mungkin kita seronok pasal boleh buat rumah tak kena pinjam bank. Ada duit sikit-sikit jual sekerap kan. Jual kebun ka buat rumah atas lot lidi. Tapi mari generasi yang kedua nak pusaka tak boleh. Jadi orang fikir pendek ni memang dia rasa untung. Kerajaan pula tak boleh bertindak suka - suka pergi duk sukat – sukat buat bagi jadi geran sekeping – sekeping. Tak boleh. Kita ada akta lain. Yang mengikat kita yang mengikat kerajaan. Tuan tanah tu kena mohon. Kita terikat dengan 171, 172. Kebenaran merancang parit, bangunan. Tiap – tiap lot kalau nak disediakan untuk buat rumah ni dia kena ada perkara-perkara tu.

Kalau pergi tengok lot lidi tu coras atap bertembung. Belaga. Parit nak buh tang mana tak tau dah. Ini cakap orang Sik. Nak buat lagu mana. Masa peringkat tu nak buat lagu mana dah. Tak boleh buat apa dah. Jadi saya menasihatkan di Dewan Yang Mulia ni, rakan – rakan yang suka buat lot lidi cari keuntungan segera. Cari tanah murah, nak mudah. Elakkan. Kerana kelak kita akan rasa untung secupak. Tapi rugi akan datang rugi segantang. Terima kasih.

#### **YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih YAB. Jeneri. Urusan selanjutnya Tuan Setiausaha.

#### **TUAN SETIAUSAHA DEWAN**

Sambungan perbahasan Usul – Usul.

Usul mencadangkan **Pelaksanaan Program Pembiak Bakaan Tanaman Padi Oleh Komuniti Untuk Memperkayakan Keperbagaian Variti Dan Memperkasakan Kearifan Tempatan Di Negeri Kedah Darul Aman.**

### **III. USUL MENCADANGKAN PELAKSANAAN PROGRAM PEMBIAK BAKAAN TANAMAN PADI OLEH KOMUNITI UNTUK MEMPERKAYAKAN KEPERBAGAIAN VARITI DAN MEMPERKASALKAN KEARIFAN TEMPATAN DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN.**

#### **YB. TUAN SPEAKER**

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Adun Kota Siputeh untuk membentangkan usul tersebut.



## **YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR**

Bismillahirrahmanirrahim. YB. Tuan Speaker. Cadangan ini adalah satu anjakan paradigma melalui pelaksanaan program pembiak baka tanaman oleh komuniti Participatory Plant Breeding (PPB). Sebuah pendekatan kolaboratif yang menggabungkan kepakaran saintifik penyelidikan dan kearifan dan pengalaman praktikal para pesawah padi di Kedah. Kerajaan negeri dicadangkan untuk menerajui dan membiayai satu program rintis PPB yang melibatkan kerjasama strategik antara pesawah Lembaga Kemajuan Petani an Muda (MADA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Petani an Malaysia (MARDI), Serta Universiti Tempatan.

Program ini bukan bertujuan untuk menggantikan sistem pendidikan sedia ada tetapi untuk melengkapinya dengan mewujudkan varieti-varieti padi baru yang dibiak baka dan diuji sendiri oleh petani di sawah-sawah mereka. Saya berharap usul ini dapat membela nasib pesawah-pesawah padi di negeri Kedah dan rata-rata pesawah dan petani seluruh tanah air.

Ahli - Ahli Yang Berhormat sekalian, masalah dihadapan Dewan sekarang adalah satu usul yang berbunyi seperti berikut :-

Bahawasanya Dewan undangan Negeri Kedah yang bersidang pada hari ini mencadangkan Pelaksanaan Program Pembiak Bakaan Tanaman Padi Oleh Komuniti PPB ntuk memperkayakan kepelbagaian varieti dan memperkasakan kearifan tempatan di Negeri Kedah Darul Aman.

Sekian terima kasih.

Saya pohon mencadangkan.

## **YB. ENCIK RASHIDI BIN RAZAK**

Yang Berhormat Tuan Speaker saya pohon menyokong usul tersebut.

## **YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih. Silakan YB. Kota Siputeh.



## **YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR**

Yang Berhormat Tuan Speaker. Hadirin hadirat. Barisan Exco. Yang Dihormati serta Ahli Sidang Dewan Yang saya muliakan sekalian. Saya Muhammad Ashraf Mustaqim bin Badrum Munir Ahli Dewan Undangan Kedah kawasan Kota Siputeh. Dengan ini mencadangkan Usul Pelaksanaan Program Pembiak Bakaan Tanaman Padi Oleh Komuniti atau dalam bahasa inggeris Participatory Plant Breeding PPB dengan izin.

Yang Berhormat Tuan Speaker serta Ahli-Ahli Dewan yang saya muliakan. Kedah Darul Aman yang digelar Jelapang Padi Negara ternyata penyumbang utama kepada sekuriti makanan Malaysia. Tanggungjawab ini bukan sekadar aspek ekonomi tetapi soal maruah kedaulatan dan kelangsungan rakyat. Biarpun sebagai Jelapang Padi Negara, pesawah kita hari ini terlalu bergantung kepada benih seragam yang telah ditetapkan. Bila mai penyakit habis rebah serentak. Bila iklim tak menentu pesawah yang rugi dan bukannya para kapitalis iaitu syarikat padi benih. Ini bukan soal benih saja. Ini soal hidup mati pesawah dan kedaulatan makanan negara yang mana para pendiri di negeri jelapang padi ini memegang tanggungjawab untuk membela untung nasib pesawah yang juga rakyat Kedah kita yang tercinta.

YB. Tuan Speaker. Kita tengok bila mana monopoli syarikat-syarikat benih yang mana ada ni. Kalau kita amati syarikat benih yang ada ada sekitar 12 syarikat saja yang pegang hak pelesenan. Namun ada sebahagian besar mereka sebenarnya adalah merupakan cukong – cukong beras dan bukanlah syarikat yang ada kemuliaan untuk membuat padi benih pun. Mereka tidak ada bendang. Tapi diizinkan menjadi kartel padi benih dengan dikuatiri manipulasi percampuran padi biasa dengan padi benih dalam pada tak tahu mana hala pergi ambil benih. Hingga bila mana diusahakan pak tani habis lup dengan berlambak jadi padi angin. Terkini kita tengok jadi fenomena keladi agas dan juga rumput sambau. Ini cerita keladi agas.

Ada orang kata mereka mai dengan air dan sebagainya. Sampai naik jadi fenomena pergi merata - rata tengok jadi keladi agas penuh berimbun dekat petak – petak bendang. Tapi yang heran kalau kata keladi agas, rumput sambau telah lah. Mai orang kata dengan air lah kata keladi agas ini. Yang herannya Sampai dekat bendang darat yang harap daripada natural daripada alami iaitu hujan sahaja pun tapi penuh keladi agas. Namun permasalahan ini langsung seakannya tak ada kepedulian dari pihak kementerian petani an akan segala kerugian dan terpaksa ditanggung pak tani.



Sampai ke hari ini bila dirujuk kepada pesawah bila kita tengok pada pesawah. Tiada tindakan konstruktif dari Agensi Jabatan Petani an dan MARDI untuk kaji berkenaan bahan aktif atau bahan perawih dalam menangani isu ini. Banyak rungutan YB. Tuan Speaker. Depa kata YB. Tuan Speaker, mereka dah ceruk layan, ceruk basah gan, glyphosate atau ametrine pun tak jadi apa YB. Tuan Speaker. Maka itu bab kualiti. Berbalik pada konteks varieti benih yang hasil padinya dari benih seragam. Masih rata – rata adalah sekitar 200 biji padi setangkai. Malah sehingga hari ini dalam pada faktanya Malaysia jika kita meninjau kewujudan MARDI sejak 1969. Hanya mempunyai kurang ataupun tak sampai 60 varieti benih padi ini. Yang mana dihasilkan dan digunakan meluas termasuk dari kesenamungan varieti tradisional Tinggalah kepada varieti moden Maaf varieti moden. Jumlah yang sangat kecil jika dibandingkan dengan negara-negara serantau jiran - jiran kita. Negara – negara jiran ni sampai dah ada ribuan varieti - varieti benih padi. Yang mana keterbatasan ini mencerminkan kelemahan dalam kepelbagaian genetik padi kita. Sekaligus meningkatkan kerentanan terhadap ancaman penyakit perubahan iklim dan turun naik pasaran. Sementara negara jiran lebih bersedia kerana kepelbagaian varieti yang luas memberikan mereka pilihan untuk menyesuaikan tanaman dengan pelbagai keadaan ekologi dan permintaan pengguna menjadikan sekuriti makanan mereka jauh lebih ampuh berbanding kita.

YB. Tuan Speaker. Sebelum saya lanjut suka untuk saya ambil peluang bagi terus membawa suara pesawah kerana masih ada lagi beberapa isu membelunggu nasib pesawah yang menunjukkan kegagalan kerajaan persekutuan. Yang pertama sekali Insentif Isu Membajak dan Menuai. Cerita insentif Insentif Isu Membajak dan Menuai ni, kita dah bawa pada sidang lepas. Masalahnya daripada 11 Jun 2024 diumumkan Pekeliling Kerajaan Persekutuan masuk pula dalam bajet sampai 11 Jun 2025 sampai ke hari ni dah 3 musim satu duit pun tak masuk. Yang kita herannya kata Kerajaan Persekutuan nak buat mereka tengah mengkaji mekanisme macam mana nak bayar Walhal RM100 untuk insentif membajak duk bagi membajak selama ni pun dah ada mekanisme dia. Tapi duk nak kaji mekanisme lagu mana lagi. Yang kita nak tanya ni ada duit ke tak ada duit. Kerana kita tengok dekat sini isu ni sampai 3 musim dan difahamkan pula kata 3 musim tak dapat mereka takkan backdated untuk nak bayar yang mana musim – musim yang lepas. Musim yang baru ni pula akan ikut pembayaran musim baru. Habis pak tani ni kena bohong.

Kalau masuk cerita yang kedua isu kedua, Elaun Tunggu Tuai. Elaun Tunggu Tuai ni RM600 yang kena bayar pada bulan 5 dan bulan 6 sebanyak RM600 yang memang dapat oleh pak tani ni. Nak tunggu orang kata nak penuaian. Cerita dia bulan 5 dan bulan 6 patut masuk duit sampai ke lani tak masuk Elaun Tunggu Tuai depa. Ni nak masuk pula untuk pembayaran seterusnya Elaun Tunggu Tuai dah habis mengerat setengah musim mengerat kita ni, Disember dengan Januari akan pula dapat sepatutnya Elaun Tunggu



Tuai. Kalau Elaun Tunggu Tuai ni tak masuk dia bertanggung lepas tu dengan Pak Tani lani tengah kena macam-macam kan dengan terpaksa meracun balik dengan keladi agas dan sebagainya duit dia keluar, duit dia keluar, hasil rendah input tinggi. Maka akhirnya apa nak jadi pak tani ni bulan Disember - Januari depa ada anak nak masuk sekolah nak kena beli baju barang – barang. Nasib baiklah ada Kerajaan Kedah Sejahtera ni yang bagi banyak sumbangan dan macam-macam kepada rakyat dari Kedah.

Baik seterusnya. Kita nak cakap juga tentang insurans YB. Tuan Speaker. Insurans ni dah janji ada juga yang masih orang tak dapat. Maka kita nak tanya lah ni ada duit ke tak yang sebenarnya kerajaan persekutuan ni. Bila berjanji macam-macam dekat pesawah kita. Yang punya banyak orang Kedah dan para pesawah mahupun orang susah ni duk kena bohong dengan kerajaan pesekutuan itu pun ada lagi yang tak ketahuan. Nak honggaq. Honggaq benda apa tak tau.

Justeru di kesempatan ini juga mewakili pesawah dalam kawasan jelapang antara yang terluas dalam negeri Kedah mahupun Malaysia setinggi-tinggi perhargaan Kota Siputeh menzahirkan mewakili pesawah kawasan maupun para pesawah negeri kepada yang YAB. Dato' Seri Menteri Besar Kedah, Yang Amat Berhormat Jeneri dan juga yang terhormat Exco Petani an Negeri Kedah, Yang Berhormat Suka Menanti.

Kerana sedaya upaya berjuang mempertahankan hak pesawah negeri Kedah dalam pada tekad untuk dapat kita mengurus hitung nasib petani an agar diberi lebih autonomi bab pengurusan hasil padi beras kepada negeri serta atas pelbagai usaha pihak negeri dalam membela nasib petani dengan bermacam inisiatif dan program demi memastikan kelestarian sektor petani an khususnya industri padi Negeri Kedah.

YB. Tuan Speaker. Berbalik kepada tekad usul ternyata sektor padi negeri kita sedang menghadapi cabaran besar. Pesawah terlalu bergantung Kepada beberapa varieti commercial yang seragam. Kebergantungan ini menjadikan mereka mudah terdedah kepada penyakit perubahan iklim yang semakin tidak menentu dan ketidakstabilan hasil pada masa yang sama warisan benih tempatan hasil titik peluh nenek moyang dan kearifan tempatan rakyat Kedah semakin terpinggir.

YB. Tuan Speaker. Bagi menjawab cabaran ini Kita perlu melakukan anjakan paradigma. Salah satu pendekatan yang terbukti di peringkat antarabangsa ialah Pembiakbakaan Tanaman Oleh Komuniti iaitu Participatory Plant Breeding. Komuniti orang – orang pesawah pak tani kita dalam kawasan sendiri yang tanam. Maka kaedah ini meletakkan pesawah bukan sekadar pengguna tetapi sebagai rakan setara dalam inovasi. Mereka dilibatkan sejak awal memilih benih, menilai sifat tanaman dan membangunkan varieti baru yang sesuai dengan tanah dan iklim setempat.



Malangnya budaya ini telah semakin lenyap bila mana pengawalannya melampau dan mengarus keuntungan kartel maupun cukong – cukong sehingga pesawah seakannya lebih terdidik menjadi hamba dari bebas merdeka menjadi inovator yang seharuhnya berdiri membangun pertiwi. Pengalaman dari China India, Filipina Thailand dan Bangladesh sebagai contoh membuktikan pendekatan ini mampu melahirkan ribuan varieti unik dengan ciri khusus dan mapan. Ada yang tahan kemarau, ada yang tahan banjir malah ada yang mempunyai rasa dan tekstur istimewa yang bernilai di pasaran.

YB. Tuan Speaker. Saya izin tunjuk ini contohnya pengalaman, perkongsian kita ada, kita punya sahabat-sahabat rakan-rakan, pesawah dan sebagainya, yang mana turun pengalaman di Filipina, mereka tengok sendiri pengalaman di Indonesia. Kita ada pengalaman juga rakan-rakan kita yang pergi ke China. Yang mana mereka ni, petani-petani sendiri di kawasan, di lapangan yang menjadi support sistem kepada kerajaan. Kalau kita tengok macam saya katakan tadi kita di kawasan, pesawah-pesawah kita ni hanya ada, di Malaysia ni hanya ada 60 varieti. Tapi negara lain dah sampai ribuan varieti. Inilah pendekatan yang ingin kita bawa ke Kedah yang seharusnya dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Petani an demi memerdekakan dan memajukan petani. Bukanlah melahirkan Kelompok pesawah mahupun petani yang tertawan mindanya dalam cengkaman tingkah pemikiran kapitalis tanpa usaha giat dalam membangunkan inovasi serta mengakar kearifan tempatan. Melahirkan satu varieti benih padi bukanlah proses yang mudah atau singkat

YB. Tuan Speaker. Kalau kita nak tengok sebenarnya YB. Tuan Speaker. Proses untuk kita nak buat benih ni dia berulang-ulang. Dia tak boleh sekali, dua, tiga, empat, lima musim tiba-tiba terus ada hasil. Ada yang yang lazimnya kita nak dapatkan benih ni kena ada sampai 10 kali proses penanaman. Bila kita test, kita plot sebab kita nak pastikan bahawa resam, resmi tanah tu dia urayan, mikroorganisme dia orang kata bercampak dia memerlukan tindak orang kata pemerhatian saintifik dengan juga orang kata pengetahuan penilaian, petua segalanya ini yang perlu saling kait sebab kita tahu benih yang benar-benar mapan lahir daripada keseimbangan antara potensi genetik dengan sifat tanah yang unik.

Tanah yang berbeza akan bagi respon yang berbeza kepada varieti yang sama. Ia mesti diuji berulang kali melalui penyelangan genetik pemerhatian lapangan dan penilaian ciri-ciri penting seperti ketahanan terhadap penyakit keupayaan menyesuaikan diri dengan cuaca yang berubah-ubah serta kestabilan hasil dari musim ke musim. Kita nak kalau boleh padi kita hasil dia benih tu padi tu contohnya dia rendah-rendah rendang ja. Bila main angin ribut taufan ni dia tak jadi rebah, kita tak mahu ada kualiti jadi padi angin dan sebagainya itu sebagai contoh.



Proses ini lazimnya tuntutan sekurang-kurangnya 10 musim penanaman. Ada kalanya sampai 10 tahun dan perlu ingatkan inilah yang usaha yang sedang digiatkan di Kedah melalui inisiatif EXCO Petani an Yang Berhormat Suka Menanti yang bekerjasama dengan Kapten Zakaria dari Lembah Organik Kampung Lintang Sik yang telah berjaya menghasilkan varieti dengan potensi luar biasa. Antara 500 hingga 700 biji padi pada satu batang hebat, itu yang kita mahu. YB. Tuan Speaker.

#### **YB. TUAN SPEAKER**

3 minit lagi YB. Kota Siputeh.

#### **YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR**

Ada kena ada masa sikit sebab ada isu yang besar macam mana Yang Berhormat Jitra habaq tadi dia ada satu isu besar yang terkait dengan ni. Kita nak tunjuk contoh YB. Tuan Speaker.

#### **YB. TUAN SPEAKER**

Ringkaskan.

#### **YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR**

Baik. Di Bangladesh orang ni Nur Muhammad dia tak mengaji tinggi pun. Di Bangladesh, Nur Muhammad tak mengaji tinggi. Dia orang yang mengaji sampai orang kata darjah lima lah darjah lima sahaja. Tapi akhirnya dia jadi macam ibaratnya saintis. Orang kata bila dia nak saintis tu macam uish takutnya nak kena jadi saintis. Tapi bukan lagu tu sebenarnya YB. Tuan Speaker. Kita sebenarnya semua ada pengalaman, mereka tahu apa yang mereka lakukan, tapi kita perlu untuk menggalakkan inovasi daripada mereka boleh tambah lagi kewangan mereka. Maka melahirkan pesawah yang mandiri dan inovatif di seluruh Kedah adalah iltizam kita. Justaru Kota Seputih mencadangkan agar kerajaan Negeri Kedah menerajui dan membayari satu program rintis, Pembiak Bakaan Tanaman Padi Oleh Komuniti (PPB) yang boleh dikenali sebagai Padi Sejahtera Kedah atau PASAK yang mencontohi semangat Kapten Zakaria, pesawah yang berjaya membangunkan varieti benih komuniti sendiri.

PASAK boleh dilaksanakan melalui kerjasama strategik antara Pesawah, Lembaga Kemajuan Petani an Muda (MADA), Institut Pendidikan Dan Kemajuan Petani an Malaysia (Mardi), Universiti Tempatan, NGO dan Koperasi Peladang.



Matlamatnya bukan untuk menggantikan sistem petani an sedia ada tapi untuk melengkapinya dengan pembiakan varieti baru yang diuji dan dibangunkan terus di lokaliti pesawah sekaligus meningkatkan hasil setiap pulangan melalui benih kualiti. Maka struktur PASAK ni boleh ada yang mana YAB. Dato' Seri Menteri Besar akan jadi pemimpinnya dan dipengerusikan oleh EXCO petani an dengan perlibatan agensi universiti NGO NGI. Tapi dengan kita libatkan Kluster Pesawah dalam 10-20 orang di setiap kawasan, yang paling penting kita kena ada Bank Benih Komuniti Padi Sejahtera Kedah (PASAK), kita kena ada bank benih kita sendiri, yang mana diwujudkan sebagai komponen utama bagi Simpanan Pemilihan Dan Pengkongsian Benih Secara Sistematik. Saya langkau lagi YB. Tuan Speaker. Yang mana daripada itu bila kita ada bank benih ni kita ada benih yang serasi lokaliti untuk tidak bergantung pada benih seragam yang rendah pulangan dalam pada mencapai hasil optimum, yang kita nak capai sekurangnya 500 biji padi setangkai, dengan daya tahan tinggi terhadap perubahan iklim dan penyakit.

Penutupnya YB. Tuan Speaker, ini penting, ini yang penting masuk.

Yang berhormat Tuan Speaker. Ancaman pindaan PMVP 2004 dan UPOV UPOV 1991. Kejayaan Program Paksi atau Program Pembiak Bakaan Tanaman Padi Oleh Komuniti ini bergantung kepada kerangka undang-undang yang melindungi Hak petani.

Disinilah timbul persoalan besar. Bila mana Kerajaan Pesekutuan melalui Kementerian Petani an dari peruntusan menteri bertarikh 28 Jun 2025 secara jelas, bercadang untuk meminda Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 yang dah difahamkan agar selari dengan Konvensyen UPOV 1991. Walhal PMVP 2004 sedia ada, sebenarnya dah cukup baik yang melindungi kepentingan awam para petani. Namun pindaan mengikut UPOV 1991 dalam tekad untuk meratifikasinya akan bagi kesan besar kepada nasib petani mahupun pesawah dalam negara. Isu yang sedang kita bahas hari ini bukan soal teknikal undang-undang benih semata. Ia menyentuh soal kedaulatan negara apabila ada langkah supaya Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 atau PMVP 2004 dipinda agar selari dengan perjanjian UPOV 1991. Kita sebenarnya sedang bicara tentang sama ada hak rakyat Kedah kita ni akan terus kekal atau diserahkan kepada kuasa luar.

Undang-undang Yang setiap ada iaitu PMVP 2004 hakikatnya sudah menzahirkan roh keadilan kepada petani yang jika perlu ditambah baik sewajarnya beri lebih kebebasan kepada petani. Tapi PMVP 2004 sekurangnya mengintiraf hak-hak asas petani kita. Petani boleh simpan benih.



Mereka boleh guna semula. Mereka boleh berkongsi sesama mereka. Malah dapat menjual benih secara kecilan untuk bantu tambah lagi sumber pendapatan kesan daripada kenaikan harga barang. Undang – undang ini Juga mewajibkan keizinan komuniti jika sumber biologi atau pengetahuan Tradisi digunakan.

Malah kerajaan ada kuasa untuk mengawal harga benih dan mengeluarkan lesen wajib jika ada monopoli atau kekurangan bekalan. Tapi semua itu akan terhapus jika kita tunduk kepada kehendak UPOV 1991. Hak petani untuk tukar benih takkan lagi diiktiraf. Kuasa kerajaan untuk memastikan harga munasabah akan dipersoalkan. Keizinan Komuniti tidak lagi menjadi syarat sebaliknya, kuasa besar diberikan kepada syarikat benih rangkaian antarabangsa untuk menguasai bukan sahaja benih, tapi hasil tuaian oleh varieti terbitan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya tutup. Implikasi ini sebenarnya sangat serius. Ini adalah pekeliling pengumuman daripada Yang Berhormat Menteri. Implikasi dia serius bila petani tidak lagi bebas dengan benih mereka, bila komuniti hilang menentukan penggunaan sumber dan bila kerajaan hilang kuasa campur tangan bagi kepentingan awam, maka keselamatan makanan negara ini akan semakin rapuh. Kita bukan sahaja akan bergantung kepada benih asing tapi juga kepada syarikat luar untuk menentukan bekalan harga kita.

Tapi Yang Berhormat Tuan Speaker untuk nak fahamkan ini, kena tahu bahawa negara -negara luar yang tandatangan CPTPP ini juga. Yang tandatangan UPOV ini juga. Sebenarnya mereka tak tunduk kepada UPOV ini. Negara seperti India Negara Thailand, Indonesia yang memang tegas dengan ancaman luar. Tapi yang contohnya CPTPP di bawah Filipina dan Brunei Mereka tak tunduk kepada UPOV walaupun sedangkan mereka sejak 2 tahun lepas sepatutnya dah ratifikasi UPOV. Tapi tampaknya tiada tindakan ke arah itu. Lantaran bagi signal jelas tidak akan tunduk kepada gasaan ini. Yang Malaysia Boleh juga memilih jalan yang sama. Jika kita benar-benar meletakkan kepentingan rakyat di depan sebegitu soal kedalatan dan maruah negara. Jika kita akur kepada UPOV tanpa kritis. Kita akan menggadaikan hak petani. Menjejaskan biodiversiti aan merisikokan masa depan keselamatan makanan negara.

Justeru saya tegaskan di dewan ini. Undang-undang kita mesti kekal berpihak kepada rakyat. Bukan kepada kuasa luar jangan sampai kerana UPOV salah satu kedaulatan negara ini tergadai di tangan syarikat antarabangsa. Usul ini adalah soal hak rakyat untuk menentukan masa depan keselamatan makanan mereka sendiri dengan mengangkat Projek Pembakaan Komuniti Padi Sujahtera Kedah Atau PASAK ini. Kita bukan sahaja melahirkan varieti baru tapi juga melahirkan keyakinan bahawa rakyat sendiri mampu mencipta inovasi.



Dengan menolak Pindaan PNVP 2004 yang menekan kita bukan sahaja mempertahankan petani tapi juga mempertahankan Kedaulatan negeri dan negara.

Oleh itu, pertahanan yang menolak pindaan PNVP 2004 adalah syarat asas untuk menjayakan projek PASAK dalam pada memastikan pesawah Kedah terus berdaulat. Maka dengan penuh tanggungjawab saya terut mengusulkan bahawa :-

1. Dewan ini menegaskan bahawa kejayaan PASAK bergantung pada pelaksanaan Akta PNVP 2004 yang sedia ada yang menjamin hak petani.
2. Dewan ini menolak sebarang usaha tergesa-gesa untuk memindah PNVP 2004 selaras UPOV 101. Kerana ia akan menjejaskan hak pesawat melemahkan kearifan tempatan serta membuka monopoli syarikat asing kata benih dan keringat rakyat Kedah.
3. Dewan ini merayu dan menyeru Kerajaan Persekutuan untuk mengadakan konsultasi menyeluruh dengan petani, NGO Akademik dan pihak kerajaan negeri sendiri sebelum sebarang pindaan dibentangkan.

Ada pula tak hormat langsung kita pemegang taruh dalam kawasan ni. Macam Yang Berhormat EXCO takda muka. Macam YAB. Dato' Seri Menteri Besar kita takda muka. Dewan ini menegaskan pendirian bahawa kedaulatan benih adalah kedaulatan makanan negeri dan negara dan inisiatif PASAK ini adalah manifestasi nyata untuk mempertahankannya. Ini bermakna jika pindaan ini diteruskan, program seperti Pembiak Bakaan Benih Komuniti yang diusulkan akan lumpuh sebelum bermula. Sebegitu segala inisiatif YAB. Dato' Seri Menteri Besar dan Yang Berhormat EXCO akan menjadi buntu. Apa Yang Berhormat EXCO buat, habis semua kena kacau. Bank benih komuniti akan terbatal fungsinya varieti baru hasil kearifan dan jiwa mandiri yang seharusnya dibugar ke atas pesawah Kedah berisiko dikunci haknya oleh syarikat asing.

Dari itu, marilah kita bersama menyokong usul ini demi masa depan pesawah, demi maruah Kedah dan demi Kedaulatan Makanan Malaysia. Sekian, saya mohon bercadangkan usul.

#### **YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih YB. Kota Siputeh. Dia punya landing panjang landasan dia tu. Seterusnya dipersilakan YB. Anak Bukit.



## **YB. ENCIK RASHIDI BIN RAZAK**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Ahli – ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Seri Kerajaan Negeri. Yang Berhormat Dato' Wira Pegawai Kewangan. Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang. Datuk-Datuk, Pengarah-Pengarah, Ketua-Ketua Jabatan, Tuan – Tuan Puan – Puan Yang saya hormati sekalian.

Izinkan saya terlebih dahulu merakamkan perhormatan Yang Berhormat Tuan Speaker serta segenap Ahli Dewan yang mulia ini. Negeri Kedah Sejak sekian lama dikenali sebagai Jelapang Padi Negara dan gelaran ini adalah amat besar kepada kita. Tanggungjawab kita bukan sahaja menjaga tahap pengeluaran tetapi juga memastikan kedaulatan benih serta kepelbagaian varieti padi terus terpihara. Hal ini bukanlah perkara kecil kerana isu benih padi secara langsung berkait rapat dengan keselamatan makanan negara yang menjadi nadi kelangsungan hidup rakyat.

Yang terhormat Tuan Speaker. Dalam isu benih padi saya ingin menegaskan bahawa Program Pembiakkan Tanaman Padi Oleh Komuniti mesti digerakkan dengan lebih serius. Petani perlu dilibatkan secara langsung kerana mereka lah yang paling memahami keadaan sawah dan cabaran sebenar di lapangan. Kita juga perlu sedar bahawa tanah di Kedah tidak sama antara satu daerah dengan daerah yang lain. Tanah di Pendang, Yan dan di Kulau Kedah mempunyai ciri-ciri yang berbeza. Justeru itu varieti padi yang ditanam juga mestilah disesuaikan dengan lokaliti masing-masing. Contoh tanah di Pendang tak sama dengan tanah di Jerlun. Tanah di Kota Siputeh tak sama dengan tanah di Anak Bukit. Tanah Anak Bukit ni kerap banjir. Tanah Siputeh tinggi. Dia tak sama. Jadi hat ini kita minta supaya dikaji balik tanah-tanah ni bersesuaian dengan varieti atau padi yang ditanam. Dekat saja kita nampak dah perbezaan tanah yang ada dalam ni Kedah.

Dahulu Kedah cukup terkenal dengan jenama Padi Mahsuri yang menjadi kebanggaan negeri dan simbol identiti kita sebagai Jelapang Padi Negara. Kenapa kita tidak wujudkan semula jenama ini agar ia menjadi lambang kehebatan dan imej Kedah di persada nasional. Saya ingat dulu lagi waktu kecil. Waktu zaman menanam padi waktu tu duduk kita duduk apa ni kaedah semai. Orang – orang petani daripada Selatan Thailand sanggup ambil benih Padi Mahsuri tu bawa balik pergi ke sana. Sebab apa? Sebab Padi Mahsuri pada waktu tu dengan cukup elok dengan lembut dan wangi. Itulah diantara sebagai salah satu kebanggaan Negeri Kedah pada waktu tu. Kerana kita boleh melahirkan padi bernama Mahsuri.



Sejarah tu ada tahun 1970-an. Kita harus akui bahawa Negara jiran kita seperti Vietnam, Indonesia, dan juga Thailand. Telah mendahului kita dalam kepergayaan benih padi. Mereka menghasilkan varieti yang lebih tahap lasak lebih produktif dan sesuai dengan pelbagai jenis tanah. Malah ada varieti luar negara yang mampu menghasilkan setangkai 400 hingga 500 biji benih.

Berbanding dengan kita yang masih bergantung pada varieti yang hanya mampu menghasilkan 200 hingga 500 biji saja setangkai. Yang Berhormat Tuan Speaker. Cuba kita bayangkan kalau kita tanya Pak Tani. Pak Tani ni nak tanam padi bila dia nak pilih benih. Pada waktu tu dia boleh pilih-pilih yang mana sama ada dia pilih benih satu tangkai yang menghasilkan padi ada 200 biji ataupun satu tangkai padi yang menghasilkan 400 hingga 500 biji. Mesti Pak Tani dia pilih yang banyak sebab yang tu adalah menghasilkan pendapatan dia. Tapi sekarang ni berbeza antara kita dengan negara – negara jiran. Negara jiran dia boleh mengeluarkan varieti satu tangkai tu 400 hingga 500 biji padi. Tapi kita ni masih lagi tekat satu tangkai padi dalam 200 hingga 250 biji. Dalam 200 biji tu pun kalau kita tengok padi tu dia boleh memberi impak kepada 40% kepada Negara Malaysia. Tapi kalau kata padi satu tangkai padi tu boleh pergi sampai 400 hingga 800 biji. Maksud kata dia boleh menambah lagi makanan kepada 80% di peringkat negara.

Ini diantara beza satu tangkai padi yang diperjuangkan oleh pak-pak tani satu tangkai padi 200 biji dengan satu tangkai padi yang berada di luar negara 400 hingga 500 biji. Ni beza, bahasa mudahnya kita nak bagitahu. Kalau kita berani mencuba dan memperkenalkan varieti baru yang lebih produktif. Saya yakin Kedah boleh meningkatkan sumbangan Padi Negara sehingga 80%. Dan tidak lagi terlalu bergantung kepada hanya beberapa varieti sahaja yang ada pada sekarang ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker. Hari ini kita berdepan dengan masalah serius dalam pengeluaran benih padi. Masalah Padi Angin. Masalah Terbunga Sambau. Dan juga serangan Keladi Agas. Semuanya semakin merisaukan lebih – lebih merisaukan bahawa kemungkinan benih – benih ni turut membawa masalah yang menjejaskan hasil Pak Tani. Tanam – tanam, tabur - tabur padi tiba-tiba naik Keladi Agas. Bila Keladi Agas ni salah satu dia Pak Tani terpaksa bawa keluar modal yang cukup banyak nak beli racun. Bukan kata sikit. Dah la pendapatan dapat sikit. Tiba-tiba kita kena bawa keluar pulak duit racun tu terlampau banyak. Sebab apa? Mai mana Keladi Agas ni. Ini diantara persoalan yang ditimbulkan oleh Pak Tani - Pak Tani ni tentang benih-benih padi yang ada pada sekarang ni. Malah kita khuatir. Jika ada kilang pengeluaran benih padi menghasilkan benih yang bercampur baur dengan benih asing yang akhirnya menurunkan kualiti pengeluaran dan merugikan pesawah. Sebab itu saya cadangkan agar kita wujudkan Bank Benih Padi di setiap daerah supaya benih padi dapat dipantau dipelihara dan di kawalselia dengan lebih teliti.



Kuasa untuk menguruskan benih ini sepatutnya kita berikan kepada pertubuhan peladang kawasan. Sebab mereka yang mengetahui jumlah bendang dan jumlah Pak Tani. Bukan semata-mata bergantung kepada syarikat besar diserahkan. Pada masa yang sama semua program benih perlu diperluaskan supaya kita dapat melahirkan lebih ramai usahawan bumiputera yang mampu menghasilkan benih berkualiti dengan potensi yang cukup besar. Saya mohon agar Kerajaan Persekutuan diberi kebebasan untuk membangunkan industri padi sendiri. Kedah sebagai Jelapang Padi Negara. Perlu diberi peluang dan kuasa yang lebih luas untuk memastikan kualiti benih dan pengeluaran padi dapat dikawal daripada peringkat akar umbi.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sejak dari zaman kita merdeka sehingga kini Malaysia hanya boleh mengeluarkan tidak sampai 60 varieti padi. Sedangkan negara-negara lain sudah mempunyai beratus-ratus varieti yang lebih maju dan berdaya saing. Kita lihat di Vietnam sejak tamatnya Perang Amerika Vietnam selepas tahun 1986 industri padi mereka berkembang dengan pesat sehingga kini mampu menandingi kuasa-kuasa besar dalam industri padi dunia. Begitu juga di Indonesia. Walaupun negara itu berdepan kemelesetan ekonomi tahun 1998, ia tidak menjadi penghalang untuk mereka terus mara dan menandingi dalam industri padi antarabangsa.

Dewan Yang Mulia ini, di sana, di Indonesia, di Vietnam, di Thailand. Kalau kita tengok satu tangkai padi melebihi 400 hingga 700 biji padi. Itu teknologi yang diperbuat sekarang ni. Kita ketinggalan banyak ke belakang. Sebab itulah kalau tengok dulu Vietnam ni satu negaranya susah. Tapi selepas Perang Amerika mereka bangun. Bagaimana sekarang ni sebagai pengeksport padi yang terbesar. Pengeksport beras yang terbesar dalam ASEAN. Hat ni kita nak tengok. Kita nak kena belajar tentang kebolehan dan juga kecerdekan yang ada di peringkat Vietnam tu sendiri. Sebaliknya benih padi Malaysia masih terlalu bergantung kepada beberapa agensi dan badan tertentu sahaja. Sudah tiba masanya kita memberi lebih kebebasan kepada Pak Tani untuk menentukan Siliverity Padi yang sesuai berdasarkan pengalaman dan keadaan tanah mereka. Pada masa sama, Kerajaan Persekutuan sepharusnya memberi pengeiktirafan kepada Pak Tani yang berinovasi dalam menghasilkan benih atau kaedah penanaman baharu. Tanpa langkah ni kita harus kita akan terus ketinggalan. Sedangkan dunia sudah melangkah jauh ke hadapan. Hakikatnya, Malaysia berada terlalu jauh di belakang dalam aspek inovasi padi.

## **YB. TUAN SPEAKER**

Panjang lagi YB.? Sila landing.



## **YB. ENCIK RASHIDI BIN RAZAK**

Pak Tani la ni orang cerdik. Bukannya zaman dulu. Mereka dah nampak dunia luar. Maklumat semua dihujung jari. Mereka dah ada Group whatsapp. Di tempat saya tu, umur 75 tahun ada tiktok. Dia boleh tengok tiktok tu tentang padi yang ada di Indonesia dan juga di Filipina. Umur 75 tahun, tiktok. Tambah pulak dia tengok tiktok tu, nama dia dengar Muhamad Sanusi Mohd Noor. Lagi dia syok. 75 Tahun di Kampung Tuk Pulau. Jadi pada waktu ni kita tengok maklumat ni semua dah di hunjung jari. Depa tahu dah keadaan padi sekarang ni.

YB. Tuan Speaker. Kita juga perlu meneliti semula aspek undang-undang yang berkaitan dengan benih padi. Saya cadangkan supaya dikaji semula Akta Pelindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 (Akta 634) yang terlalu mengikat dan membebankan petani. Akta ini seharusnya memberi ruang supaya pesawah kita bebas memilih dan bereksperimen dengan varieti padi yang sesuai dengan tanah mereka. Jangan sampai undang-undang menjadi penghalang kepada mereka untuk mencuba sesuatu yang boleh meningkatkan hasil pendapatan. Karenah barokrasi dan Prosedur Operasi Standard (SOP) menyukarkan di semua peringkat harus dipermudahkan agar hasil padi negara dapat dipertingkatkan. Benih padi ini bukan sekadar soal perundangan tetapi ia juga menyentuh soal kebebasan petani untuk berinovasi dan meningkatkan produktiviti.

Seperti pepatah orang-orang lama. “Orang Yang Ada Ilmu Secupak Tidak Sama Dengan Orang Yang Ada Pengalaman Segantang”. Bermaksud kata pengalaman petani di sawah jauh lebih berharga dan itulah yang sepatutnya kita raikan melalui dasar yang lebih fleksibel dan mesra pesawah.

Yang Berhormat Tuan Speaker. Kalau kita lihat sendiri di negara kita. Kita lihat di Sabah. Mereka sudah ada lembaga padi dan beras Sabah. Maka timbul persoalan kenapa tidak Kedah juga mempunyai lembaga padi dan beras Kedah sendiri. Ini bukan sekadar soal pentadbiran tetapi soal maruah negeri Kedah yang mula menanam padi di tanah air ini mesti ada naratif idea sendiri dengan Padi Mahsuri dijadikan simbol jenama negeri.

Yang Berhormat Tuan Speaker. Jika kita mahu Kedah terus kekal sebagai jalapang padi negara Kita mesti berani mengubah cara fikir kita tentang benih. Jadi soal kawalan perundangan, kebebasan petani memilih varieti hinggalah kepada naratif kenegerian hinggalah kawalan makanan semua adalah asas penting untuk kelangsungan keselamatan makanan negara.

Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya menyokong penuh usul ini. Wallahualam Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.



**YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih YB. Anak Bukit. Seterusnya saya menjemput kepada pihak pembangkang sekiranya yang ada. Silakan YB. Sidam.

**YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK**

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Salam Sejahtera. Salam Malaysia Madani. Yang Berhormat Tuan Speaker. Timbalan Tuan Speaker. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ketua-ketua Jabatan, Tuan-tuan dan Puan - puan hadirin dan juga yang kita raikan, Pemerhati dari dua kawasan yang hadir pada pagi ini.

YB. Tuan Speaker, Saya tak ada teks, saya nak goreng – goreng ja.

**YB. TUAN SPEAKER**

Boleh Jangan goreng lama ja.

**YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK**

Okay baik, terima kasih. Kami bagi pihak pembangkang saya rasa kita pun tidak ada halangan ataupun membangkang apa usul yang dikotakan, dibangkitkan oleh YB. Kota Siputeh. Tetapi daripada pengalaman-pengalaman yang ada saya rasa kita memerlukan beberapa kajian dan sebagainya. Jika YB. Kota Siputeh dan juga tadi YB. Anak Bukit dapat memberikan info-info ataupun cara-cara macam mana hendak memperbaiki pendapatan petani, saya rasa kami pun juga mempunyai tujuan yang sama dalam hal-hal berkaitan. Cumanya. Apakah persoalan yang akan timbul ialah adakah kita dah bersedia? Adakah petani kita dah bersedia untuk ke arah itu? Adakah petani juga mempunyai kesanggupan untuk mendapatkan membuat kajian untuk mendapatkan varieti-varieti yang paling sesuai dalam kawasan masing-masing? Adakah petani juga ada kemampuan untuk melakukannya walaupun melakukannya sedangkan ia memerlukan kajian dan ia memerlukan pengumpulan bahan-bahan genetik untuk mendapatkan varieti yang terbaik termasuk dengan keupayaan petani-petani dan juga dana-dana? Adakah kerajaan sanggup untuk mengeluarkan dana untuk tujuan itu.



Selain daripada itu adakah juga petani sanggup mengorbankan tanah mereka untuk ujian dalam yang mana yang seperti dikatakan oleh YB. Kota Siputeh itu memerlukan masa sehingga lebih kurang 10 tahun daripada 1 tahun Sampai 10 tahun. Kajian. Jadi adakah petani kita sanggup untuk mengorbankan tanah itu untuk tujuan-tujuan analisis tujuan ujian dan sebagainya. Jika keadaan berjaya bagus kita pun kata bagus sebab apa sekali saja uji petani dah dapat hasil yang baik. Tetapi Jika sekali tak berjaya dua kali tak berjaya tiga kali tak berjaya, adakah kos itu akan ditanggung oleh petani-petani itu sendiri. Jadi ini perlu kita lihat juga sebab apa keresahan ataupun kerugian yang dialami oleh petani itu kita pun tak jangka akan berlaku atau tidak. Terbaik kalau kita dapat varieti yang terbaik dan sesuai untuk kawasan itu sesuai untuk tanah di kawasan itu maknanya satu keuntungan untuk petani tetapi kita tidak dapat menjangka bahawa adakah varieti itu sesuai sebab memerlukan kajian-kajian dan juga ujian-ujian yang beberapa kali untuk kita dapatkan varieti yang terbaik untuk kawasan itu.

Tuan-tuan dan puan-puan dan juga Ahli Yang Berhormat. Tadi disebutkan juga bahawa peningkatan padi angin, rumpai yang banyak itu termasuk dengan keladi agas memang memberi memberi cabaran kepada petani-petani. Adakah kita memerlukan varieti yang terbaik untuk menghadapi serangan keladi agas tadi?

Jadi saya lebih kepada, saya berpetani sebelum ini, sebelum ini pun saya petani. Jadi saya lebih suka kepada jika kita mencari satu penyelesaian lain daripada itu, selain daripada mendapatkan varieti padi, kita kena galakkan petani – petani ini mengubah cara daripada semaian kepada maksud saya daripada taburan kepada tanaman. Maksud saya taburan ini kita tabur sekali bersama-sama dengan kenaikan rumput. Tetapi dalam sistem yang digunakan dulu, kita gunakan sistem tanaman kita. Semaian dulu, lepas itu biar padi itu dah berumur 40 hari dan selepas itu, baru kita tanam. Jadi peningkatan rumput dengan padi tak sama, rumput akan naik perlahan, sebab apa? Padi dah umur 45 hari.

Jadi ini saya rasa lebih kepada cara – cara untuk membantu petani untuk menghadapi kaladi agas dan juga apa itu siput gondang emas. Jadi inilah yang saya rasa lebih kita perlu beri perhatian untuk membantu petani – petani ini. Untuk satu pengalaman yang kita boleh kongsi ialah apabila kita tabur menggunakan sistem tabur ini dia akan naik sekali dengan rumput dan juga dia akan tewas dengan siput gondang emas. Siput gondang emas akan memakan pucuk – pucuk yang baru naik itu dan menyebabkan petani akan lebih banyak mendapat kerugian daripada sistem tanaman. Jadi saya rasa kita kena gunakan satu lagi cara, gunakan balik berselang – seli iaitu mungkin beberapa musim kepada cara taburan dan beberapa musim kepada cara tanaman. Saya rasa ini lebih dapat memberi keuntungan dan juga kebaikan kepada petani.



Yang Berhormat Tuan Speaker, lagi satu saya rasa kajian – kajian yang perlu dilakukan seperti yang dicadangkan oleh YB. Kota Siputeh ialah kajian untuk mendapatkan varieti yang terbaik. Padi ini dia ada banyak varieti. Sebagai contoh Padi Kebal hanya memasak 100 hari untuk matang untuk masak. Padi 297, Padi 219 Dan Padi 330 memasak lebih kurang 120 hari. Jadi ini akan datangkan masalah juga kepada petani – petani jika kajian-kajian tidak dilakukan dengan betul. Sebab apa? Dalam jika petani ini tidak seragam maksud saya tadi yang kita kata benih seragam. Benih seragam itu adalah untuk mendapatkan tempoh masak yang sekali, sekaligus supaya tidak ada petani yang dah masak, ada petani lagi ada tanaman lagi yang belum masak. Jadi ini menyukarkan kepada mereka apabila mesin untuk dapatkan padi itu, nak kena masuk ke dalam bahagian dalam sana, sana dah masak tapi di tepi-tepi jalan ni belum masak.

Jadi ini perlu kajian dan juga pemerhatian sangat-sangat teliti sebelum kita melakukan apa-apa varieti sebelum kita meluluskan apa-apa varieti.

#### **YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR**

Izinkan

#### **YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK**

Silakan

#### **YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR**

Terima kasih sahabat YB. Sidam yang mana saya di sini ingin beri respon. Saya setuju dengan apa yang dinyatakan, tapi di sini yang kita nak nyatakan di sini, yang pertama sekali adalah kita kena faham dalam konteks varieti dan juga kualiti. Daripada segi sudut varieti, varieti dekat sini, hasilnya sekarang ni daripada Benih MGUI, Benih MGUI ni ataupun benih seragam ni, memang 200. Kita cakap tentang inovasi kemajuan petani an. Dulu Malaysia kita pernah duduk yang paling leading dalam petani an. Sekarang ni kita yang paling bottom. Jadinya kita cakap, apa Inisiatif dan inovasi sejauh mana untuk kita nak tingkatkan. Bila kita duduk di bawah UPOF, kita akan kekal hak petani an tu dah tak bebas, kita akan kekal dengan hasil 200 biji satu tangkai ni juga. Tapi, dengan kualiti pula. Itu tadi varieti, dengan kualiti pula yang ada pada padi angin, mai dengan macam-macam penyakit. Bila bercakap tentang apa yang YB. Sidam nyatakan sebentar tadi, adalah berkenaan dengan kajian. Kajian ada siapa yang duk buat dan sebagainya, memang ada tu yang kita sebut tadi Kapten Zakaria tu.



Contoh yang dah ada, yang Kapten Zakaria di Belantek, di Sik tu. Dia dah bangunkan sehingga 500, dia boleh hasilkan sampai 500 ke 700 biji dan ada padi, padinya padi organik, ada tekstur, dengan rasa dengan kepelbagaian, varieti yang ada.

Ini yang kita nak *transfer the knowledge* tu dan kita nak pastikan supaya setiap kita akan mendirikan setiap kawasan dengan budaya yang sama. Tapi sekaligus, saya nak nyatakan disini, ini akan mengekang kita untuk kita inovasi dan maju, sekiranya ada undang-undang yang menyekat hak petani, sekiranya Akta PNVP tu, 2004 tu di, orang kata dipinda, malah selari dengan UPOV. Tapi kita takkan melahirkan orang kata petani-petani yang inovasi, yang mandiri, dan itu yang tak sepatutnya kita buat, itu yang untuk makluman.

#### **YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK**

Terima kasih YB. Kota Siputeh. Saya rasa seperti yang YB. Kota Siputeh kata kajian-kajian tadi ni yang boleh mendapatkan dari 500 hingga 700 biji. Ya, terbaik itu memang terbaik, tetapi adakah ia sesuai dengan beberapa kawasan lah. Jadi ini lebih, mesti ada lagi kajiannya. Adakah apabila tangkai yang besar, adakah kajian yang kita kena buat ialah, adakah pokok itu tahan, dengan keberatan itu. Jadi, betul-betul seperti kata, memang kajiannya juga bermacam-macam yang kita perlu adakan. Selain benda itu, kajian banyak lagi kajian yang perlu diambil kira-kira lah, perlu diambil kira untuk mendapatkan varieti yang baru ni. Sebagai contoh, YB. Tuan Speaker. Adakah kita boleh sediakan varieti-varieti yang mempunyai peratus pencambahan dan juga kadar pencambahan? Maksud saya adalah, peratus pencambahan ialah apabila dapat sampai 10 kg benih berapa peratus yang akan bercambah? Selalunya buat masa sekarang yang disupply atau diberi oleh yang dikeluarkan sekarang lebih kurang 80% pencambahan. Ini adalah peratus pencambahan.

Lagi satu ialah, kajian yang perlu dibuat ialah kadar pencambahan jenis satu biji itu, dia boleh dapat rumpun yang sebesar mana ini. Juga perlu dapat kajian-kajian yang menyeluruh supaya tidak merugikan petani dan juga tidak mengambil masa yang terlalu lama seperti yang YB. Kota Siputeh kata tadi. Mungkin sampai 10 tahun, mungkin kajian-kajian yang terbaik ni akan dapat meningkatkan empoh ujian-ujian dan sebagainya . Saya nak, bukan saya nak menjawab kepada soalan daripada YB. Kota Siputeh, tetapi saya hanya nak berkongsi di mana, saya di kawasan Sidam saya selalu mengikuti perkembangan petani dan elaun membajak seperti yang diungkit oleh YB. Kota Siputeh tadi.



Di kawasan Sidam tidak ada masalah. Saya selalu mengikuti petani-petani dan walaupun dulu saya petani, tapi sekarang tak. Tapi selalu saya mengikuti apakah elaun elaun yang mereka dapat. Memang elaun membajak, memang mereka dapat. Jadi perlu perlulah.

**YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH**

YB. Tuan Speaker

**YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK**

Sekejap, tinggal sedikit. Jadi kalau kalau kita mengambil ataupun selalu mengikuti, saya rasa elaun – elaun seperti ini tidak ada masalah untuk petani-petani sendiri. Ya, silakan Exco.

**YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH**

Terima kasih YB. Sidam, YB. Tuan Speaker. Saya sebenarnya dah mendengarnya keseluruhan. Cuma saya nak olah sedikit. Mungkin YB. Sidam juga bersetuju dengan saya. Hari ini, isu dia petani kita ini, lebih awal daripada segala yang ada di muka bumi Kedah ini, lebih tahu padi itu daripada mereka yang hari ini sedang menyusun lah dipanggil. Tapi tak apa, itu satu perubahan. Setujukah YB. Sidam, kalau saya katakan sepatutnya MARDI ke bekerjasama dengan petani itu untuk membangunkan varieti dan membimbing petani itu untuk memasihkan benih padi. Bukan bekerjasama dengan kilang yang mana mereka ini sepatutnya terus kepada petani *sit down* dengan petani, buat kajian, buat *research* dipantau oleh MARDI dan juga mungkin PPK kawasan untuk membangunkan varieti yang berkaitan dan juga penghasilan.

Jadi saya rasa hari ini isu dia, saya ingin nyatakan sini. Adakah ini juga, saya bukan nak bermain spekulasi, adakah ini sabotaj yang sedang dilakukan kepada para petani dengan keladi agas dan seumpama ini, di mana *element of control*. Apabila seorang penjual dia menjual barangan dia, barangan dia tidak baik, sepatutnya dia boleh dipulangkan dan dipulangkan duit dia balik. Kita beli benih tu tapi akhirnya lautan keladi agas dan apa semua, akhirnya petani akan tanggung, disalahkan saluran mungkin melalui air dan sumpamanya. Di mana pembelaan, sedangkan mereka ketika mana mereka menjual tu dengan harga yang tidak ada kompromi, *so called*.

Jadi ini sebenarnya kita cakap pasal ni, petani kita saya rasa kita tak ada beza dalam hal ni baik YB. Sidam maupun saya, YB. Jitra. Jadi dengan perkara inilah sebab tadi YB. Kota Siputeh dah kata kalau yang tidak berkaitan dengan air pun belambak keladi agas ni.



Jadi, sebenarnya adakah ini sebenarnya sedang berlaku satu sabotaj kepada petani-petani kita hari ini oleh mereka yang tidak bertanggungjawab di atas sana yang akhirnya petani kita kecewa give up, tinggalkan padi kita maka bila bekalan padi itu makin mengecil di import itulah sebenarnya yang sedang disusun dan diatur. Itu saya nak tanya, YB. Sidam setuju tak dengan saya akan perkara tersebut? Terima kasih baik.

#### **YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK**

Terima kasih YB. Jitra. Ada beberapa perkara yang sah kita ada persamaan pengetahuan yang kita ada ada persamaan. Jadi apa yang beberapa perkara tu saya setuju. Tetapi ada beberapa perkara perlu kita tengok dulu seperti apa yang dikatakan oleh YB. Jitra tadi. Adakah kemungkinan ada sabotaj ini kita tak berani nak kata sebab kita tak nampak dan tidak ada bukti. Jadi kalau benar-benar kita nak kaji benar-benar kita nak nak lihat apa yang sebenarnya berlaku, kita siasat tengok dulu. Saya pun tidak ada kemampuan untuk siasat sana. Jadi kita harap-harap kalau ada siapa-siapa yang boleh buat penyiasatan tu terpulang lah. Saya tak berani. Terima kasih YB. Jitra. Saya ulang tadi seperti yang di kawasan saya tadi petani-petani ada mendapat. Bukan mendapat daripada direct tetapi kos – kos pembajak itu sampai kepada pihak yang membajak itu. Jadi di kawasan saya tidak ada masalah yang berhormat.

Lagi satu ialah kajian kajian yang perlu adalah kita perlu menjadikan beberapa institusi pengajian atau sebagainya untuk sama-sama membuat kajian seperti yang sedang ada sekarang ialah pihak IRRI. International Rice Research Institute ada bersama-sama dengan MARDI untuk mendapatkan varieti – varieti yang terbaik untuk petani. Jadi..

#### **YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR**

Yang Berhormat Tuan Speaker sikit lgi.

#### **YB. TUAN SPEAKER**

YB. Kota Siputeh, duduk dulu.

#### **YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK**

Saya nk landing dah ni. Cukup dah. Okey itu saja saya rasa untuk pengetahuan kita berkongsi dan juga untuk menjadikan YB. Kota Siputeh cara – cara ataupun kongsi pengetahuan dan juga untuk kita sama-sama buat kajian dalam menghadapi dan juga mendapatkan varieti yang terbaik untuk petani-petani kita. Sekian terima kasih.



## **YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih kepada YB. Sidam. Ahli - Ahli Yang Berhormat sekalian, ada dua peringatan yang ingin saya berkongsi dengan Ahli - Ahli Yang Berhormat. Yang pertama fakta – fakta yang akan disebut di dalam Dewan Yang Mulia ini mestilah yang berasas dan tepat. Saya tak mahu kita ambil di kedai kopi sebelum kita bawa masuk ke dalam dewan perkara-perkara yang yang masih hiasi dengar cakap dan sebagainya saya tak mahu. Fakta mestilah jelas. Yang kedua saya suka juga nak mengingatkan pada Ahli - Ahli Yang Berhormat supaya jangan jadikan dewan ini sebagai kedai kopi, seorang bangkit cakap, sat lagi kawan ni tak puas hati bangkit pula, lagi kawan ni bangkit, orang yang sama jadi saya tak mahu itu berlaku.

Jadi, bila saya bagi ruang untuk tuan – tuan berbahas gunakan ruang itu kemudian bila ada jawapan – jawapan daripada rakan – rakan kita yang lain yang kita tak setuju kita kena menghormati mereka. Ini bukan kedai kopi, ini Dewan Undangan Negeri Yang Mulia. Minta Yang Berhormat – Yang Berhormat ambil perhatian tentang dua peringatan itu.

Selanjutnya saya menjemput YB. Kupang. Silakan YB. Kupang.

## **YB. BRIG. JEN (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD**

Assalamualaikum assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah Rabbil Alamin Wassalatu Wassalamu Ala Ashrafil Anbiya Wal-Mursalin Wa Ala Alihi Wa Sahbihi Ajma'in Amin. Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Amat Berhormat Dato` Seri Menteri Besar Kedah. Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Masyarakat Kerajaan Negeri. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ketua jabatan, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dirahmati Allah sekalian.

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker yang memberi peluang pada saya membahaskan usul pelaksanaan Program Pembiak Pembakaan Tanaman Padi Oleh Komuniti Untuk Memperkayakan Kepelbagaian Varieti Dan Memperkasakan Kearifan Tempatan Di Negeri Kedah. Itu bunyi usulnya usul. Ini sekaligus merupakan suara rintihan rakyat terutama kepada penanam-penanam padi di negeri Kedah iaitu negeri jelapang di mana mereka berusaha dalam sektor ini bukan baru tetapi berabad lamanya tetapi kalau dilihat mereka ini agak-agaknya masih terkurung dalam kawalan sistem kapitalis yang menindas golongan-golongan marhain.



Sesungguhnya selama ini mereka seolah-olah dipaksa dengan peraturan dan akta yang kadang-kadangnya berat sebelah, kadang-kadangnya menguntungkan dan lebih menguntungkan orang tengah daripada petani itu sendiri.

Yang Berhormat Tuan Speaker sebelum saya menyokong usul ini mari kita lihat kalau kita tinjau daripada utara sampai keselatan Kedah ni di mana kita akan melalui satu perjalanan yang begitu jauh dan kita akan merentasi sawah lebar yang luas yang mencerminkan Kedah sebagai pembekal utama makanan negara. Kita disitu disitulah petani membanting tulang memerah keringat bagi menentukan keterjaminan makanan negara dan mengikut logiknya lah boleh kita gambarkan bahawa mereka ini telah sepatutnya telah menjadi usahawan tani dan telah menjadi jutawan tani kerana padi itu adalah makanan utama negara. Tapi saya rasa yang meraih gelaran jutawan daripada hasil petani an terutamanya padi bukan petani sendiri tetapi orang lain yang memerahkan keringat mereka dan meraih keuntungan dan ini adalah satu sistem yang tidak menguntungkan petani itu sendiri.

Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang kita nampak sekarang ini ialah hanyalah petani-petani yang terkongkong dengan sistem yang terhimpit oleh orang-orang tengah di mana petani-petani kita hanya kais pagi makan pagi kais petang makan petang sekaligus seolah-olah menjadi abdi kepada orang-orang tengah ini. Mereka dipaksa dengan sistem bekerja untuk tauke kilang di dalam suatu hal dan kalau kita lihat mereka dipaksa sampai kepada pemilihan benih pun terpaksa bergantung kepada orang lain dan juga dalam penentuan grade padi sama ada dia hanya grade A, B dan C dan juga dalam penentuan harga. Semuanya dikawal oleh orang tengah. Mereka dipaksa dengan sistem bekerja untuk tauke pengilang-pengilang di dalam semua hal. Jadi semuanya bergantung kepada orang tengah dalam mengawal sistem ini. Oleh itu saya rasa sampai lah masanya program program pembiak bakaan dan tanam padi diusahakan oleh komuniti setempat bagi memperkayakan kepelbagaian varieti dan juga memperkasakan experience tempatan untuk diperkenalkan sebagai satu sistem agar menjadi satu inovasi kepada petani dalam memperkasakan hasil petani an mereka dan usaha ini amat bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW. Di mana Rasulullah bersabda :

أنتم أعلم بأمور دنياكم

“Kamu Lebih Mengetahui Tentang Urusan Dunia Kamu Dalam Soal Petani an”



Bagaimana nak usahakan padi itu. Besar buah pinang sebiji ka macamna. Itu terpulang kepada kita Rasulullah SAW memberikan laluan untuk kita buat kajian. Dan disinilah saya rasa petani-petani kita harus diberi peluang untuk mengambil usaha ini dan kita rasakan bahawa penglibatan mereka secara langsung di dalam menentukan benih umpunya dengan experience yang mereka lalui adalah amat bertepatan. Dalam negara kita terdapat beberapa akta mengenai dengan petani an ini antara lainnya kalau kita lihat akta 634 di mana akta 634 ini bertujuan untuk memberi hak eksklusif kepada pembiak baka untuk membiak, menjual mengimport varieti tumbuhan baru yang mereka hasilkan. Jadi kalau kita lihat dalam akta ini tujuannya memberi hak eksklusif kepada pembiak baka untuk membiak, menjual dan sebagainya.

Jadi maknanya Akta ini memberi perlindungan kepada pembiak baka ini dan dalam masa yang sama petani-petani di negara kita terpaksa terikat dengan akta ini, peruntukan dalam akta ini dan tidak boleh mengeluarkan usaha untuk mengeluarkan hasil padi sendiri tetapi bergantung kepada bekalan yang diberi kepada pengusaha-pengusaha ini. Jadi saya rasa ini adalah suatu yang menyekat keupayaan petani itu sendiri yang mereka ini telah pun terlibat secara langsung begitu lama di dalam industri padi. Jadi saya rasa akta ini walaupun akta ini untuk tujuan keseluruhan tetapi dalam konteks padi saya rasa perlu diberi kelonggaran bahawa petani-petani kita ini diberi peluang untuk mengusahakan hasil kajian mereka.

Jadi Yang Berhormat Tuan Speaker, saya rasa di dalam memajukan industri padi ini satu gerakan sepadu perlu diadakan di antara pemain-pemain industri padi dengan petani itu sendiri. Dan kalau kita lihat bahawa di negara kita ini banyak agensi-agensi ditubuhkan tetapi kadang-kadang tidak memberi kesan yang positif. Saya rujuk kepada getah umpamanya. Getah ini kita ada LGM, Lembaga Getah Negara. Kita ada RRI, ada RISDA. Tapi sampai sekarang ni penorah – penorah getah duduk takok lama. Tak berubah. Jadi apakah peranan agensi-agensi ini di dalam peranan mereka memajukan industri getah. Dan begitu juga dengan padi ini. Kita lihat bahawa petani-petani kita ini masih dalam takut lama kalau dulu mewarisi usaha yang dilakukan oleh tok nenek mereka sampai sekarang pun dalam tahap itu. Juga jadi saya rasa ini suatu yang ada tak betul kita tidak pernah jumpa seorang yang kaya penanam padi yang kaya menjadi jutawan dan sebagainya tapi yang menjadi jutawan itu ialah orang lain. Sedangkan keringat mereka inilah yang diperah setiap hari sehingga mereka terpaksa bergantung sepenuhnya kepada tauke – tauke dan juga pengilang-pengilang di dalam mendapatkan hasil. Ini saya rasa tak begitu manis dan kalau kita tidak menjadikan industri padi ini sebagai suatu yang boleh memberikan hasil ataupun impak yang besar kepada hasil negeri, kita gagal.



Jadi, oleh itu satu tindakan yang perlu diambil dan saya amat menyokong usul ini supaya kita melaksanakan program untuk memberikan laluan kepada petani-petani kita membuat satu kajian dan juga terlibat dengan cara langsungnya di dalam..

**YB. TUAN SPEAKER**

YB. Belantek mintak laluan

**YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN**

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Terima kasih YB. Kupang. Kita menyebut disini usul memperkayakan kepelbagaian varieti. Bila kita sebut varieti disini saya rasa tak dapat lari juga daripada kita menyebut varieti padi huma. Padi huma cukup masyur sekarang ini terutama di daerah luar pandang di daerah Sik sekarang ini permintaan banyak untuk padi huma YB. Tuan Speaker. Saya sebut sikit bagaimana anggaran satu ekar bagi buat padi huma ini dia boleh mendapat hasil satu 1/5 tan hingga 2 tan dan kos untuk satu ekar ini Rm23,000. Termasuk semua sub infra selama tiga tahun. Pukat, piping, baju organik tangki dan lain-lain. Dan saya rasa ini baik dah dibantu oleh jabatan-jabatan berkenaan. Jadi disini kita nak menarik, menggalakkan kalau boleh penanaman padi huma ini diperkasakan dibantu petani-petani kita terutamanya di luar bandar bukan kita tumpu kepada varieti padi yang ada di kawasan MADA ni sahaja. Sebab apa harga semasa sekilo benih padi huma ni tuan speaker RM50 dan lebih. Itu benih. Varieti benih. Sekilo beras pula boleh jual hingga RM25 ke atas.

Jadi saya dapat bertemu dengan petani yang sedang mengusahakan padi huma ni di kawasan saya di DUN Belantik khususnya. Mereka cukup seronok. Permintaan banyak. Jadi selain daripada kita menumpukan kepada apa yang kita bincangkan hari ini menyokong usul hari ini, padi huma, varieti padi huma jangan kita tinggalkan. Malah kita kena perkasakan. Yang saya rasa YB. Tuan Speaker sendiri pun kalau ada tanah boleh kita pergi buat padi huma ni tanah YB. Tuan Speaker. Jadi kupang saya mencadangkan supaya penanaman padi huma ni diperluaskan, diperkembangkan, dan dibantu sebaik mungkin untuk rakyat negeri Kedah ni. Terima kasih.

**YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih YB. Belantek. YB. Kupang sila teruskan.



**YB. BRIG. JEN (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD**

Terima kasih YB. Belantek. Saya memang amat menyokong. Sebab kampung saya ni YB. Tuan Speaker, bendang tak luas pun. Tapi bukit yang banyak. Jadi kita usahakan pada benih bukit ni pula saya rasa saya pun boleh jadi jutawan tanah. Insyallah.

**YB. TUAN SPEAKER**

Insyallah.

**YB. BRIG. JEN (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD**

Yang Berhormat Tuan Speaker, apa yang kita nak timbulkan di sini ialah satu perkara yang perlu diperkasakan ialah kerjasama sepadu di antara petani dengan agensi-agensi kerajaan lah yang ada kaitan dengan petani an, MARDI dan sebagainya. Kerana kita tak mahu maknanya MARDI di satu pihak dan petani di pihak yang lain. Jadi bila buat keputusan kadang-kadang tu tidak menguntungkan petani. Kerana kadang-kadang kita lihat bahawa pengalaman di lapangan berbeza dengan pengalaman dalam makmal. Pengalaman dalam makmal barangkali apa namanya dengan kajian ilmiah dan sebagainya. Tapi apa yang berlaku di lapangan itu kadang-kadang lebih menguntungkan. Tapi dia tidak direkodkan sebagai suatu kajian yang saintifik dan sebagainya. Tapi hasilnya lumayan. Jadi bagaimana nak disepadukan di antara pengalaman di makmal dengan pengalaman di lapangan. Ini perlu diperkemas. Dan selain daripada itu benih-benih padi ini kalau sekiranya petani dipaksa menerima daripada satu pihak. Jadi orang lain yang buat kajian orang lain yang usahakan benih-benih ini kemudian nak suruh petani kita gunakan. Jadi saya rasa macam orang kata apa macam kita gantai belakang seorang garu. Jadi kita kata seorang garu ini atas sikit bawah sikit, tepi sikit kanan sikit, akhirnya kita tak terlaksana garu itu.

Jadi macam itulah benih orang lain buat. Kemudian nak suruh petani tanam petani menghadapi masalah dengan tanah dan sebagainya jadi saya rasa ini adalah persepadukan di antara pengalaman-pengalaman ilmiah di makmal dengan pengalaman di lapangan amat penting. Jadi YB. Tuan Speaker saya dengar ini menyokong di atas usul yang telah dikemukakan iaitu bahawasanya Dewan Undangan Negeri Kedah yang bersilang pada hari ini mencadangkan Pelaksanaan Program Pembiak Bakaan Tanaman Padi Oleh Komuniti Untuk Memperkayakan Kepelbagaian Varieti Dan Juga Memperkasakan Kearifan Tempatan di negeri Kedah Darul Aman. Sekian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.



## **YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih YB. Kupang. Saya menjemput YB. Kota Darul Aman. Silakan.

## **YB. ENCIK TEH SWEE LEONG**

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Sidang hadirin dan hadirat sekalian. Salam malaysia madani. Saya mohon mengambil sedikit ruang dalam Dewan Yang Mulia ini untuk membahaskan usul YB. Kota Siputeh. Saya akui niat di sebalik usul ini kelihatan murni untuk memperkasakan kearifan tempatan dan kononnya memperkayakan kepelbagaian varieti. Namun setelah meneliti usul ini, saya mendapati ia tersasar daripada sasaran sebenar. Isu pokok pesawah bukan kekurangan varieti tetapi bagaimana kita meningkatkan hasil sehektar secara konsisten dan mampan. Kita lihat pada tadi dimana kajian yang oleh Kapten Zakaria di Belantek, Sik. Dimana 700 biji dalam setangkai. Jadi usaha tu atas usaha sendiri dan bukan senang apabila saya turun berjumpa dengan beliau memang usaha tu agak, pemulaan tu sangat susah, dimana dia menghadapi cabaran untuk menghasilkan dan juga untuk memasarkan hasilnya. Jadi bagi pesawah memang kita faham suasana mereka dimana nak cari makan bukan senang. Dan juga jika tanpa bantuan daripada kerajaan persekutuan memang bagi pesawah memang susah untuk mereka sara hidup.

Jadi kerajaan persekutuan melalui MARDI dan agensi berkaitan telah menghasilkan pelbagai varieti berdasarkan berdaya hasil bagi pelbagai kondisi. Izinkan saya bantangkan faktanya, kita ada varieti popular contohnya MR297, MR315, MR269-303 dan banyak lagi dan juga kita ada varieti kebal padi angin MR220-CL1, MR234 ada berapa siri kita ada varieti tahan kemarau ataupun banjir kita ada IS21, UKMRC2, UKMRC8. Jadi varieti memang dia banyak dikaji selidik untuk penambahbaikan hasilnya. Jadi kekurangan varieti bukan satu isu untuk kita mencapai hasil yang lebih banyak. Jadi kita lihat memang kerajaan persekutuan ada mekanisme dan juga mempunyai satu jawatankuasa pemandu yang menyalurkan kebanyakan varieti melalui kouta kepada pengeluar benih. Jadi masalahnya bagaimana kita menguruskan pilihan yang ada dengan cekap, keperluan mendesak kini adalah varieti matang bawah 90 hari untuk menyokong penanaman 5 musim 2 tahun dan ini sedang diusahakan di peringkat persekutuan. Jadi oleh itu jika program sebegini dilaksanakan di negeri, maka memang tidak keperluan sebab ia akan bertindak dengan usaha-usaha sedia ada. Daripada kita membazirkan sumber untuk mencipta varieti baru, kerajaan negeri dan persekutuan dicadangkan untuk bekerjasama dalam 4 tonggak utama bagi meningkatkan hasil padi, ini termaksudlah meningkatkan kualiti benih.



## **YB. TUAN SPEAKER**

YB. Kota Darul Aman, YB. Kota Siputeh mintak laluan.

## **YB. ENCIK TEH SWEE LEONG**

Tak bagi laluan habis yang sat saja. Ramai pesawah masih menggunakan benih padi tidak sah kerana harganya lebih murah atau bekalan benih sah tidak mencukupi pada sesuatu musim yang diperlukan. Jadi penggunaan benih yang tidak diperakui berdasarkan skim pengesahan benih padi jabatan pertanian membawa pada kadar pencambahan rendah dan meningkatkan risiko serangan perosak.

Jadi fokus kita sepatutnya adalah memperkukuhkan penguatkuasaan terhadap penjualan benih tidak sah dan memastikan bekalan benih sah mencukupi di musim kritikal. Dan seterusnya yang kedua, kita perlu memulihkan kesuburan tanah kita tahu bahawa tanah sawah kita semakin terjejas akibat penggunaan berterusan dan pembajakan kimia yang tidak terurus dan tidak terkawal. Jadi usaha perlu ditumpukan untuk melaksanakan pemulihan tanah berskala contohnya pemulihan tanah, pengapuran dan pembajakan spesifik setempat. Selain itu kita juga perlu menaik taraf infrastruktur. Jadi kita faham bahawa infrastruktur ladang yang rendah menjejaskan pengurusan air dan jentera. Kerajaan persekutuan sedang memberi fokus untuk menaik taraf infrastruktur tersia di bawah jelapang seperti MADA daripada 18 meter per hektar kepada 30 meter per hektar. Dan kita juga nampak Yang Amar Berhormat Perdana Menteri kita telah turun pada bulan Julai untuk melihat peruntukan satu bilion untuk pelaksanaan projek tersia tersebut. Ini adalah kerjasama yang kita perlukan dan bukan program yang berjalan sendiri.

Jadi selain itu juga kita kena faham bahawa kita perlu beralih daripada plot – plot sawah kecil yang tidak ekonomik kepada pelaksanaan projek penanaman padi berskala besar (PPSB) dan juga projek penanaman lima musim dalam dua tahun untuk mengoptimalkan kos dan meningkatkan hasil secara bersepadu. Berdasarkan projek perintis pada tahun 2022 dan juga 2023 didapati purata hasil mencapai 4.91 tan per hektar tapi dia memerlukan satu perjalanan..

## **YB. TUAN SPEAKER**

YB. Kota Darul Aman nak bagi laluan tak.



## **YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR**

Yang Amar Berhormat Perdana Menteri cakap kata nak tingkatkan hasil. Sekarang ni dengan varieti NGUI ataupun varieti seragam memang kita punya benih padi ataupun kita punya hasil padi kita menghasilkan 200 ini varieti kita. Dia boleh pi 200 sahaja. Tak ada pi lebih. Dan ini memang objektif saya rasa bila duduk bawah CPTPP ni bila duduk di bawah pattern dunia ni pun kita akan seragam maintain 200. Kita nak tingkatkan hasil ni 5 kali penanaman kita kena faham jugak rata-rata Pak Tani di negeri Kedah kita ni usia 60 tahun kat atas. Anak-anak muda tak mahu balik ni. MADA buat pelbagai insentif pun masih tak berjaya. Tapi kita kena tengok kat sini 200 kali nak tanam 5 musim. Kalau kata benih yang kita usahakan dengan varieti yang kita usahakan kita boleh dapat 500. 500 kali dengan 5 musim. 200 kali dengan 5 musim. Mana lagi besar? Matematik faham kat mana betul tak? Kalau kita cakap nak tingkatkan hasil macam manapun telah lah kita nak siapkan parik-parik gila yang pun akan ambil masa. Kalau kata kita bangunkan bank-bank ni dan kita dah mula di setiap kommuniti bercambah kita bangunkan usaha kita termasuk tak disekat inisiatif negeri Kedah sendiri untuk nak bawa nak buat benih kita sendiri. Kita pasti akan membantu pihak kementerian, yang mana pihak kementerian sepatutnya jadi macam negara-negara luar, yang bantu untuk inovasi pesawah itu sendiri tapi perkara itu tak berlaku. Kita Malaysia, hakikatnya tuan, untuk pengetahuan YB. Kota Darul Aman, Yang Berhormat kena tahu kita memang berada di bawah sekali ranking petanian dunia ni dekat dalam rantau asia ni. Kita takkan nak teruskan kita macam tu. Kita perlu galakkan inovasi dan beri kebebasan kepada pesawah, kepada petani kita untuk petani kita lebih maju, di samping membantu jadi support sistem kepada kerajaan. Mana-mana kerajaan. Kerajaan persekutuan kepada kementerian itu sendiri. Itu yang sepatutnya dan itu budaya yang berlaku kerana itu, negara-negara luar juga tak mahu tunduk kepada sistem yang mencengkam UPOV yang mana negara-negara teras petanian ni yang negara-negara AGRI ni memang mereka tak mahu tunduk kepada UPOV dan juga orang kata dasar-dasar yang mencengkam. Terima kasih.

## **YB. ENCIK TEH SWEE LEONG**

Terima kasih. Memang kita tiada seperti YB. Sidam kata tadi kita memang tiada halangan untuk petani untuk usahakan dia punya varieti yang boleh menghasilkan biji benih yang dalam paling banyak dalam setangkai. Tapi untuk menjaga sebab bila kita menjadi pesawah kita tanam varieti itu, kita kena tengok dalam skala yang besar sebab kita kata dalam tadi seperti yang saya kata, memperluaskan skala ekonomi. Jika memang jika varieti itu memang stabil dan juga boleh hasilkan biji benih-benih yang banyak kita cadangkan untuk diangkat sebagai MARDI, sebagai satu varieti yang boleh dikaji selit dan lagi, diperincikan dengan kaji teknikal supaya dia boleh diperluaskan penanamannya.



Jadi hujah terakhir saya, program ini bercanggah dengan undang – undang persekutuan di mana dibawah konsep federalisme industri padi dan beras adalah dibawah akta kawalan padi dan beras 1994 akta 522. Jadi menwujudkan biji benih di peringkat negeri akan melanggar akta ini, tambahan pula kerajaan persekutuan sedang dalam proses memindah akta 522 dan parlimen ada platform yang betul untuk membahaskan sebarang penambahbaikan. Jadi saya memang berharap YB. Kota Siputeh dapat bertanding dalam parlimen pada penggal akan datang, sebab dia memang pakar dalam bawa isu – isu parlimen ke dewan.

Jadi oleh itu, berdasarkan fokus pada peningkatan hasil mekanisme persekutuan yang sedia ada dan juga untuk mengelakkan percanggahan undang-undang saya mohon usul ini ditolak sebaliknya kita perlu menumpukan pada kolaborasi negeri dan persekutuan untuk meningkatkan hasil. Sekian terima kasih.

#### **YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih YB. Kota Darul Aman. Seterusnya, saya menjemput YB. Ayer Hitam. Yb. Sungai Limau nak bagi bahas sikit, kita jemput Yb. Sungai Limau dulu. Minta maaf saya terlepas pandang.

#### **YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT**

Kita tak prepare apa pun, tapi tengok isu yang berbangkit tentang pertanian.

Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Amat Berhormat Dato` Seri Menteri Besar Kedah, Seluruh Ahli – Ahli Yang Berhormat, Ketua – Ketua Jabatan. Usul yang dicadangkan oleh YB. Kota Siputeh, Pelaksanaan Program Pembiakan Tanaman Padi Oleh Komuniti Untuk Memperkaya Keberkayaan Varieti Dan Perkasa Kearifan Tempatan di Kedah. Tadi YB. Kota Darul Aman sebut yang diusulkan ini bertentangan dengan akta yang sedia ada. Jadi sesuai kita bincang di peringkat negeri supaya kalau usul ini dipersetujui, kita boleh angkat. Mohon pengecualian daripada akta itu untuk negeri Kedah yang kita merupakan negeri Jelapang Padi. Tadi pun YB. Kota Darul Aman sebut banyak varieti yang kita ada yang diusahakan oleh petani – petani. Tapi daripada pandangan Adun – Adun Yang Berhormat yang telah berbahas, tak ada satu pun yang memenuhi piawaian 400 biji hingga 700 yang telah pun diperolehi oleh negara-negara lain kan? Yang duk ada tu, masih lagi, kita duk cakap tentang Padi Kebal 297 yang 200, kadang-kadang tak sampai satu serelung nak dapat 2 tan pun payah pada musim ni dan musim sebelum.



Maksudnya sepatutnya perkara ni kerajaan di peringkat persekutuan boleh untuk melihat apa yang kita bincang tuntutan kita di peringkat negeri supaya percambahan kepada usaha untuk mempertingkatkan hasil kepada petani kita. Saya nak pendekkan supaya kita boleh berfikir sejenak. Usaha yang dilakukan ada sebahagian daripada petani walaupun benda tu salah tapi ada jugalah duk buat kecil-kecilan di peringkat kampung yang dia mengusahakan benih dia sendiri. Benih dia bukan dia ambil daripada benih yang asing. Benih yang telah pun sedia ada. Yang telah pun ditiraf oleh kerajaan cuma dia buat sendiri, dia proses sendiri. Untuk penggunaan dia sendiri. Walaupun dia salah. Tapi kita kena fikir pasal apa petani ni dia buat sendiri sedangkan kalau dia ambil daripada pengilang ada subsidi. Benih yang dia nak buat tu sepatutnya boleh dah untuk dia jual beras. Dia boleh dapat dah hasilnya tetapi dia buat sendiri tanpa subsidi dengan peralatan yang ada kos yang lebih. Tapi dia nak buat juga kerana dia yakin yang dia buat sendiri bila dia menabur tumbuh elok. Boleh meningkatkan hasil dia. Tak tumbuh sekali dengan sambau. Takda lalang, takda keladi agas. Yang lain-lain.

Jadi bila berlaku keadaan ni mungkin bila banyak petani yang buat sedemikian sebenarnya satu mesej yang dihantar oleh petani kita hilangnya kepercayaan mereka kepada supplier yang telah membekalkan. Itu yang sepatutnya saya rasa kerajaan perlu kajian supaya mengembalikan balik kepercayaan ni dengan menyediakan benih yang terbaik, berikan subsidi yang yang boleh untuk membantu petani ni menghasilkan tanaman dia yang akan menyara hidup dia 6 bulan dan seterusnya. Jadi saya rasa itulah yang ingin saya kongsi supaya kita semua melihat usaha yang sedang kita rangka ke depan menyekat Pak Tani – Pak Tani kita daripada bukan hanya untuk inovasi mereka dalam benih tetapi sebenarnya menyekat mereka daripada mendapatkan bekalan benih subsidi yang terbaik yang ada yang diberikan oleh kerajaan tetapi dinikmati oleh orang tengah dan setengah daripada pihak. Jadi saya rasa setakat itu. Terima kasih atas ruang yang diberikan. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

#### **YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih Yb. Sungai Limau. Seterusnya saya menjemput YB. Ayer Hitam.



## **YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim Alhamdulillah Rabbil Alamin Wassalatu Wassalamu Ala Ashrafil Anbiya Ibn Salin Wa Ala Alihi Wa Sahbihi Ajma'in Rabbish Rahli Sadri Wa Yasirli Amri Wahlul Uqdatami Lisani Ya Qawwil Qawwili Ammabaq.

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Amat Berhormat Dato` Seri Menteri Besar Kedah. Yang Berhormat Ahli – Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri. Yang Berhormat Ahli – Ahli Dewan Negeri. Yang Berbahagia Yang Berusaha Ketua – Ketua Jabatan Agensi – Agensi Negeri dan Persekutuan. Yang Dihormati Pegawai – Pegawai Dewan. Yang Dimuliakan tetamu – tetamu kita pada hari ini sama ada yang ikuti secara fizikal ataupun di atas talian di luar sana.

Terima kasih kepada YB. Tuan Speaker yang beri laluan kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan usul yang diangkat oleh YB. Kota Siputeh. Jiran saya, sahabat saya dan juga adinda saya dalam Parlimen Jerlun.

Ada 2 DUN, Ayer Hitam dan Kota Siputeh. Kubang Pasu ada 4 DUN. Sebab itu Kubang Pasu antara daerah yang paling banyak ada sawah bendang. Kami berada dalam wilayah 2, MADA. Hampir 2.3 daripada kawasan padi itu, dalam Wilayah 2. Jadi tak perlu pun. Saya tak pakai teks. Teks tu dah sedia juga, tapi dah tengok kawan-kawan semua pakai ambik poin dah. Jadi kita tak pakai teks tu lah. Saya Ketua Backbenchers. Sebelum ni cakap awal. Cakap awal ni poin yang orang tak ambik dulu. Kali ni dia pun bagi saya last untuk cakap last ni. Jadi poin saya pun pakat ambil dah.

Jadi saya akan ulas secara santai. Terima kasih YB. Tuan Speaker yang beri laluan. Dan insyaallah kita akan sokong usul ni supaya diangkat ke peringkat yang lebih tinggi. Tak seperti yang kata YB. Sidam dan juga YB. Kota Darul Aman yang kata agak tersimpang, tersasar. Kita DUN Kedah ni wakili rakyat Kedah. Dan Kedah merupakan di Jelapang Padi Negara. 43% daripada beras yang dimakan oleh rakyat Malaysia tu dia mai dari Kedah. Dan suara kita patut didengar oleh persekutuan, Putrajaya, Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan. Khususnya dalam kita mengangkat supaya beras ni, padi ni, yang dihasilkan di Kedah ni, di takbir, dilihat ataupun dikelola semaksima mungkin oleh orang ataupun pesawah-pesawah di Kedah ni. Kita ni di Jelapang Padi kepada negeri kita atau negara kita yang kita sayangi.



YB. Tuan Speaker, seperti disebut oleh, dihurai panjang oleh YB. Kota Siputeh, disokong oleh YB. Anak Bukit, disokong oleh YB. Kupang akhirnya dengan hadis dan juga penerangan tertentu. Yang dimuktamadkan bahawa akta ni ataupun usul ni perlu disokong sepenuhnya. Supaya kita ada hak kita untuk menentukan. Varieti - varieti yang baharu yang sepadan dengan keadaan kita. Memang kita okey dah ada 60 kurang lebih varieti yang disediakan oleh pihak kerajaan atau diusahakan oleh MARDI dan sebagainya dalam negara kita. Tapi masih sikit berbanding dengan negara-negara lain yang jiran kita, yang juga mengusahakan tanam padi yang beratus beribu, yang beri pilihan yang besar kepada pesawah untuk pilih yang bersesuaian dengan tempatnya. Seperti yang disebut oleh YB. Anak Bukit. YB. Kota Siputeh bekerjasama dengan YB. Anak Bukit. Di segi tanah dia, di segi persekitaran dia, dia mempunyai varieti yang berbeza. Kita ada seorang, saya ingat seorang usaha, usahalah dia sebut usaha, varieti di Kubang Siam. Kubang Jawi. Arwah dah. Almarhum dah. Ustraz Mohamad Ishak Mahmud. Diusahakan varieti yang sendiri. Yang diambil daripada berbagai varieti yang established ni, dicampur sebagainya, dihasilkan varieti sendiri. Yang jadi viral satu masa dulu. Yang diminta ataupun dia mohon oleh kawan – kawan, rakan – rakan, untuk dapatkan varieti itu dan dia buat. Skala yang besar dia, bendang dia tu. Untuk guna dia sendiri dan berkongsi dengan apa nama sahabat – sahabat dia. Dia jual ka tak tahu lah tapi dia kongsi dengan sahabat – sahabat dia. Dan menghasilkan hasil yang besar. Yang banyak. Sesuai dengan keadaan tempat dia tu. Di Kubang Siam, Kubang Jawi tu. Atau di kawasan Anak Bukit tu. Tapi tak boleh kongsi di kawasan Ayer Hitam atau kawasan Siputeh. Sebab tak sama. Tanah dia. Tak sama persekitaran dia. Itu yang kita maksudkan. Supaya dibuka ruang kepada komuniti ataupun orang tempatan, orang keseluruhan yang ada kemampuan untuk mencipta varieti sendiri ni supaya dapat dikongsi bersama. Menghasilkan padi yang lebih banyak. Dan keadaan kita sekarang ni. Sekarang-sekarang ni keadaan yang mendesak. Tadi disebut oleh apa nama YB. Tokai. Di mana ada kawasan-kawasan bendang yang ditimbus untuk di binakan rumah. Mengecil kawasannya. Walaupun kita ada 100 ribu hektare lebih keluasan MADA di Kedah dan Perlis. Tapi semakin lama, semakin kecil, kita tak kawal.

Jadi varieti yang baik, menghasilkan biji benih yang banyak, 400, 500, 700 biji setangkai, menampung kepada kurangan yang dihasilkan disebabkan oleh kurangan tanah. Input kepada sawah ni bukan padi sahaja, bukan benih sahaja. Pertama tanah, kedua air, ketiga benih dan seterusnya lah. Semua ni sebenarnya seimbang. Kalau tanah kurang ataupun apa nama usaha yang dibuat oleh pesawah-pesawah menjadi kurang, kita tampung dengan varieti padi yang banyak yang menghasilkan benih atau menghasilkan hasil yang banyak untuk menampung keperluan ni. Bahkan kita usaha meningkatkan keperluan negara ni dengan menambah tinggi pendapatan ataupun hasil daripada padi di Kedah ni untuk menampung lebih banyak keperluan beras di pangkat negara.



Untuk kita mengurangkan import yang menekan makanan jumlah yang bilion-bilion setiap tahun. Jadi, itulah usaha yang kita kena buat. Kita harap apa nama usul kita diterima. Di angkat kepada peringkat yang lebih tinggi. Putrajaya dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk diberi ruang kepada komuniti untuk usahakan. Komuniti ni bukan maksudnya orang kampung biasa sahaja. Kita boleh pi PPK, PPK yang usahakan ataupun kelompok-kelompok tentu, koperasi sebagainya yang ada usaha inisitif untuk buat. Untuk melaksanakan tanaman ataupun penghasilan varieti baru ni ataupun varieti yang tahan ataupun yang sesuai dengan tempat mereka. Cuma kita minta agensi-agensi yang berkaitan, MARDI ke atau sebagainya memberikan semua yang baiknya kepada pihak yang usaha untuk wujudkan varieti yang baru.

#### **YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD**

Terima kasih kepada YB. Ayer Hitam. Cadangan dan usul yang dikemukakan oleh kita ni satu cadangan yang baik menunjukkan keselesaan, kesungguhan kita negeri Jelapang Padi ni. Dan saya melihat poin-poin yang kemukakan oleh sahabat kita di pihak pembangkang tadi seolah-olah tidak nampak kebaikan ini dan banyak daripada kemarin lagi semuanya menyatakan bahawa kita serah kepada Parlimen untuk kemukakan di Parlimen. Bayangkan isu Zara Khairina tu yang disebutkan oleh semua ahli Parlimen, boleh kata 5-60 orang ahli Parlimen kita bercakap, tiba-tiba tidak ada respon satu pun daripada menteri – menteri. Jadi ini menunjukkan bahawa kalau kita bawa ke Parlimen, kalau di peringkat Parlimen mereka tak mahu ambil perhatian. Jadi kita rasa peringkat Kedah ini kita bawa satu usul daripada kita sendiri dan barulah mereka akan mendengar. Itu pandangan saya.

#### **YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK**

Mencelah sikit.

#### **YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM**

Baik.

#### **YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK**

Terima kasih YB. Ayer Hitam. Saya nak respon sikit kepada YB. Bukit Lada yang menyatakan tidak ada respon daripada menteri KDN. Saya rasa dah ada. Tapi memang ada respon daripada Menteri Dalam Negeri. Jadi saya rasa isi kandungan tu lebih kurang sama saja. Terima kasih.



## **YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM**

Terima kasih YB. Sidam. Terima kasih YB. Bukit Lada yang beri pandangan. Ya saya setuju. Kita perlu angkat satu suara daripada Kedah ini melalui Dewan Negeri ini supaya Putrajaya ataupun peringkat persekutuan nampak suara kita. Dengar suara kita dan beri perhatian kepada suara kita dan menerima suara kita sebagai orang yang bekalkan 43% beras negara terlibat secara langsung kepada negara. Supaya ialah varieti yang kita bincangkan pada hari ini. Apa nama pun lah. PASAK. Ini sebut oleh apa nama YB. Kota Siputeh. Padi Sejahtera Kedah. PASAK. Apa nama Pasak apalah? 1 Pasak 2, 3, 4, 5. Peluang kepada apa nama ke depan ini merupakan satu kerjasama antara kita pesawah, petani, komuniti dengan agensi-agensi kerajaan. Yang penting terima dulu usul ini, bawa ke atas dan atas pun terima usul ini. Kemudian kita boleh sit down. Buat meja bulat, buat forum, buat seminar sebagainya. Menggabungkan semua penyelaruhan dan sebagainya untuk sama-sama menikmati.

## **YB. TUAN SPEAKER**

YB. Tokai ada minta laluan YB. Ayer Hitam.

## **YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN**

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Terima kasih YB. Ayer Hitam. Saya rasa isu pokok yang kita menghadapi masalah dengan padi ini adalah kalau musim tanam padi, benih takda. Kemudian bila tabur benih, dia mai sekali dengan krladi agas lah. Dia mai sekali dengan rumput-rumput lain lah. Yang membekalkan benih pada kita ni, kilang-kilang yang tak buat bendang pun. Ini yang kita jadi masalah. Kita nak daripada orang yang buat bendang tu sendiri, buat benih. Macam Tok Wan saya dulu, ayah saya dulu, tanam padi, ambil padi kering, jemur bagi elok-elok. Anginkan padi tersebut supaya dapat padi yang berat, yang elok, yang isi dia mampat. Itu yang kita buat benih.

Dimana petani tanam, petani buat benih, dia tahulah benih yang dia nak tu. Tak lah kilang yang bekalkan. Kilang pun tak buat sawah, tak buat benang, tak tanam padi. Ambil dekat orang lah. Dia tak tahu hasil dia macam mana. Macam 3-4 tahun lepas, Pak Ali, tempat saya. Dia tanam padi, dia kata ini padi untuk benih yang diusahakan oleh satu syarikat. Maknanya dia jaga elok. Dia buat bendang tu memang 100% punya jaga untuk benih yang baik. Jadi inilah kualiti, varieti yang kita nak supaya petani bila tambah besok, kalau tak 100% pun 90%, dia boleh tumbuh. IRRI, *International Rice Research Institute* di Lagos, Filipina, dia ada 127,000 varieti padi. Jadi kita pergi situ tengok lah. Tengok macam mana varieti dia. Terima kasih, YB. Tuan Speaker.



## **YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM**

Terima kasih YB. Tokai. Saya setuju dengan apa yang sebutkan YB. Tokai dan menjadikan sebahagian pada ucapan saya. Ya, cerita lama-lama begitulah cerita zaman kita dulu. Tokwan kita, ayah kita yang usahakan sawah bendang ni, mereka sendiri yang usahakan. Adakah varieti padi. Atau varieti yang sedia ada, dia jaga dengan elok. Dalam serelung ataupun 2-3 serelung padi yang ditanam, sikit disimpan untuk buat benih. Dikerat semua, simpan lebih kurang sepenjuru. Sepenjuru ni lebih kurang 100-120. Simpan sikit, pergi lama sikit. Potong yang lain, tinggal yang tu. Mungkin tambah 20 hari, 30 hari lagi. Supaya dia betul-betul matang. Bila dikerat, dipukul atau setengah ni diketam, dihiris sebagainya. Bawa balik ke rumah, dijemuk, diurui. Disimpan di jelapang, tempat-tempat yang sesuai. Supaya dapat digunakan untuk mengusahakan sawah selepas itu pula. Proses yang agak lama tapi hasilkan hasil yang cukup banyak, cukup baik. Berbanding dengan sekarang ni, bila beli secara terbuka kepada benih sah, walau benih sah. Tapi kadar kemungkinan dia untuk tumbuh sekitar 20%. Dengan mai pula padi agas bersama dia, disebut begitu. Ataupun tak sesuai dengan tempat sawah itu. Hasil yang kurang. Inilah yang kita nak angkat. Supaya kerajaan beri persetujuan kepada kita ni untuk kita hasilkan sendiri varieti i kita. Untuk kita kembangkan isteri padi di tempat kita ni insyaallah. Dengan itu kita akan menjamin makanan untuk negara kita. Dan insyaallah menambah pendapatan para petani pesawah yang semakin hari semakin tertekan oleh kasar hidup yang semakin meningkat.

YB. Tuan Speaker, saya pun tak nak panjangkan perbahasan. Dengan ini saya menyokong usul dibuat oleh YB. Kota Siputeh Tentang Pembiak Bakaan Tanaman Padi. Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## **YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih YB. Ayer Hitam. Seterusnya EXCO, YB. Suka Menanti.

## **YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN AB GHANI**

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Kedah Sejahtera, Nikmat Untuk Semua. Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Amat Berhormat Dato` Seri Menteri Besar Kedah. Yang Berhormat Dato Seri Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah. Yang Berhormat Dato Wira Kewangan Negeri. Yang Berhormat Ahli – Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Dato – Dato Ahli Yang Berhormat.



Tuan-tuan dan Puan – puan yang dihormati sekalian. Syukur kita pada hari ini kita dapat jumpa Dalam Yang Mulia ini untuk membincangkan satu isu yang amat penting. Bukan sahaja pada penduduk negeri Kedah, malahan seluruh penduduk Negara Malaysia. Saya ingin nak respon sikit Yang Berhormat Tuan Speaker kepada apa yang dikatakan YB. Sidam tadi. Dia tanya, adakah petani-petani kita sanggup nak buat uji-kaji dan sebagainya. Jawapan saya ringkas. Kalau petani kita tak sanggup, mana mungkin negeri Kedah ini menjadi Jelapang Padi Negara kita. Orang dulu-dulu buat bendang apa? Tak ada apa-apa pun YB. Sidam. YB. Sidam biasa buat bendang kan? Dulu buat apa? Hanya memekalkan dengan cangkul parang. Tetapi dapat menghasilkan seperti kata YB. Anak Bukit. Benih mahsuri yang digunakan oleh petani luar negara. Kerana benihnya cantik, rasanya sedap, baunya harum. Mana mungkin petani kita tak sanggup dan tidak mampu menguji-kaji benih yang baru. Hanya YB. Sidam. Petani kita tak sanggup lagi berada dalam keadaan kemiskinan. Walaupun mereka berpeluh. Siang hari, tengah hari, matahari terik. Bersusah payah memandang padi untuk memastikan kita yang ada di dewan ini boleh makan beras setiap hari. Itu jawapan dan respon kepada saya YB. Sidam.

Ahli – Ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang hormati sekalian. Terlebih dahulu saya izin mengarakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya. Untuk buat ucapan pengulungan pada Sidang Dewan Yang Mulia ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli – Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan menyentuh pesawah kita. Sesungguhnya pesawah negeri Kedah bukan sekadar petani tetapi mereka adalah penjaga amanah negara. Penyambung hayat perut rakyat dan pewaris sawah bendang yang telah terbentang sejak berabad lamanya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, setiap hari lebih dari 70,000 pesawah di Kedah mengerah keringat mereka untuk memastikan rakyat Malaysia tidak kelaparan. Namun realitinya mereka masih bergelut dengan beban kos pengeluaran yang tinggi serta hasil yang tidak menentu. Walaupun negeri Kedah dikenali sebagai jelapang kepada negara, realitinya ekonomi pesawah masih berada pada tahap yang membimbangkan. Pendapatan yang terima tidak seimbang dengan beban kos pengeluaran menjadikan sebagian besar pesawah terus bergelut dalam kitaran kemiskinan. Hari ini menuntut perhatian serius agar mereka dapat menikmati taraf hidup yang lebih baik selari dengan jasa besar yang mereka curahkan kepada negeri dan negara yang kita cintai ini. Ini ditambah pula dengan cadangan ataupun usaha cadangan pindaan akta 634 iaitu Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 yang pada dasarnya bakal mengawal biji benih milik pesawah serta petani kita sejak zaman berzaman.



Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin tegaskan dewa ini bahawa Akta 634 ini tidak memihak kepada pesawah kecil kita sekali-kali. Cadangan untuk meminda akta ini adalah untuk membolehkan Malaysia memintai konvensyen UPOV. UPOV berkemungkinan akan menjadikan pasaran benih negeri Kedah dimonopoli oleh syarikat-syarikat benih yang besar-besar. Pesawah, petani sayuran dan petani buah-buahan tidak lagi bebas menyimpan, berkongsi dan menjual benih secara kecil-kecilan. Pindaan akta ini akan menjadikan pesawah terlalu bergantung kepada syarikat besar. Mereka hilang hak tradisi menyimpan, bertukar dan menjual benih yang selama ini menjadi tunjang kekuatan sawah bendang melayu Kedah Darul Aman yang kita cintai ini. Inilah bentuk penjajahan moden ke atas petani kecil. Para petani kita mesti dimerdekan daripada penjajahan ini. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker, ketika ini 30% daripada pesawah negeri Kedah mengamalkan aktiviti menyimpan, berkongsi dan menjual benih sesama mereka kerana benih yang mereka hasilkan sendiri lebih berkualiti, diyakini dan boleh menjimatkan kos seperti yang diperkatakan oleh YB. Tokai dan beberapa Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Dulu-dulu Tok Nenek kita pun buat benih sendiri lah, seperti yang dikatakan oleh YB. Ayer Hitam dan sebagainya. Dalam 10 petak, 1 petak dia buat benih. Tak ada apa nak kena tunggu mana - mana saintis pun. Mereka sendiri saintis, itu telah membuktikan YB. Sidam, bahawa petani kita berkemampuan mempunyai daya pemikiran yang baik dapat menghasilkan benih-benih yang dulu ini...

#### **YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK**

Boleh mencelah?

#### **YB. TUAN SPEAKER**

Saya tak benarkan celahan. Saya minta EXCO terus buat pergulungan.

#### **YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN AB GHANI**

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Malangnya ada pula cadangan RUU Kualiti Benih Tanaman yang akan mewajibkan perlesihan kepada semua individu yang menyimpan, memproses dan menjual benih tanaman. RUU ini adalah satu tindakan yang akan membebankan petani-petani kecil kita. Peraturan sedia ada dengan beberapa penambahbaikan seperti persijilan mirip sijil halal sudah mencukupi untuk mengawal selera pasaran benih komersial. RUU ini berkemungkinan hanya akan menjadi alat untuk mengawal sistem benih padi, benih petani yang akhirnya membuka jalan kepada penguasaan pasaran oleh syarikat-syarikat besar sahaja.



YB. Tuan Speaker. Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Ahli YB. Kota Siputeh yang telah membawa usul bersejarah ini ke dalam Dewan. Usul tersebut mencadangkan Pelaksanaan Program Pembiak Bakaan Tanaman Padi Oleh Komuniti atau PPB sebagai langkah strategik untuk memperkaya kepelbagaian varieti padi dan memperkasakan kearifan tempatan petani kita di negeri Kedah Darul Aman ini. Sebagai Jelapang Padi Negara, Kedah tidak boleh terlalu bergantung kepada beberapa varieti popular sahaja. Risiko penyakit seragam, perubahan iklim dan kehilangan kepelbagaian genetik amat besar jika kita terus bergantung kepada sistem semasa. Justeru, saya menyatakan sokongan penuh terhadap usul YB. Kota Siputeh supaya nasib para pesawah serta petani Kedah Darul Aman ini lebih terbela.

YB. Tuan Speaker, daripada kita menyekat pesawah, mengapa tidak kita angkat mereka sebagai rakan kongsi inovasi. Jangan ingat pesawah petani kita ini tak cerdik. Mereka cerdik. Tapi mereka dah ikat tangan, ikat kaki, tinggal tak boh tape dekat mulut mereka lagi. Bagilah ruang untuk mereka berinovasi. YB. Sidam. YB. Sidam juga seorang bekas petani. Tentu sekali kalau kita disekat, macam mana kita nak bergerak. Bagilah petani kita ini ada pilihan. Seperti yang dikatakan oleh YB. Tokai dan juga YB. Kupang tadi. Mereka nak benih yang terbaik. Sebab mereka bawa keluar modal. Ingat senang kalau nak buat bendang. YB. Tuan Speaker juga dok gangguk tu, besa buat bendang itu saya tahu. Dok cerita masalah kat saya macam-macam. Banyak mengadu hal itu. Minta mesin pula.

#### **YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK**

Dua kali sebut Sidam ni tak boleh tak boleh mencelahkah? Dua kali dah sebut nama Sidam ni.

#### **YB. TUAN SPEAKER**

Tak, tak celah dah. Pergulungan. Kita bagi habiskan.

#### **YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN AB GHANI**

Daripada kita menyekat pesawah, mengapa tidak kita angkat mereka sebagai rakan kongsi. Inilah yang disebut sebagai Pembiak Bakaan Tumbuhan Participatory atau PPB. Pembiak Bakaan Tumbuhan Participatory adalah anjukkan paradigma dalam dunia pertanian. Ia mengiktiraf pesawah bukan hanya sebagai penerima teknologi tetapi sebagai pencipta bersama varieti baru. Melalui PPB, pesawah bekerjasama dengan pakar untuk memilih benih. Bukan buat seorang-seorang.



Bukan bersama pakar. Ujian varieti akan terus di sawah. Pesawah sendiri menilai prestasi varieti yang paling sesuai dengan tanah dan cuaca mereka. Kaedah ini meningkatkan rasa kepunyaan ataupun *sense of belonging* dengan izin, pesawah terhadap varieti baru mereka. Apabila pesawah percaya, mereka akan menanam tanpa ragu-ragu dan kadar kejayaan juga lebih tinggi. Insyaallah.

YB. Tuan Speaker, kaedah ini bukan teori semata-mata seperti yang disebutkan oleh YB. Kota Siputeh tadi. Di China, Indonesia, Filipina dan Bangladesh, kaedah ini sudah lama dipraktikkan. Hasilnya, mereka berjaya menghasilkan ratusan varieti padi unik yang tahan penyakit tempatan sesuai dengan pelbagai tanah dan mempunyai rasa serta aroma yang digemari pengguna. Yang lebih penting, varieti ini bebas ditanam dan sudah dikongsi tanpa sekatan hak cipta yang terlalu ketat. Inilah asas kekuatan pesawah mereka. YB. Tuan Speaker, justeru saya ingin mencadangkan projek Rintis Padi Kedah Rakyat di sebuah kawasan di Tobiar, Pendang yang mana pada ketika ini telah saya jadikan plot percubaan ataupun Test Plot dengan izin bagi tanaman dan teknologi berasaskan padi.

YB. Tuan Speaker, kawasan ini telah ada kerjasama dengan agensi nuklear serta UITM telah menguji kaji 5 jenis varieti padi bakar baru yang jenis tahan kemarau atau kurang air. Jenis tahan banjir atau pokok tinggi atau batang kuat jenis. Sesuai untuk air masin pun ada daripada uji juga. Jenis biji padi banyak lebih daripada 200 biji setangkai. Jenis tahan penyakit atau kerah batang atau hawak daun dan tempoh penuaian ialah 90 hingga 90 hari sahaja dan ujian-ujian sini sedang dijalankan di tapak percubaan ataupun test plot kita di Tobiar, Pendang. Objektif melahirkan varieti padi Kedah tempatan hasil kebanyakan ilmu, saintis dan kearifan pesawah. Latihan asas pembiakkan bakaan kepada kumpulan pesawah keras pemilihan dan penanaman benih di sawah pesawah sendiri. Dokumentasi dan perkongsian varieti baru dan komuniti pengiktirafan kepada pesawah sebagai pembiakbakaan tempatan. Projek ini bukan sahaja meningkatkan kepelbagaian varieti padi tempatan tetapi juga memperkasakan pesawah sebagai pelindung kedaulatan benih negara.

YB. Tuan Speaker, izinkan saya menegaskan beberapa perkara.

1. Hak pesawah terhadap benih mereka mesti dipertahankan. Cadangan Pindaan Akta 634 wajar disemak semula.
2. Pendekatan Program pembiakbakaan Tanaman Padi Oleh Komuniti atau PPB dan projek Rintis Padi Rakyat Kedah perlu disokong demi masa depan pesawah dan petani kita.



Saya juga ingin memohon pertimbangan pihak Kementerian sekali lagi untuk menimbang dan mengkaji semula sistem subsidi benih padi yang diberi terus kepada pesawah. disini saya ingin mencadangkan supaya subsidi benih padi sah diberi terus kepada pesawah, bukan kepada pengilang – pengilang. Yang kedua, saya ingin mohon pihak Kementerian untuk mempertimbangkan, untuk memperbanyakkan lagi syarikat-syarikat yang diberi lesen ataupun quota untuk mengedar benih padi sah. Sekarang ni YB. Tuan Speaker, hanya ada 4 syarikat sahaja yang ada lesen dan quota untuk mengedar benih padi sah untuk Kedah dan Perlis. Jadi, faham-faham lah maksud saya tu.

Kita ada lebih di Kedah sahaja, lebih daripada 70,000. petani syarikat yang boleh bekal subsidi 4 sahaja. Adakah patut? Bagi lagi 10 apa salahnya? Bagi peluang kepada pesawah-pesawah untuk ada pilihan. Kalau kata kilang A benih dia tak elok, dia boleh pilih kelang B. Ini 4 syarikat tu sahaja. Sebab itulah ada pesawah-pesawah kita ni buat benih sendiri. Jangan marah kat mereka. Tengok balik sistem yang ada ni. Kaji balik. Adakah ia menguntungkan petani ataupun menguntungkan orang-orang pihak sahaja. Kita nak jaga petani. Pasal mereka yang buat bendang. Oleh kerana mereka buat bendang, kita boleh makan beras setiap hari. Kena jaga mereka lah. Jangan jaga puak kilang. puak kilang tu kaya dah.

Jadi, Yang Berhormat Tuan Speaker. Sebutir padi yang jatuh ke tanah bukan sekadar makanan tetapi lambang kedaulatan sebuah bangsa. Maka dengan penuh tekad saya nyatakan bahawa Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman akan terus membela pesawah menuntut hak mereka memperjuangkan insentif yang tertunggak dan melaksanakan pendekatan baru demi menjadikan sawah kedah terus hijau dan menguning hasilnya melimpah dan pesawahnya sejahtera. Saya sudah dengan serangkap pantun Yang Berhormat Tuan Speaker.

*Padi Menguning Indah Terbentang,  
Angin Berlagu Di Waktu Senja,  
Peluh Didahi Bukanlah Kurang,  
Hidup Petani Penuh Berjasa.*

Sekian, Wabillahi Taufiq Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## **YB. TUAN SPEAKER**

Terima kasih YB. Suka Menanti atas pergulungan ke atas usul yang telah pun dibentangkan.



**YB. TUAN SPEAKER**

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian masalah di hadapan Dewan sekarang adalah satu usul yang berbunyi seperti berikut :-

“Bahawasanya Dewan Undangan Negeri Kedah yang bersidang pada hari ini mencadangkan Pelaksanaan Program Pemiakbakaan Tanaman Padi oleh Komuniti untuk memperkayakan kepelbagaian varieti dan memperkasakan kearifan tempatan di Negeri Kedah Darul Aman”.

**YB. TUAN SPEAKER**

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan Usul ini pinta kata “setuju”, yang tidak kata “tidak”.

**TUAN SPEAKER**

Kedengaran saya menampakkan setuju itu lebih. Makan usul ini diluluskan.

**YB. TUAN SPEAKER**

Urusan seterusnya Tuan Setiausaha.

**TUAN SETIAUSAHA DEWAN**

Tangguhan Sidang Dewan.

**YB. TUAN SPEAKER**

Dipersilakan YAB. Dato’ Seri Menteri Besar untuk mencadangkan tangguhan Sidang Dewan.

**YAB. DATO’ SERI MENTERI BESAR**

YB. Tuan Speaker. Sebelum saya membacakan teks untuk Penangguhan Dewan kali ini saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli - Ahli Yang Berhormat.



Pegawai-pegawai daripada agensi jabatan negeri dan persekutuan yang telah mengambil bahagian secara langsung dan tidak langsung dalam persiapan dan perbincangan dalam Sidang Dewan pada kali ini. insyaallah kita akan bertemu lagi kalau umur panjang dalam Sidang Bajet yang dijadualkan pada Oktober atau November akan datang.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana perkara-perkara di dalam Agenda Mesyuarat Persidangan Dewan pada kali ini telah pun selesai dibincangkan, maka saya pohon mencadangkan di bawah Peraturan 16(3) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman supaya persidangan ini ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak.

Terima kasih.

**YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI AISHAH BT HJ. GHAZALI**

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

**YB. TUAN SPEAKER**

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sehingga perjalanan urusan mesyuarat dapat berjalan dengan sempurna dan teratur. Saya juga memohon atas kekhilafan yang berlaku yang tidak disengajakan. InsyaAllah perkara itu tidak akan berulang.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya dengan ini menangguhkan Sidang Dewan pada kali ini sehingga ke suatu masa yang akan diberitahu kelak. Dan ketukan ini memang betul – betul.

Sekian, terima kasih.

**Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**